

**"DOKUMEN INI BELUM DISEMAK!"**

**[Senarai Ahli Parlimen dilampirkan]**

**[Kandungan dilampirkan]**

\*\*\*\*\*

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 23 Mac 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apa langkah-langkah yang telah diambil oleh pasukan polis untuk melawan kes-kes rompakan, dadah, pembunuhan dan perogolan yang masih menjadi-jadi di Sabah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan pihak polis sentiasa prihatin terhadap keselamatan penduduknya. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah berikut telah pun diambil bagi menentukan keadaan keselamatan dan kegiatan jenayah dapat dibendung serta dikurangkan. Langkah-langkah adalah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan lagi operasi penangkapan dan pengusiran balik pendatang asing;
- (ii) mewujudkan konsep *Eastern Command*, dengan izin, di Pantai Timur negeri Sabah melalui penempatan anggota-anggota pasukan Gerak Am di 32 pangkalan atau pos strategik. Pelaksanaan langkah tersebut setakat ini telah membawa kejayaan kepada tertumpasnya 15 kumpulan lanun di perairan kawasan Pantai Timur, Sabah;
- (iii) mewujudkan konsep *Community Policing*, dengan izin, iaitu kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung dan masyarakat setempat dengan pihak polis bagi mengatasi masalah keselamatan dan jenayah setempat;

- (iv) penekanan konsep peningkatan kadar penyelesaian kes di mana penjenayah-penjenayah telah pun ditangkap dan didakwa dan seterusnya ini telah menyumbang kepada penurunan kes-kes bunuh, rompakan dan rogol; dan
- (v) mempergiatkan lagi serbuan dan tangkapan ke atas pengedar dan penagih dadah di mana sebanyak 1,017 kes tangkapan dadah dan sejumlah 4,448 tangkapan penagih dadah telah pun dilakukan pada tahun 1999.

Pelaksanaan langkah-langkah tersebut telah pun menyumbang kepada penurunan kadar jenayah keganasan di Sabah, iaitu sebanyak 917 kes bagi tahun 1999 berbanding dengan 1,087 bagi tahun 1998. Ini bererti penurunan sebanyak 170 kes ataupun 15.64%. Bagi jenayah harta benda pula sebanyak 6,143 kes telah pun direkodkan bagi 1999 berbanding dengan 6,673 bagi tahun 1998, iaitu penurunan sejumlah 530 kes ataupun 7.94%. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar pihak Kementerian Dalam Negeri menghadapi kekurangan peruntukan untuk membekal kenderaan-kenderaan untuk pihak pasukan Polis Diraja Malaysia untuk tugas-tugas rondaan, sehingga saya dapati pihak polis sentiasa minta sumbangan daripada pemaju-pemaju untuk membekal kenderaan seperti Kancil untuk kegunaan rondaan oleh pihak polis. Saya ingin tahu bagaimanakah dengan kenderaan Kancil ini dapat mengejar penjenayah-penjenayah yang guna kenderaan-kenderaan yang mewah dan laju untuk menangkap penjenayah dengan cara begini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua maklum pada setiap tahun, hujung tahun dalam belanjawan, kerajaan kita memang peruntukkan yang secukup-cukupnya diberikan kepada semua kementerian termasuk Kementerian Dalam Negeri dari segi bekalan alatalat, kenderaan-kenderaan dan lain-lain kepada pihak-pihak yang berkenaan dan dalam kes ini memang Polis Diraja Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan pada dua-tiga tahun kebelakangan ini oleh kerana kemelesetan ekonomi maka peruntukan adalah dikurangkan sedikit. Walau bagaimanapun, kekurangan peruntukan ini memang tidak bermaksud bahawa tidak mencukupi kemudahan-kemudahan bagi pihak Polis Diraja Malaysia untuk menjalankan tugas menjaga keselamatan dan ketenteraman negara.

Bagi soalan yang spesifik itu memang ada juga terdapat kenderaan-kenderaan seperti Kancil dibekalkan kepada polis untuk buat rondaan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini memang kereta-kereta Kancil ini bukan dibekalkan untuk dimaksudkan mengejar pencuri ataupun perompak-perompak. Ada lain-lain kenderaan yang lain yang lebih hebat. Macam sekarang Proton Perdana V6 pun cukup laju juga. Kenderaan Kancil ini digunakan dalam taman-taman sahaja untuk rondaan biasa sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang dimaklumkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu penurunan kadar jenayah dalam tempoh dua tahun di Sabah. Sebenarnya penurunan jenayah ataupun kejadian-kejadian yang tidak diingini yang bersifat jenayah dan ganas ini berlaku juga di negeri Kelantan di bawah pentadbiran PAS. Soalannya, adakah pihak polis khususnya boleh menganalisa secara spesifik punca-punca sebenar berlakunya kes-kes yang dimaksudkan seperti rompakan, pengedaran dadah, pembunuhan, perogolan dan seumpama untuk diketahui oleh umum supaya pihak umum ataupun pihak rakyat seluruhnya mengambil tanggungjawab untuk berkongsi sama untuk menangani masalah kes-kes ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan yang ditanya pada pagi ini adalah soalan khusus untuk Sabah sahaja, tetapi walau bagaimanapun, jika saya diminta untuk memberi sebab-sebab mengenai berlakunya kes-kes rompakan di negara kita memang terlalu banyak dan detail yang terperinci. Jika Yang Berhormat berminat memang saya boleh bagi, tetapi terlalu banyak, kita tidak mahu buang masa Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, pihak Polis Diraja Malaysia tidak kira sama ada di mana di Sabah atau di Kelantan sentiasa mempunyai program, program-program yang melibatkan orang awam termasuk juga orang-orang individu yang bertanggungjawab seperti Yang Berhormat sendiri macam mana kita dapat mencegah berlakunya jenayah-jenayah. Memang tidak dapat dinafikan kalau PDRM diberikan tugas untuk menjalankan tugas sendiri tanpa penglibatan pihak awam dan juga pihak-pihak berkuasa lain, memang sukar sedikit hendak membendung masalah-masalah mengenai jenayah-jenayah di negara kita. PDRM seperti saya katakan melalui program pendidikan yang melibatkan orang awam telah pun dapat mencapai kejayaan. Walaupun kejayaan itu memang tidak begitu memberangsangkan lagi. Tak

apalah macam mana pun saya akan melalui 'kapasiti' saya dalam KDN akan sentiasa bincang dengan pihak polis macam mana kita dapat melibatkan lagi dengan program-program lain di mana pihak awam dapat memainkan peranan. Sekian.

*[Soalan No. 2 – Y.B. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau) tidak hadir]*

3. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menggubal Akta Penghinaan Mahkamah (Contempt of Court Act) untuk kawal selia (regulate) undang-undang di bidang ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah melahirkan kehendak untuk mewujudkan satu akta berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, iaitu mengenai mahkamah dan penghinaannya atau contempt of court, dengan izin. Usaha itu masih berada dalam penyelidikan dan sekiranya semua hasil penelitian dan penyelidikan itu dihasilkan untuk mewujudkan akta itu secara yang diperlukan maka usaha itu akan menjadi kenyataan.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan sekarang sudah cukup peruntukan di bawah undang-undang negara yang membolehkan mahkamah mengambil tindakan di atas mana-mana perkara yang bersabit dengan contempt of court atau penghinaan mahkamah. Contohnya ialah di bawah Perkara 126 Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, saya bacakan, "*Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi adalah berkuasa menghukum sesiapa yang melakukan apa-apa penghinaan terhadapnya.*"

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri yang sentiasa prihatin. Soalan tambahan saya adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ramai orang termasuk kalangan profesional masih kurang faham tentang undang-undang di bidang ini, dan apakah rancangan kementerian untuk meninggikan lagi kesedaran masyarakat ini berkaitan dengan undang-undang penghinaan mahkamah?

**Dato' Dr. Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab secara am soalan tambahan itu, suka saya merujuk kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan juga Akta Mahkamah Rendah 1948 di mana peruntukan secukupnya adalah diberi bersama-sama dengan kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi dan juga kaedah-kaedah

Mahkamah Rendah 1980. Oleh kerana perkara ini adalah melibatkan isu-isu teknikal dalam soal penghinaan, maka bukanlah ruangnya bagi kita di Dewan yang mulia ini untuk menghuraikan satu persatu apa yang dianggap sebagai skop undang-undang tersebut. Namun, sekiranya masyarakat Malaysia menghormati sistem rule of law ataupun keluhuran undang-undang maka pihak-pihak yang berkaitan dengan penerangan dan juga badan-badan NGO atau yang tidak berkaitan dengan kerajaan boleh menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan dengan pengetahuan sabit dengan penghinaan mahkamah.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut Artikel 126 berkaitan dengan kuasa Federal Court, Court of Appeal dan High Court berkaitan dengan menghukum di atas kesalahan contempt of court. Tetapi daripada segi pengkhususan apakah dia telatah contempt of court tidak nyata dan begitu juga dengan hukumannya. Pada hari ini kita nampak banyak kes yang dibawa di mahkamah berkaitan dengan contempt of court berbagai-bagai di mana mahkamah mempunyai bidang kuasa budibicara yang begitu luas. Jadi, terdapat persepsi di kalangan masyarakat perundangan seolah-olah tindakan yang diambil oleh mahkamah itu adalah tidak adil dalam melaksanakan pentadbiran kehakiman, dan adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa pada masa ini there is an urgent need to have this law, dengan izin, dan juga di mana kita boleh memasukkan juga peruntukan berkaitan dengan peguam-peguam yang menyalahgunakan kedudukannya dan membuat mahkamah sebagai satu forum untuk kepentingan diri sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Dato'?

**Dato' Dr. Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Alor Gajah. Bagi menjawab soalan pertama, sebenarnya keperluan untuk mewujudkan undang-undang berkaitan dengan penghinaan mahkamah itu telah dirasai dan perlunya adalah diakui. Cuma saya suka mengaitkan dengan kenyataan awalan tadi iaitu kajian sedang dihalusi pada masa ini sama ada kita perlu mewujudkan satu sistem yang boleh mengaitkan penghinaan itu dengan perlakuan atau kesalahan yang spesifik sama ada di dalam mahkamah atau di luar atau yang membabitkan para peguam waema para hakim sekalipun. Oleh itu, sistem penyelidikan dan juga penegasan tentang peruntukan-peruntukan yang perlu diwujudkan hendaklah dijalankan dengan teliti.

Sukacita saya memaklumkan iaitu akta yang berkaitan dengan penghinaan mahkamah yang sekarang berkuat kuasa di Britain juga dikaji oleh Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri dan juga melibatkan khidmat Peguam Negara serta para peguam yang mempunyai pandangan-pandangan khusus ke arah mewujudkan undang-undang tersebut. Insya-Allah, apabila kajian itu selesai dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya, saya akan maklumkan semula ke Dewan yang mulia ini.

4. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kesan kempen pembelian rumah yang telah dijalankan tahun lalu dan adakah kempen yang sama akan dijalankan pada masa-masa akan datang. Adakah kempen tersebut telah mendorong pemaju menyediakan rumah-rumah yang lebih mampu dibeli umum.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, dua kempen telah dijalankan pada tahun lalu, iaitu kempen pemilikan perumahan yang pertama pada 12 Disember 1998 sehingga 12 Januari 1999. Sebanyak 42,236 unit rumah bernilai RM7.41 bilion ditawarkan untuk dijual. Daripada jumlah itu sebanyak 18,000 unit bernilai RM2.94 bilion telah dijual.

Kempen pemilikan kali kedua diadakan pada 29 Oktober 1999 sehingga 7 Disember 1999 telah menawarkan sebanyak 60,608 unit rumah bernilai RM7.86 bilion. Daripada jumlah itu sebanyak 14,415 unit bernilai RM2.02 bilion telah dijual. Kempen ini diadakan atas inisiatif pihak industri sendiri dengan kerjasama kerajaan. Kempen yang seterusnya akan diadakan sekiranya didapati perlu. Pada pandangan awal didapati pemaju terdorong untuk menyediakan rumah yang lebih mampu dibeli umum, iaitu rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah yang berharga RM150,000 ke bawah yang boleh mendapat pembiayaan akhir dari pihak bank. Sekian.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu sebab rumah tidak dapat dijual melalui kempen itu ialah kerana harga tinggi dan juga kerana rumah tidak menarik, umpamanya bilangan bilik tidak cukup. Tahun ini saya lihat ada pemaju-pemaju perumahan yang menyediakan rumah lima bilik umpamanya dengan harga RM90,000 sahaja. Soalan saya ialah apakah pandangan kementerian terhadap pemaju-pemaju ini kerana taktik

mereka ialah menyediakan bilik yang terlalu kecil, umpamanya 8 x 8 dan juga pernah jumpa bilik 6 x 9. Jadi, ini terlalu kecil, walaupun kita berjaya menurunkan harga rumah tetapi rumah itu tidak sesuai, apakah pandangan kementerian?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita sebut kategori rumah kos rendah, Jabatan Perumahan Negara memang ada sedia satu standard plan bagi rumah-rumah tersebut di mana kita sekurang-kurangnya mewajibkan pihak pemaju untuk mendirikan unit rumah itu dengan tiga bilik tidur. Tetapi mengenai lain-lain kategori seperti sederhana kos rendah, sederhana rendah dan rumah kos tinggi, pihak kerajaan atau kementerian tidak mewajibkan mereka mengikut sesuatu pelan yang standard. Ini kita pulangkan kepada pasaran di mana pihak-pihak pemaju ingin membekalkan rumah-rumah yang dapat dijual di dalam pasaran, iaitu maknanya mana-mana cara yang lebih laku mereka menggunakan cara itu untuk membina rumah.

Ingin juga saya menjelaskan pihak-pihak pemaju ini yang mengiklankan unit-unit rumah mereka semua permohonan ini perlu diluluskan oleh pihak kementerian saya supaya kita tahu daripada pelannya, dari segi harga dan sebagainya, semua ini perlu dijelaskan dalam permintaan permit tersebut dan kita akan meneliti dan juga memantau sama ada rumah-rumah yang dijual itu mengikut permit atau kaedah dalam permit yang kita luluskan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Dalam usaha menjalankan kempen membeli rumah yang tidak dapat dijual keluar, pihak kerajaan dan pihak pemaju selalu ada bekerjasama misalannya untuk mengecualikan stamp duty untuk mengecualikan fee guaman dan lain-lain dan adakah kementerian Yang Berhormat menjalankan satu kajian supaya pembeli-pembeli, kepentingan mereka dapat didorong kerana ramai pembeli-pembeli rumah setelah dipujuk-pujuk oleh pihak pemaju dan ejen-ejen hartanah, mereka membeli rumah tetapi kemampuan mereka belum cukup pada tahap itu, seperti ejen insurans yang polisi-polisi kepada orang yang membeli insurans tetapi selepas satu, dua tahun mereka tidak mampu membayar premium dan polisi itu laps dan akhirnya pembeli-pembeli rumah ini akan mendapat ke pahitan dan adakah kerajaan meneliti supaya ini tidak keterlaluan, supaya pembeli-pembeli kepentingan mereka dapat didorong.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang mengumpulkan segala data dan aduan yang kita

dapat daripada pembeli-pembeli unit-unit perumahan di seluruh negara dan kementerian juga mengadakan satu unit penyelidikan dan pembangunan di mana unit ini akan menjalankan tugas-tugas untuk meneliti segala data-data yang dikumpul supaya kita dapat mengadakan satu respon yang lebih cepat menggunakan kaedah komputer dan sebagainya dan kita haraplah dengan adanya infrastruktur seperti itu di dalam kementerian maka di masa akan datang, kita akan merespon lebih cepat tentang sesuatu yang berlaku.

Tentang kempen ini memang tidak banyak, ada segelintir kompelin atau aduan yang kita terima tentang masalah di mana pihak pembeli itu merasa tidak puas hati tentang harga yang ditawarkan sebab ada perkara yang mereka rasa tidak diberitahu daripada pemaju kepada mereka dan akhirnya mereka rasa tidak puas hati. Semua kompelin ini atau aduan ini kita juga menjalankan siasatan tentang sesuatu, kalau dapat mana-mana masalah yang boleh kita selesaikan, itu antara pembeli dan penjual, kita akan terus menjalankan, tetapi saya ingin jelaskan, kempen yang dijalankan itu adalah cukup memuaskan, masalah yang timbul dari kempen itu tidak banyak. Sekian.

**5. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Feri Malaysia beroperasi semula di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kota Belud, soalan No. 14 pada persidangan hari ini, memandangkan ia adalah mengenai perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, Feri Malaysia adalah feri untuk membawa penumpang di antara Semenanjung dan Sabah atau Sarawak. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan semula perkhidmatan Feri Malaysia yang telah ditamatkan pada tahun 1987.

**Tuan Ronald Kiandee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah punca-punca yang telah menyebabkan gagalnya feri yang telah diadakah satu ketika dahulu untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini?

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak ingin mengadakan perkhidmatan Feri Malaysia selepas ditamatkan pada tahun 1987 oleh sebab banyak kerugian dan memandangkan menaiki kapal terbang lebih menjimatkan masa. Sungguh pun kerajaan tidak akan mewujudkan semula Feri Malaysia, pihak swasta adalah bebas dan dialu-alukan menyediakan perkhidmatan sedemikian bila-bila masa sahaja.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adalah mustahak bagi rakyat Malaysia untuk mengeratkan perpaduan jika penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak kerap kali bercampur dengan penduduk-penduduk Semenanjung. Perkhidmatan Feri Malaysia adalah satu jalan yang mudah dan murah bagi rakyat berpendapatan rendah untuk melawat mana-mana tempat di Malaysia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak atau sebaliknya. Kita difahamkan bahawa MAS mungkin menaikkan kadar tambang domestik. Keadaan ini akan menyulitkan lagi lawatan rakyat yang berpendapatan rendah dari Semenanjung ke Sabah atau sebaliknya. Dengan demikian, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bolehkah perkhidmatan Feri Malaysia diswastakan atau bolehkah perkhidmatan ini diberi subsidi oleh kerajaan jika diswastakan. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jawabkan tadi, buat masa ini kementerian tidak ada menerima apa-apa permohonan bagi perkhidmatan ini, kalau Ahli Yang Berhormat ada berminat memang boleh membuat permohonan kepada kementerian. Kita akan beri kelulusan.

6. **Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapakah peruntukan untuk program takmir mengikut negeri-negeri di seluruh negara yang diluluskan oleh pihak kerajaan; dan
- (b) berapakah jumlah guru-guru takmir di seluruh negara dan apakah masalah pemantauan yang dihadapi terhadap perjalanan kelas-kelas tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah meluluskan peruntukan setiap tahun untuk program takmir masjid yakni mengimarahkan masjid di seluruh negara mengikut negeri-negeri seperti berikut:-

<i>Negeri</i>	<i>Peruntukan (RM)</i>
Johor	- 939,400
Kedah	- 909,600
Terengganu	- 700,800
Pahang	- 660,600
Kelantan	- 447,600
Negeri Sembilan	- 646,700
Perak	- 373,200
Selangor	- 324,900
Melaka	- 342,000
Pulau Pinang	- 321,000
Wilayah Persekutuan	- 250,800
Perlis	- 178,200
Sabah	- 105,600
Sarawak	- 200,000
<b>Jumlahnya</b>	<b>- 6,196,100</b>

Ini bagi tahun 2000.

- (b) Guru-guru takmir di seluruh negara berjumlah 3,051 orang. Dalam memantau perjalanan kelas-kelas takmir, JAKIM menghadapi beberapa masalah yang boleh menyulitkan kelancaran kelas-kelas takmir. Antaranya:
- (i) kekurangan tenaga, sama ada di peringkat Pusat dan negeri;
  - (ii) jadual kelas-kelas tidak sama di antara masjid-masjid; dan
  - (iii) pegawai-pegawai yang ada mempunyai beban tugas yang banyak.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan dari pihak kerajaan yang telah pun mengeluarkan peruntukan yang besar dan juga jumlah guru yang banyak di seluruh negara, tetapi apa yang menjadikan masalah ada sebahagian daripada guru-guru takmir termasuk di

negeri Johor yang telah dilantik oleh kerajaan dan seterusnya kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang besar yang telah disebutkan tadi, sepatutnya guru-guru ini menunjukkan sikap yang baik, mulia. Tetapi apa yang terjadi sekarang, ada sebahagian guru-guru takmir itu menentang kerajaan dan memburukkan kerajaan yang memberi mereka rezeki dan menjadi guru. Sepatutnya mereka ini berterima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Hassan:** Soalannya, ia mesti ada mukaddimah sedikit. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah!

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Saya ingin hendak tahu, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan jika berlaku perkara yang tersebut?

**Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tebrau, bahawa sekiranya guru-guru yang dilantik untuk mengajar di masjid-masjid menyeleweng daripada dasar dan daripada kurikulum yang ditentukan, maka perlantikan mereka tidak diperbaharui apabila genap dua tahun.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan politik – tidaklah. Saya ingin bertanya adakah perlantikan guru takmir dan perjalanan mereka ada hubungan baik dengan kerajaan negeri, sebab agama di bawah pentadbiran raja dan di bawah kerajaan negeri. Adakah hubungan baik itu sentiasa ada dan Dato' Menteri, selalunya takmir ini kuliah-kuliah dibuat di masjid dan masjid-masjid sekarang kerajaan cuba control. Apakah kerajaan akan siasat ada berita yang telah tersiar dalam surat khabar iaitu pegawai Jabatan Agama Islam Selangor telah mengeluarkan pistol kepada orang ramai dalam masjid di Kampung Nakhoda, setelah diumumkan jawatankuasa masjid dan jawatankuasa yang diumumkan itu tidak diterima oleh ahli jemaah. Maka dalam keadaan marah dia telah mengeluarkan pistol, pistol betul, bukan pistol lain. Jadi, apakah kerajaan akan menyiasat perkara ini supaya usaha untuk memperbetulkan keadaan di masjid sekarang ini mendapat sokongan rakyat dan sokongan umum. Ini yang saya ingin penjelasan dan adakah siasatan telah dibuat dalam perkara ini?

**Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, guru-guru takmir yang dilantik memang ada hubungan baik dengan jabatan-

jabatan agama. Mereka adalah lantikan jabatan agama dan hubungan baik ini tetap kita akan jaga, kalau sekiranya mereka menyeleweng dan sebagainya, nasihat-nasihat tertentu kita berikan kerana mereka ahli agama dan tergolong daripada alim ulama yang sentiasa mengambil nasihat daripada mana-mana pihak.

Bagi soalan yang kedua, inilah kali yang pertama saya dengar dan insya-Allah, saya akan ..pegawai menunjukkan pistol itu kepada orang ramai, saya rasa dari segi kanun senjata api itu sudah salah, tetapi saya akan siasat perkara ini.

*[Soalan No. 7 – Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar] tidak hadir]*

*[Soalan No. 8 – Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir]*

**9. Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, memandangkan kesesakan jalan raya terutama di musim perayaan dan kos pembinaan jalan raya yang tinggi sama ada kerajaan telah mengambil langkah-langkah supaya KTM membina landasan-landasan baru di tempat yang tidak ada landasan sekarang atau menambah landasan yang ada menjadi dua landasan.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, KTMB memang prihatin terhadap permintaan bagi membina landasan baru juga membina landasan berkembar di laluan-laluan yang sesuai untuk dilaksanakan. Pada masa ini projek-projek landasan berkembar yang sedang dilaksanakan dan sedang dirancang oleh KTMB adalah seperti berikut:-

- (a) Projek peningkatan infrastruktur rel yang sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.
  - (i) Projek landasan berkembar Rawang-Ipoh –  
Projek ini yang dianggarkan akan siap menjelang pertengahan tahun 2004 akan meninggikan kapasiti landasan sedia ada KTMB serta memendekkan masa perjalanan dari Rawang ke Ipoh kepada dua jam sahaja.
  - (ii) Projek landasan berkembar Sentul-Batu Caves –  
Landasan berkembar ini akan mengurangkan kesesakan jalan raya di sekitar Batu Caves dan

pusat bandar Kuala Lumpur. Laluan tersebut akan meningkatkan kapasiti pengangkutan tren barang yang membawa muatan simen dan mewujudkan tren penumpang khas dari Sentul ke Batu Caves sewaktu perayaan Thaipusam.

Dijangka siap pada awal tahun 2003.

- (b) Cadangan projek landasan berkembar elektrik Ipoh ke Padang Besar di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Cadangan projek landasan berkembar ini akan mengurangkan kesesakan yang disebabkan oleh perkembangan pesat sektor perkhidmatan barang di kawasan landasan di Wilayah Utara. Pertumbuhan perkhidmatan jambatan darat atau land bridge, dengan izin, telah menambahkan keperluan kapasiti di rangkaian landasan ini. Pelaksanaan projek ini akan membangunkan sektor kereta api barang dan penumpang dengan membolehkan penggunaan tren penduler atau 'duelling train', dengan izin, yang lebih cepak, cepat dan selesa. Sebagai contoh, masa perjalanan antara Kuala Lumpur ke Butterworth boleh dipendekkan kepada kurang daripada empat jam di mana sebelumnya mengambil masa enam jam 30 minit. Ini akan membolehkan KTMB menandingi rangkaian lebuhraya sedia ada yang disifatkan sebagai antara yang terbaik di rantau Asia. Tambahan pula elektrifikasi landasan ini membolehkan perkhidmatan komuter dikaji di Wilayah Utara.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada satu soalan tambahan, pendek sahaja. Memanglah baik kalau landasan-landasan baru KTM ini dapat ditambahkan dan tidak mungkin kalau saya minta tadi kalau Feri Malaysia tidak dapat dilakukan di Sabah, kita hendak minta landasan baru dari Sabah ke Semenanjung. Cuma soalan saya, berhubung dengan jaminan keselamatan atas landasan-landasan kereta api ini supaya tidak berlaku kereta api yang tergelincir kerana ini akan mengakibatkan keselamatan orang ramai atau penumpang. Jadi, saya minta kalau boleh mengenai perkara ini, tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak KTM. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Laut, memang cadangan atau pandangan Ahli Yang Berhormat akan dikaji oleh pihak KTMB.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Daripada jawapan tadi, nampaknya bahawa kerajaan atau KTM sekarang ini sedang melaksanakan projek dua landasan dan sebagainya di kawasan yang disebutkan tadi terutama di kawasan Klang Valley dekat Kuala Lumpur. Soalan saya ialah, saya melihat bahawa dalam negara kita ini, kita banyak menekankan masalah pembinaan jalan-jalan raya tetapi kurang menekankan masalah pembinaan kereta api.

Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, tidak ada menunjukkan bahawa kerajaan berusaha untuk mengadakan landasan-landasan baru. Landasan-landasan yang ada sekarang ini ialah landasan-landasan yang dibuat pada zaman penjajahan dahulu, pada masa British, kita tidak ada membuat tambahan kepada landasan-landasan sekarang. Mengikut apa yang diberitahu kepada Dewan ini, bahawa kita akan mengadakan, membuat lebu-lebu raya ke beberapa tempat termasuk ke pantai Timur tetapi tidak ada kemajuan dibuat mengenai pemindahan landasan kereta api ke pantai Timur seperti Terengganu ataupun membuat duel rel di Kelantan misalnya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Machang, tuduhan Yang Berhormat mengatakan KTMB tidak ada membuat landasan yang baru, itu tidak tepat. Sebab landasan yang kita cadangkan adalah berkembar, yang dahulu hanya single line, sekarang berkembar, dua lines. Tentang soalan yang sebab KTMB tidak ada landasan di pantai Timur, memang itu adalah masalah yang tertentu, oleh sebab cuaca dan sebagainya.

**10. Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sama ada kementerian sedar bahawa borang-borang permohonan untuk memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam (IPT) adalah terhad, sukar didapati dan tidak mencukupi; dan
- (b) adakah usaha-usaha atau cadangan yang dijalankan oleh pihak kementerian bagi mengedarkan borang permohonan tersebut di sekolah-sekolah kerajaan secara percuma mulai dari tahun ini.

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan pelajar mendapat borang permohonan kemasukan ke institut pengajian tinggi awam, pihak kementerian telah mengambil langkah mengedarkan borang-borang tersebut ke sekolah-sekolah. Namun demikian, pelajar hendaklah membuat pesanan lebih awal melalui sekolah masing-masing. Selain dari itu, pelajar boleh membeli borang tersebut di Bank Simpanan Nasional atau Jabatan Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan. Pihak kementerian juga sentiasa memastikan bahawa borang permohonan tersebut adalah mencukupi dengan permintaan pelajar.

Buat masa ini borang permohonan kemasukan ke IPTA tidak dapat diberi secara percuma, ini memandangkan selain daripada borang tersebut disertakan juga buku panduan yang menjelaskan syarat-syarat kemasukan. Bayaran yang dikenakan adalah untuk menampung kos percetakan dan juga kos pemprosesan permohonan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu mengikut pengalaman kementerian, berapa banyak borang permohonan IPTA disediakan memandangkan ia dianggap masih tidak mencukupi pada tiaptiap tahun. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh terima cadangan saya sama ada kementerian boleh mengedarkan borang permohonan melalui akhbar tempatan dengan syarat-syarat yang ada, kemudian bayaran selepas permohonan itu dan sama ada pemohon boleh mengemukakan permohonan terus melalui Internet. Jadi, dari segi bayaran itu mungkin selepas permohonan itu dilampirkan dengan bayaran bersama. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Pada tahun ini sebanyak 28,000 borang untuk permohonan lepasan STPM dan 115,000 untuk permohonan lepasan SPM/SPMV telah dicetak. Saya menerima saranan daripada Ahli Yang Berhormat dan akan mengkajinya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembiralah, Menteri sendiri dapat menjawab. *[Disampuk oleh beberapa Ahli Yang Berhormat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah sebut itu, Yang Berhormat. Teruskan soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita gembira dengan Menteri pun tak boleh! *[Sorak]* Cemburu pulak, iri hati pulak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong, Kepong, Yang Berhormat Kepong, Yang B erhormat Kepong, peraturan ada tahu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu, saya tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu. Terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua pun faham juga keadaannya. Saya rasa gembira dengan Menteri, itu satu perkara yang baik juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dengar saya hendak tegur sedikit, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong sini dekat tahu, tak payah pergi sampai Seremban baru pusing balik. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan saya pusing, di situ yang melontar, *[Menunjuk ke Blok C][Ketawa]* itu masalah sekarang. Dan soalan banyak, soalan banyak. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa setiap tahun memang pelajar-pelajar kita berminat memasuki IPTA, ini memang satu gejala yang baik yang mesti digalakkan. Walau bagaimanapun, dengan terus terang kita tahu ada masalah, masalah seperti 'murai yang berkicau hari siang' *[Ketawa]*, kita tahu ada masalah yang tidak kena, tidak tepat. Bolehkah Yang Berhormat mengkaji bagaimana negara-negara yang lain seperti New Zealand, Australia, Singapura dan United Kingdom, bagaimana mereka menguruskan hal seumpama ini kerana memasuki universiti bukan di Malaysia sahaja bahkan juga kita hendak tambahkan dengan berlipat ganda penuntut-penuntut di dalam IPTA.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak beri ucapankah? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan ucapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak beri ucapankah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini satu penerangan untuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tolong kemukakan soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:**.....kerana jawapan tidak begitu nyata, tidak begitu terang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, baik. Terima kasihlah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri, sila jawab.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat telah merujuk kepada masalah-masalah tanpa menentukan apakah masalah itu. Jadi, saya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak ada soalanlah.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Jadi, saya tidak dapat menjawabnya. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana! *[Ketawa]*

*[Soalan No. 11 - Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) tidak hadir]*

*[Soalan No. 12 - Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) tidak hadir]*

13. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan mengkaji untuk menambah peluang pekerjaan kepada kaum Cina dan kaum India untuk berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan supaya masyarakat 3 kaum di negara ini dapat menikmati perkhidmatan daripada yang berbilang kaum dengan lebih sempurna.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa membuka peluang yang luas kepada semua kaum di Malaysia untuk memasuki Perkhidmatan Awam dan ditempatkan di pelbagai jabatan kerajaan. Pengambilan anggota-anggota baru ke dalam perkhidmatan kerajaan adalah bergantung kepada kekosongan sesuatu jawatan. Pemohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan jawatan-jawatan yang berkaitan dan berjaya dalam temuduga yang diadakan oleh suruhanjaya perkhidmatan berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Goh Siow Huat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya dapati kaum Cina dan kaum India memang ada memohon kekosongan pekerjaan kerajaan tetapi tidak berjaya dan bolehkah kerajaan memberi certain percentage, dengan izin, kuota pekerjaan kerajaan untuk kaum Cina dan kaum Melayu supaya bersama-sama berusaha berkhidmat untuk negara kita dan pada masa kini bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha

Parlimen berapa peratus kaum Cina dan berapa kaum India berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan. Macam hari ini saya baca dari surat khabar cuma 3% kaum Cina berkhidmat di pasukan polis iaitu Polis Diraja Malaysia – cuma 3% sahaja untuk kaum Cina. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rasah. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan mengadakan kuota tertentu kepada kaum-kaum di dalam perkhidmatan jabatan kerajaan, sesungguhnya dasar kerajaan mengenai perkhidmatan awam ialah berdasarkan kepada merit – meritocracy. Ertinya kita tidak ada menentukan kuota untuk kaum-kaum, jadi berdasarkan siapa yang layak mengikut syarat-syarat yang diiklankan dalam akhbar-akhbar ataupun yang telah diiklankan oleh mana-mana suruhanjaya maka mereka akan dipilih.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat yang merasakan keraguan mengenai bilangan kaum India dan Cina di dalam perkhidmatan, saya rasa kita harus melihat jumlah permohonan dahulu. Jadi, kalau permohonannya sedikit, sudah tentu orang yang dilantiknya juga sedikit. Jadi sebagai contoh, pada tahun 1999 iaitu jumlah permohonan untuk perkhidmatan gunasama, daripada golongan Melayu, permohonan yang diterima sebanyak 68,063 iaitu lebih kurang 82.4%, daripada jumlah ini yang diterima berjaya daripada perlantikan ialah seramai 2,452 iaitu 81.76%. Daripada kumpulan Cina, hanya permohonan diterima sebanyak 1,426 iaitu 1.727% dan mereka yang berjaya dilantik ialah seramai 215 orang iaitu 7.169%. Daripada golongan India, jumlah permohonan yang diterima ialah 1,264, lebih kurang 1.5131% dan mereka yang berjaya dilantik daripada kaum India ialah seramai 174 iaitu 5.802%.

Mengenai jumlah kakitangan perkhidmatan awam mengikut kaum:

<b>Kaum</b>	<b>Bilangan</b>
Melayu	494,764
Cina	64,867
India	38,514
Lain-lain	64,238

Dan kalau kita lihat daripada kumpulan JUSA juga terdiri daripada pelbagai kumpulan:

<b>Kumpulan JUSA</b>	<b>Bilangan</b>
Melayu	380
Cina	85
India	52
Lain-lain	32

Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya bersetujulah. Mungkin akan datang dia akan menjadi Timbalan Menteri, prestasi yang baik, alhamdulillah. *[Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin, tidak ada soalan? *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ada, sebab dia bertanya itu, saya kata sebab Ketua Pembangkang marah Kuala Kedah, dia tak pergi ke Pahang.

Saya rasa bahawa dari isu memasuki Skim Perkhidmatan Awam ini, minta penjelasan sedikitlah, sama ada memasuki awam ataupun polis, dari segi minat untuk memasuki Skim Perkhidmatan Kerajaan ini, sama ada polis, tentera ataupun awam sendiri. Saya difahamkan juga ada jawatan-jawatan tertentu tidak ada langsung yang memohon pun, sama ada bumiputera pun sendiri, ada masalah dari segi mengisi kekosongan itu sendiri.

Saya melihat bahawa adakah ini sampai masanya kita mengkaji kembali skim perkhidmatan dan benefit perkhidmatan awam ini. Kalau kita lihat di negara-negara lain bahawa skim perkhidmatan swasta dan awam ini lebih kurang sama sahaja. Sekarang ini oleh kerana mereka ini merasakan bahawa skim perkhidmatan dan benefit, dengan izin, lebih baik diswasta bagi semua masyarakat Malaysia, bukan bagi kaum tertentu sahaja. Mungkin sampai masanya kita melihat kembali mengapa masyarakat Malaysia tidak mahu menjadi polis, anggota polis, anggota tentera, anggota awam, bukan saya rasa isunya perkauman, isunya mungkin kena lihat dari skim perkhidmatan itu sendiri, membawa semua memasuki, menganggapkan

memasuki awam ini sama ada skim dalam polis, tentera atau awam ini sebagai satu kebanggaan bagi mereka.

Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat, ini bukan merupakan isu perkauman, isu lebih mungkin sampai masanya skim perkhidmatan dan benefit yang diberikan kepada mereka ini. Saya minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rompin. Mengenai cadangan Yang Berhormat dan menyatakan bahawa saingan di antara sektor swasta dan awam ini memang kita tidak nafikan. Daripada segi pendapatan dan juga imbuhan yang didapati oleh pihak swasta mungkin lebih. Walau bagaimanapun, sudah menjadi dasar kerajaan, kita akan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa kakitangan kerajaan akan diberikan imbuhan-imbuhan yang tertentu dan kita lihat sebelum ini jarang kita dengar kakitangan kerajaan diberikan bonus tetapi sejak akhir-akhir ini kakitangan kerajaan telah mula kita beri bonus dan juga kita sedia maklum bahawa kakitangan kerajaan ini mereka lebih memberikan perkhidmatan mereka bukan semata-mata kerana gaji ataupun imbuhan.

Saya yakin sumbangan mereka, komitmen mereka adalah lebih kepada untuk kepentingan negara, bangsa dan agama dan kita juga tidak ada menyekat jika mana-mana kakitangan awam untuk meletakkan jawatan, sekiranya mereka mendapat peluang-peluang yang lebih baik daripada jabatan-jabatan lain, asalkan mereka mematuhi mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat perkhidmatan.

Sebagai contoh, kalau kita lihat bilangan personnel sektor awam yang telah meletakkan jawatan dari tahun 1995 sehingga tahun 1999, kalau kita lihat mengikut kaum. Daripada golongan Melayu seramai 7,994 telah meletakkan jawatan dalam tempoh lima tahun, Cina seramai 2,095 orang, India seramai 1,002 orang. Ini jelas menunjukkan bahawa kakitangan awam bebas untuk memilih masa depan mereka dengan pilihan mereka sendiri.

*[Soalan No. 14 - Y.B. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said (Kota Belud) tidak hadir] [Nama tidak dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua]*

*[Soalan No. 15 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]*

*[Soalan No. 16 - Y.B. Dato' Hew See Tong (Kampar) tidak hadir]*

17. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) sejauh mana sektor pertanian boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang;
- (b) apakah bentuk khidmat nasihat kerajaan kepada penanam-penanam
- (c) sayur di kawasan Tanah Tinggi Cameron dan Tanah Tinggi Lojing supaya ianya tidak terjejas dengan hakisan dan pencemaran air sungai yang berhampiran.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sektor pertanian boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara dalam suasana kegawatan ekonomi melalui peningkatan pengeluaran komoditi yang dieksport iaitu kelapa sawit dan getah serta peningkatan pengeluaran makanan tempatan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, daging, telur dan lain-lain. Bagi mengurangkan bil import makanan dan membendung inflasi, beberapa program telah dijalankan untuk memperluaskan kawasan tanaman makanan di samping menggalakkan petani menjual hasil tanaman terus kepada pengguna dengan harga yang lebih rendah dan dengan itu dapat mengurangkan inflasi.
- (b) Jabatan Pertanian sedang mempertingkatkan usaha khidmat nasihat kepada petani-petani yang terlibat dalam kegiatan pertanian di cerun-cerun bukit termasuk di Cameron Highlands dan Lojing dengan langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) dari segi pembukaan kawasan supaya dijadualkan berperingkat-peringkat, mengelakkan pendedahan tanah terlalu lama kepada proses hakisan; pembukaan tanah pada musim kering, penebangan pokok secara selektif;

- (ii) dari segi pembinaan struktur pemulihan tanah, petani-petani dinasihatkan supaya menyediakan teres bagi menyekat larian air; membina empang kecil bagi menampung had laju air parit, dan membina 'gabion' atau dinding konkrit pada cerun yang sangat curam.
- (iii) Dari segi amalan agronomi untuk mengawal hakisan, petani-petani dinasihatkan supaya menanam penutup bumi seperti kekacang, menanam rumput di tebing-tebing, mengamalkan tanaman padat yang boleh melindungi permukaan tanah, membajak secara minimum. Seterusnya meningkatkan bilangan petak demonstrasi pemuliharaan tanah di kawasan cerun untuk menyakinkan petani supaya turut mengamalkan pemuliharaan tanah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Adakah kerajaan sedar pembinaan jalan di tanah tinggi Lojing dan Cameron Highlands ini boleh menjejaskan kawasan tanaman dan sayur-sayuran di kawasan tersebut dan saya dimaklumkan oleh pihak-pihak yang tertentu yang bertanggungjawab, sewaktu usaha-usaha untuk membina jalan di Lojing ini, terlalu banyak hakisan yang turun khususnya lumpur-lumpur merah memenuhi kawasan-kawasan tanaman dan sayur-sayuran di Cameron Highlands dan Lojing dan apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pembinaan jalan di kawasan yang berkenaan sudah tentu tidak dapat dielakkan akan berlakunya gangguan kepada petani-petani di kawasan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, tujuan dibina jalan yang berkenaan adalah untuk faedah petani-petani juga. Jadi, saya kira para petani patut menerima hakikat ini kerana kebaikannya adalah akan dinikmati oleh petani. Kalau ada masalah-masalah berlaku hakisan itu dari segi jabatan memang kita akan mengambil tindakan supaya dapat dikurangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 7, 8, 11, 12, 14, 15 16 dan 18 hingga 21 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” [*Hari Keempat*]

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.19 [Jadual] –****Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan 2000] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P. 19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Baram.

**11.05 pagi**

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, oleh kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh B.19 Butiran 00300 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, dan juga Butiran 161300 – Pemberian Kepada MARDI.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan badan-badan penyelidikan yang terlibat dalam usaha penyelidikan di negara kita termasuk MARDI, RRIM, PORIM dan lain-lain badan kerana berusaha untuk menjalankan usaha selidik dalam beberapa bidang yang sangat bermakna dan menguntungkan negara kita. Atas usaha mereka ini, Malaysia telah mendahului

negara dunia dalam industri getah dan kelapa sawit dengan mengeluarkan jenis-jenis dan klon-klon yang bermutu tinggi, pengeluaran yang tinggi juga dan terlebih tahan dari serangan penyakit dan serangga.

Saya faham bahawa MARDI juga telah berjaya mengeluarkan jenis-jenis dan klon-klon baru dari beberapa jenis tumbuhan khususnya buah-buahan seperti durian, rambutan, sayur-sayuran, projek-projek industri kampung dan lain-lain. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah jenis pencapaian atau *brake through*, dari segi pengeluaran klon-klon baru ataupun teknik-teknik yang baru, yang berkesan dalam bidang penyelidikan ini dan juga lain-lain bidang pemprosesan dalam bidang pertanian yang telah berjaya diperkenalkan oleh MARDI, sejak MARDI dipertubuhkan dalam beberapa tahun yang lalu. Dan juga sejauh manakah pencapaian yang telah tercapai itu digunakan untuk mempertingkatkan lagi produktiviti dan pendapatan petani-petani di negara kita, amnya.

Saya ingin sentuh perkara ini kerana dalam Belanjawan 2000, saya lihat peruntukan RM27 juta telah diberi kepada MARDI untuk menjalankan penyelidikan di negara ini. Saya percaya jika kita betul-betul ingin mempertingkatkan lagi industri pertanian di negara ini sebagai sebuah negara yang terkenal dalam bidang pertanian, saya bercadang kepada kerajaan supaya kementerian menambah lagi peruntukan untuk penyelidikan ini kepada MARDI. Jikalau pihak MARDI mempunyai peruntukan yang cukup, saya percaya mereka akan mempergiatkan lagi selidik mereka dengan menggunakan kaedah-kaedah ataupun teknik-teknik yang canggih, yang tertumpu kepada kaedah *genetic engineering*, *bio technology*, ataupun *cross-breeding*, dengan izin, dan lain-lain kaedah lagi.

Dari usaha yang lebih canggih dan kaedah yang baru, saya percaya MARDI boleh mengeluarkan bahan-bahan ataupun jenis-jenis ataupun klon-klon baru yang bermutu dan baik yang boleh bersaing dengan pengeluaran negara-negara lain, seperti jenis sayur-sayuran seperti 'capsicum' ke, terung yang cantik, timun yang cantik, buah-buahan seperti anggur, walaupun dulu tidak dapat ditanam di negara kita. Saya rasa jika selidik boleh dibuat dalam bidang penyelidikan anggur ini, saya rasa tanaman buah anggur pun boleh ditanam di negara kita. Begitu juga longan, buah-buahan tradisional seperti petai, kepayang ataupun jenis-jenis klon padi yang bermutu tinggi dan nikmatnya yang baik seperti padi jenis beras bario dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, saya berpindah ke B.18, Butiran 04700 – Tanaman Kelapa Sawit di mana peruntukan RM250 ribu telah diperuntukkan dalam Belanjawan ini. Saya menyokong penuh dengan usaha kerajaan, khususnya kerajaan negeri Sarawak untuk membuka tanah NCR bagi tanaman kelapa sawit yang bertujuan untuk menambah lagi pendapatan tuan punya tanah di negeri Sarawak. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana memperkenalkan satu dasar yang berani dan berpandangan jauh bagi rakyat luar bandar di negeri Sarawak. Walaupun dari mulanya dasar ini tidak difaham oleh beberapa penduduk-penduduk tempatan, khususnya di kawasan saya di Baram, akan tetapi baru-baru ini kita ada lihat mereka telah menyuarakan sikap yang positif dan peka untuk menerima polisi NCR ini.

Saya yakin bahawa ramai penduduk-penduduk atau tuan punya tanah NCR di kawasan Baram sekarang ini bersetuju dengan polisi pengembangan tanaman kelapa sawit ini di tanah NCR mereka secara komersial.

Oleh sebab itu, saya minta kerajaan melaksanakan dasar ini dengan sesungguhnya bagi kemajuan rakyat keseluruhannya. Oleh kerana penanaman kelapa sawit ini memberi pendapatan yang lumayan kepada banyak petani-petani di kawasan saya di Baram, yang mempunyai tanah NCR yang berdekatan dengan kilang-kilang kelapa sawit ini, saya mintalah supaya kerajaan membantu mereka menanam kelapa sawit ini secara small holding basis, dengan izin, walaupun mereka boleh menanamnya dengan keluasan yang 10 hektar ataupun sampai 100 hektar, begitu. Saya bersetuju dengan permintaan mereka ini, oleh sebab 4 hektar kebun kelapa sawit, sekarang ini boleh memberi pendapatan kepada mereka sekurang-kurangnya RM3,000 hingga RM5,000 sebulan, terpulang kepada harga kelapa sawit.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan lagi peruntukan untuk penanaman kelapa sawit ini secara individu ataupun secara mini estet supaya mereka ini berpeluang untuk mengambil bahagian dalam usaha ini. Saya percaya mereka hanya perlu bantuan dari segi bekalan biji kelapa sawit yang bermutu kerana mereka boleh usaha sendiri untuk menanam kelapa sawit dengan sendiri.

Dengan adanya biji benih yang bermutu, kerajaan juga perlu memberi perkhidmatan pengembangan ataupun *extension service*, dengan izin, yang boleh menasihatkan mereka dari segi teknikalnya. Saya percaya jikalau diberi bantuan dari

segi biji benih dan perkhidmatan pengembangan, petani-petani kita mampu memperoleh pendapatan yang tinggi bersamaan ataupun *equivalent* .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila gulung, masa sudah suntuk.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** ....*equivalent* dengan pendapatan pekerja-pekerja di industri yang lain. Jadi dengan ucapan yang demikian, Tuan Pengerusi, saya selesaikan. Sekian, terima kasih.

**11.15 pagi.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.19 Butiran 01000, 010200, 03000, 06000, 10000 dan P.19, 00800. Pertama sekali yang ingin saya sentuh di sini ialah tentang MADA.

Tuan Pengerusi, MADA ditubuhkan pada 30 Jun 1970 di bawah Akta 70, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972. Antara objektif MADA ialah untuk meningkatkan produktiviti 63,000 keluarga peladang kawasan Muda serta meningkatkan pengeluaran padi bagi memenuhi keperluan negara selaras dengan kehendak dasar pertanian negara. Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah dari satu kajian yang telah dibuat oleh Universiti Utara Malaysia baru-baru ini iaitu satu kajian yang diambil daripada tahun 1979, pada tahun di awal penubuhan MADA itu sendiri. Hasil pengeluaran padi, berbanding dengan 20 tahun selepas daripada itu, iaitu pada tahun 1998, hasil pengeluaran padi ialah begitu merosot. Hendak menunjukkan bahawa MADA tidak berjaya menunjukkan improvement ke arah mencapai objektif yang digariskan di dalam objektif MADA itu sendiri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Umpamanya, pada tahun 1979, pengeluaran bekalan padi sebanyak 799,881 metrik tan, dan diikuti 5 tahun berturut-turut selepas itu. Tetapi pada tahun 1983 dia telah mula berlaku kemerosotan sebanyak 444,974 metrik tan; 1987 - 591,084 metrik tan; 1991 - 797,327 metrik tan; 1995 - (baru naik sedikit ) 829,633 metrik tan; dan terakhir pada tahun 1998 sebanyak 765,888 metrik tan. Maknanya lebih kurang 20 tahun, selepas MADA ditubuhkan, kita melihat bahawa hasil pengeluaran padi masih tidak bertambah. Ini saya lihat bahawa perlu kepada satu pengkajian dan penyusunan semula, *reorganize, reengineering*, terhadap MADA itu sendiri supaya ia lebih efisien untuk berjaya mencapai matlamat objektif yang digariskan demi kepentingan bukan sekadar 63,000 keluarga petani di kawasan MADA tetapi juga adalah untuk

menghasilkan pengeluaran padi yang, Insya-Allah, akan menghasilkan beras yang menjadi makanan asasi di dalam negara kita.

Saya sangat bimbang bila kita melihat pada musin pertama 1979, hasil pengeluaran padi seluruh wilayah MADA ialah 388,000 metrik tan dan 20 tahun kemudiannya, hasil padi pada kadar musim pertama juga 361,000 metrik tan. Itu menunjukkan bagaimana kita lihat bahawa gagalnya MADA dalam mempertingkatkan hasil padi. Mungkin Setiausaha Parlimen bekas orang kuat MADA, suatu ketika dahulu.

Antara punca yang dikenal pasti, Tuan Pengerusi, antaranya ialah bila terdapat keluasan tanaman padi yang tidak dapat diusahakan secara sebaik-baiknya. Umpamanya petani-petani menghadapi masalah kawasan sawah mereka tenggelam. Di kawasan saya sahaja, dalam satu kawasan MADA Gerak Maju (B3) - MADA Alur Senibung, hampir 1,639.3 relong, relong Kedah, telah enam musim pertama tidak boleh diusahakan oleh petani-petani ini akibat daripada padi ini tenggelam. Di samping juga MADA (A3) - Titi Haji Deris, juga MADA (C3) - Alur Binjai, menunjukkan bagaimana satu keluasan kawasan tanaman padi yang tidak dapat diusahakan akibat daripada kawasan padi yang tenggelam.

Ini disebabkan oleh apabila MADA bersama dengan, kemungkinan Jabatan Parit dan Saliran, membina jambatan-jambatan baru untuk merentasi sungai-sungai yang ada dalam kawasan MADA itu, bila dibina kontraktor itu telah membuat satu pembinaan yang tidak mengikut apa yang disyaratkan sehingga menyebabkan keluasan sungai itu menjadi kecil dan airnya tidak boleh berjalan dengan secara sebaik-baiknya menyebabkan bila musim hujan, airnya akan melemah.

Dan begitu juga saya difahamkan bahawa ia juga berpunca daripada pembinaan Lebuh raya Utara-Selatan yang merentasi kawasan MADA, kawasan yang saya sebutkan tadi juga, menjadi punca kepada limpahan air apabila tiba pada musim hujan yang begitu lebat. Oleh sebab itu, saya mengharapkan pihak MADA khususnya dan pihak kementerian untuk mengkaji semula tertang pembinaa-pembinaan jambatan-jambatan baru serta kerjasama dengan Kementerian Kerja Raya dalam memastikan pembinaan lebuhraya ini tidak menjejaskan tanaman padi yang akan menyebabkan matlamat untuk menghasilkan penambahan pengeluaran padi itu tidak boleh tercapai.

Saya juga ingin meminta pihak kementerian hari ini supaya mengambil penyelesaian yang segera ke atas, khususnya 1,639 relong tadi yang saya sebut, yang meliputi banyak keluarga, di mana mereka telah dijanjikan oleh pihak MADA dalam bancian yang dibuat sebelum pilihan raya untuk dibayar ganti rugi kepada tanaman mereka yang musnah tetapi sehingga sekarang mereka masih belum mendapat sebarang bentuk ganti rugi kepada mereka sedangkan mereka bukan ada apa-apa pendapatan yang lain. Hendak dapat saham macam Yang Berhormat Kuala Kangsar menantu depa pun tidak ada.

Kemudian, Tuan Pengerusi, antara juga punca yang menyebabkan pengeluaran padi berkurangan ini ialah apabila timbulnya proses pemutuan padi itu tidak dibuat secara yang sebaiknya, ini menyebabkan bila pemutuan padi itu tidak dilihat kepada basah ataupun kering kepada padi itu matang ataupun tidak, apabila Bernas, umpamanya Bernas meletakkan pemotongan pada musim yang lepas ini, iaitu pemotongan terhadap padi ini khususnya di negeri Kedah, di negeri Kedah sebanyak 11% pemotongan dan di negeri Perlis 12%. Itu secara rambang, secara borong dia buat. Dia tidak kiralah, hang basah ke, hang kering ke, padi itu matang, masih hijau, ada isi, tidak ada isi, 11% dan 12%.

Ini menyebabkan para petani mengambil padi yang tidak matang. Sebab dia rasa bahawa kalau dia ambil padi, dia tunggu padi itu matang, dia akan menghadapi risiko, mai hujan, ribut, padi rebah dan sebagainya, sedangkan bila diambil padi tidak matang, dihantar kepada Bernas ataupun kepada kilang-kilang swasta, pemotongannya sama sahaja dengan padi yang matang iaitu 11% ataupun 12%. Ini menyebabkan padi yang tidak matang, bila diambil dia tidak dapat ambil semua, dia masih tinggal lagi di tangkai itu hampir 10% padi yang tidak diambil. Walaupun mungkin lebih daripada 10% padi yang masih tinggal ditangkai yang tidak habis yang menyebabkan kerugian kepada petani dan juga kerugian kepada negara.

Dan kesannya pula, bila padi ini diambil, padi yang tidak matang, bila pergi ke kilang, dia tidak boleh menghasilkan beras yang baik, beras yang bermutu tinggi tetapi sebaliknya dia akan menghasilkan beras yang berkapur. Beras yang berkapur ini memang bukan untuk orang makan, dia lebih kepada menjadi makanan kepada haiwan ataupun sebagainya. Ini yang dihasilkan oleh kebanyakan kilang-kilang apabila padi itu sukar untuk dikering dan sebagainya, padi itu tidak mempunyai isi yang baik dan sebagainya.....

**Tuan Pengerusi:** Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Rompin tahu juga pasal padi? Bukan pasal Airod, kapal terbang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Di kawasan saya ada padi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada 2 minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ingatkan kot pasal *Airod*?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya *query* Yang Berhormat kata 10% tertinggal, itu kalau dengan tangan, tetapi sekarang sudah pakai mesin belaka, di Rompin tidak pakai dengan tangan lagi sudah. Ha, itu saya hendak tanya sikit ataupun masih di kawasan Yang Berhormat pakai tangan. Saya sekarang ini, pakai mesin yang besar. Masalah Yang Berhormat cakap tu, yang dulu atau sekarang? Itu hendak tanya Yang Berhormat sikit ni.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang sekarang, pakai mesin. Ha, itu maknanya Yang Berhormat tidak tahu pasal padi, dia tahu pasal *Airod*, pasal DARA [*Ketawa*] pasal dia baru dapat projek DARA.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia potong pakai mesin, mana boleh 10% dia tertinggal?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, tidak, tidak. Ini hakikat yang sedang berlaku.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tengok ini tidak berlaku di kawasan saya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Itu kawasan Yang Berhormat tetapi kawasan saya, mungkin kawasan Yang Berhormat ialah kawasan yang diambil padi secara yang matang. Tetapi di sini bahawa petani hendak mengelak daripada risiko menyebabkan mereka mengambil padi yang tidak matang. Bila padi yang tidak matang, dia sukar untuk lekang daripada tangkai padi. Pasal Airod bolehlah Yang Berhormat tetapi pasal padi kena tanya saya. [*Ketawa*] Pasal DARA kena tanya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, jadi inilah dia permasalahan yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini akibat daripada MADA yang tidak dapat bergerak secara yang efisien untuk memastikan hasil pengeluaran padi dan satu pengkajian harus dibuat oleh

MADA dari sudut kecekapan, dari sudut mengurangkan kos pengeluaran padi. Umpamanya, Lembaga Pertubuhan Peladang seharusnya mengambil inisiatif untuk terlibat dalam penyediaan jentera bajak dan juga jentera tuai padi daripada membiarkan pengusaha-pengusaha persendirian yang menyebabkan kosnya terlalu tinggi dibebankan ke atas petani.

Begitu juga dengan Bernas kita lihat bahawa walaupun dia menyediakan jentera-jentera bajak dan juga jentera tuai padi tetapi pengenaan kepada petani-petani itu dia sama dengan tauke-tauke yang lain, tidak memberikan satu sumbang kebajikan kepada petani-petani ke arah untuk mengurangkan kos tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat minta gulung ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya Tuan Pengerusi, saya hendak gulung. Kemudian Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertanian untuk membuat satu kajian dari sudut kepentingan dan kebolehan kepada pembangunan tanah-tanah terbiar untuk dijadikan tanaman sawah, tanaman padi.

Ini sangat penting untuk kita menghadapi beberapa tahun yang akan datang ini apabila pernah saya katakan di Dewan yang mulia ini bahawa Amerika sedang menjadi pengeluar padi dan juga pembekal beras yang terbesar dalam dunia bila lebih daripada 200 padang golf yang keluasannya terlalu besar di Mississippi di Amerika telah bertukar menjadi kawasan sawah padi. Sedangkan kita di sini sawah padi mungkin boleh bertukar menjadi padang golf. Oleh sebab itu penting kepada Kementerian Pertanian ataupun MADA untuk melihat satu perancangan untuk membangun tanah-tanah terbiar yang begitu luas yang terdapat di negara kita ini untuk dibangun menjadi sawah padi supaya kita terus kekal dapat membekalkan beras di dalam negara kita. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah.

11.27 pg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi,  
.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat kejam, kejam, kejam ramai sangat yang hendak berucap ini, susah saya ini ya kerana masa kita ini hanya sampai 5 hari bulan, sekarang kita tertangguh sehari, kita tidak – tambah masa itu mintalah kepada Menteri

di bawah Peraturan Mesyuarat 12 hanya Menteri sahaja yang boleh mengeluarkan usul, menambahkan masa mesyuarat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Menteri pun tidak mai Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Menteri pun tidak mai. [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. Timbalan Menteri pun boleh ya. [*Ketawa*] Mintalah kepada mereka itu, jangan minta kepada saya ya. [*Ketawa*] Kalau begitu saya mintalah supaya daripada parti-parti melantik sesiapa berucap kalau sekiranya hanya kita boleh berucap hanya 10 orang sahaja dalam satu-satu kementerian ya. Oleh itu lantiklah sesiapa berucap dalam mana-mana parti dan untuk 10 orang barulah boleh kita mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ya Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Maksud Bekalan B.19 ini dalam Butiran 030000 tentang Pengairan dan Saliran.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak JPS dapat mempertingkatkan usaha untuk menjaga kebersihan sungai-sungai dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan untuk menangani masalah-masalah banjir kilat di seluruh negara kita demi kepentingan dan keselamatan rakyat.

Tuan Pengerusi, dalam penjagaan kebersihan sungai-sungai saya ingin mencadangkan, dari segi kejuruteraan saya harap pihak Kementerian Pertanian melalui Jabatan JPS dapat mengambil langkah-langkah pencegahan untuk menangani masalah hakisan tanah tebing sungai. Saya harap projek pembinaan *sump* untuk menahan sampah sarap untuk kesenangan kerja pembersihan sampah sarap dapat diadakan dan saya pun cadang supaya pembinaan benteng yang mana akan dapat mencegah banjir kilat dapat diusahakan dengan lebih gigih.

Saya cadangkan supaya pembinaan *tide-gate* dan dam untuk mencegah banjir pun perlu dipergiatkan untuk mencegah banjir pun perlu dipergiatkan. Daripada pihak pemaju saya harap pihak JPS dapat memastikan dengan kerjasama daripada jabatan-jabatan yang lain supaya memastikan pemaju-pemaju dapat mematuhi segala peraturan-peraturan dalam penjagaan sungai dan parit.

Tuan Pengerusi, bidang yang kedua yang mana penjagaan sungai ialah kita perlu mempertingkatkan pendidikan kepada orang ramai supaya dapat mewujudkan kesedaran sivik dan saya harap pihak kementerian dapat mempergiatkan kempen-kempen cintai sungai dan jika perlu kita memberikan tugas kepada Jawatankuasa

Keselamatan dan Kemajuan Kampung untuk menjadikan sungai-sungai di kampung-kampung seperti anak angkat mereka untuk menjaga kebersihan sungai itu. Kita harap pihak Kementerian Pendidikan dapat turut sama bekerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian melalui Jabatan JPS untuk memberikan pendidikan-pendidikan tentang penjagaan sungai kepada murid-murid sekolah, supaya kita dapat membimbing generasi muda kita untuk menjaga kebersihan sungai yang mana adalah sangat penting untuk negara kita.

Tuan Pengerusi, dari segi penguatkuasaan undang-undang saya harap oleh kerana memang kita sedar bahawa negara kita memang mempunyai banyak undang-undang di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk pemeliharaan sungai-sungai akan tetapi setakat ini kesan-kesan penguatkuasaan undang-undang untuk menjaga kebersihan sungai-sungai dalam negara kita ini masih kurang memuaskan, sehingga bilangan sungai yang tercemar telah meningkat.

Misalannya, di Bandar Johor Bahru di mana Sungai 'Seget' yang sudah menjadi sungai mati yang mana airnya tidak mempunyai kandungan oksigen lagi dan tiada living organism dengan izin, disebabkan sungai itu dipenuhi dengan kuman anaerobic yang mana yang mana melalui anaerobic bacteria action dengan izin, telah mengeluarkan gas methane (MH<sub>4</sub>) dan gas hydrogen sulfide (H<sub>4</sub>) yang menyebabkan bau busuk. Pada tahun 50'an, Sungai Seget ini adalah sebatang sungai yang bersih dan ramai orang boleh berenang di sungai itu.

Tuan Pengerusi, usaha sama pihak-pihak berkuasa dalam hal penjagaan sungai adalah sangat penting demi kepentingan generasi pada masa sekarang dan generasi akan datang. Kita perlu sedar bahawa adalah sangat sukar untuk memulihkan keadaan semulajadi sebatang sungai setelah ia tercemar.

Tuan Pengerusi, saya cadangkan supaya jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri dan daerah terdiri dari pegawai-pegawai, wakil rakyat dan wakil-wakil NGO untuk tujuan penjagaan sungai-sungai di seluruh negara. Kebersihan air di sungai kita akan dapat menjamin sumber air minuman yang cukup untuk rakyat kita kerana mengikut kenyataan Suruhanjaya Pembangunan Berterusan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa dua pertiga daripada penduduk dunia atau 5.5 bilion orang dalam dunia ini akan menderita akibat kekurangan bekalan air yang bersih menjelang tahun 2025. Kecuali tindakan sewajarnya diambil bagi memperbaiki

pengurusan sumber kehidupan manusia utama ini. Kita harap rakyat jelata negara kita ini tidak akan terjerumus dalam krisis air tersebut pada tahun 2025.

Tuan Pengerusi, kebersihan dan keindahan sungai adalah satu tarikan pelancongan untuk negara kita ini. Oleh yang demikian, adalah penting kita sama-sama menjaga kebersihan sungai.

Tuan Pengerusi, saya ingin alih kepada Butiran 050000 tentang Perikanan.

Tuan Pengerusi, latihan-latihan perlu diadakan untuk para nelayan di seluruh negara terutamanya dalam bidang perikanan laut dalam dan akuakultur supaya ia dapat dimajukan secara komersial dan bersepadu. Pembangunan yang sempurna dalam perikanan laut dan akuakultur akan memberi kepada pemuliharaan dan penggunaan ikan secara mampan.

Tuan Pengerusi, pembangunan perikanan laut dan akuakultur ini perlu disokong dengan kemudahan atau infrastruktur moden. Cara moden dalam pemprosesan sistem pemasaran yang sempurna, pembangunan sumber manusia yang menyeluruh melalui kursus dan latihan serta mengadakan program penyelidikan dan pembangunan.

Di samping itu, pihak kerajaan patut mempergiatkan segala usaha untuk menggalakkan pihak swasta dalam bidang penangkapan ikan secara komersial akuakultur dengan menggunakan sangkar di laut terbuka secara bersekala besar supaya mereka dapat bersaing dengan syarikat asing dalam perikanan di laut terbuka.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengetengahkan tentang masalah-masalah yang hadapi oleh nelayan di Kampung Tanjong Pelepas, Mukim Tanjong Kupang di kawasan Parlimen Gelang Patah.

Tuan Pengerusi, kesan-kesan negatif terhadap para nelayan akibat pembangunan seperti projek Pelabuhan Tanjong Pelepas, telah menyebabkan kehilangan punca pendapatan mereka dalam perikanan. Mereka perlu diberi pertolongan untuk mencari sumber pendapatan dalam perikanan dan latihan untuk mereka adalah sangat penting supaya mereka dapat mencari rezeki untuk keluarga mereka.

Tuan Pengerusi, mereka terpaksa pindah ke Kampung Ladang, Tanjong Kupang selepas tanah di Tanjong Pelepas diambil untuk projek Pelabuhan Tanjong Pelepas dan mereka terpaksa membina jeti yang baru dengan usaha sendiri tetapi jeti itu telah runtuh akibat kenaikan air laut baru-baru ini dan mereka sangat memerlukan

sumber kewangan untuk membaik pulih jeti itu. Saya sangat berharap pihak Kementerian Pertanian dapat menyalurkan peruntukan khas untuk membina jeti yang baru demi kepentingan para nelayan di Tanjong Pelepas yang berasal dari kawasan Tanjong Pelepas tapak PTP sekarang. Anggaran peruntukan yang diperlukan ialah RM50,000.

Tuan Pengerusi, para nelayan dan keluarga mereka telah memberi segala kerjasama kepada pihak Kerajaan Pusat dan negeri dalam pembangunan PTP dan mereka pindah dari Tanjong Pelepas ke tapak penempatan sementara di Kampung Ladang, Tanjong Kupang supaya segala usaha kerajaan untuk membangunkan PTP dengan cara perswastaaan dapat dilaksanakan dan PTP telah mula beroperasi lebih awal pada bulan Oktober tahun lalu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi telah merasmikan pembukaan PTP pada 13 Mac 2000.

Oleh yang demikian, adalah wajar pihak kerajaan patut memberikan segala pertolongan kepada para nelayan di Tanjong Pelepas tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka terutama dari segi sumber pendapatan mereka dan dari segi perikanan.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang kawasan Tanjong Kupang yang mempunyai ramai nelayan kebanyakan dari Kampung Tanjong Pelepas telah menghadapi masalah ketiadaan jeti untuk kegunaan kemudahan harian keluar dan masuk dari laut untuk mencari rezeki kehidupan mereka dan keluarga mereka. Rancangan Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan untuk membina sebuah jeti yang kekal di Kampung Sungai Che Manan di Mukim Tanjong Kupang masih belum dilaksanakan akibat tertimbul masalah-masalah yang belum diselesaikan.

Saya sangat berharap pihak Kementerian Pertanian dapat menyelesaikan segala masalah terutama masalah tanah dengan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menyiapkan jeti nelayan di Kampung Sungai Che Manan demi menjaga kepentingan dan keselamatan para nelayan dalam urusan harian untuk mencari rezeki kehidupan mereka dan keluarga mereka.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bandau.

**11.46 pg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memandangkan masa yang singkat saya teruskan pada kepala-kepala dan butiran tertentu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, di bawah kepala – sekali gus yang akan membangkitkan perkara-perkara di bawah Maksud Perbekalan dan Pembangunan B.19 dan P.19 Kementerian Pertanian.

Di bawah Kepala Butiran 060000 iaitu Pemberian Subsidi Harga Padi yang mana RM410 juta telah pun diperuntukkan. Pihak kita ingin mengemukakan beberapa persoalan dan penjelasan daripada pihak kementerian. Jumlah ini memanglah amat besar seperti yang dibekalkan setiap tahun.

Pada masa yang sama di bawah Kepala 160200 iaitu Subsidi Harga Padi Pentadbiran RM28 juta. Apabila kita ambil butiran dari situ kos pentadbiran adalah kira-kira 7% daripada kos subsidi dan kita berpendapat ini satu angka yang amat tinggi sekali kerana jika pemberian kepada petani RM410 juta dan kos untuk mengendalikan itu ialah RM28 juta, maka kita berpendapat ini sesuatu yang perlu diperlihatkan di peringkat pengurusan.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga seperti mana yang dilakukan oleh kementerian dalam pengendalian Subsidi Harga Padi ini ia berasaskan kepada soal pengeluaran iaitu hasil padi. Dalam strategi ini memang dengan izin, size buyers, petani yang besar itu lebih beruntung mendapat bantuan daripada petani yang kecil dan memandangkan tidak ada limit dengan izin, upper words beberapa had yang perlu diberi, maka petani yang besar, yang sudah pun barang kali keluar dari tahap kemiskinan dan orang kaya lebih dibantu daripada mereka yang kecil.

Jadi, dalam perkara ini saya berpendapat pihak kementerian harus mengambil satu pandangan baru supaya memihak kepada petani-petani kecil. Dalam masa yang sama Tuan Pengerusi, saya juga meminta penjelasan – dalam soal ini jika syarikat-syarikat ingin memajukan tanah terbiar dengan usahasama petani-petani. Adakah syarikat ini layak mendapatkan subsidi? Ini satu persoalan yang hangat ditanya di peringkat negeri Sabah. Ini tidak semestinya syarikat besar, syarikat kecil paid-up capital dengan izin, RM25,000 mengusahakan 30 ekar dalam bentuk syarikat dengan usahasama petani-petani kecil, adakah syarikat itu boleh mendapatkan subsidi padi.

Ini penting kerana di beberapa daerah di daerah Kota Belud misalnya dibenarkan mendapatkan subsidi tetapi di daerah-daerah lain di Tuaran dan di daerah

kami di Kota Marudu, pihak Bernas mengatakan tidak boleh kerana ini syarikat punya. Jadi, apa dasar sebenarnya supaya pihak swasta boleh menangkap, mendapat signal yang tepat untuk membantu kerajaan misalnya mengusahakan tanah-tanah terbiar.

Tuan Pengerusi, seterusnya dalam perkara yang sama kita ingin bertanya adakah pihak kementerian telah mengendalikan satu kajian impak terkini mengenai impak sebenar subsidi harga padi ini dari segi matlamatnya untuk meningkatkan pengeluaran padi negara.

Kira-kira dua minggu yang lalu saya masih ingat barangkali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau saya tidak silap, mengatakan bahawa barangkali impaknya dari segi penambahan pengeluaran padi negara itu tidak begitu ketara tetapi barangkali impaknya untuk membantu mengagihkan pendapatan negara itu ada kesan. Tetapi akhirnya, dalam sektor padi ini ia hendaklah terus maju dari segi *efficiency*, dengan izin, dan pendekatan-pendekatan baru harus diambil supaya duit sejumlah RM410 juta ini diberi kepada petani digunakan sebenarnya untuk matlamat yang ditujukan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 070000 iaitu Pemberian Subsidi Baja Padi Pendekatan kita begitu juga dan teguran kita begitu juga. Saya ingin bertanya, bilakah daftar terkini telah dilaksanakan oleh kementerian bagi petani-petani padi yang terdaftar di bawah skim subsidi padi ini. Saya masih ingat dua tahun yang lalu, kita dimaklumkan bahawa daftar itu belum disemak semenjak 10 tahun. Kalau begitu belum tahu Tuan Pengerusi, si pemilik tanah itu masih petani. Tetapi dalam daftar dia masih boleh mendapatkan subsidi.

Jadi, saya ingin minta penjelasan, bilakah daftar itu telah diperbaharui? Adakah satu pendaftaran baru dilaksanakan dan adakah pihak kementerian telah mengendalikan kajian impak terbaru? Dalam soal pemberian subsidi input ini, biasanya ia hanya berkesan kalau ia digunakan dengan betul dan ia digunakan dalam kadar yang dinasihatkan oleh para teknikal kementerian. Buang baja di atas padi tidak semestinya menghasilkan tambahan kalau ia tidak tepat kepada kadar penggunaan yang telah dikaji oleh pihak para teknikal.

Jadi, dalam soal ini amat penting sebab kalaulah nasihat penggunaan itu tidak digunakan dengan betul maka tidak semestinya bantuan RM130 juta ini boleh menambahkan pengeluaran padi negara. Maka pihak kerajaan perlu memberi

penjelasan, bilakah senarai-senarai terbaru telah dibentuk untuk para penerima ini? Adakah petani sebenarnya menggunakan baja yang diberikan dan bagaimana pula dengan apa yang kita dengar, sebahagian baja ini lambat sampai di tempat penggunaan dan sebahagian baja dijual oleh para petani kepada petani-petani pengusaha pertanian yang lain.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh di bawah Butiran 140000 iaitu Bank Pertanian Malaysia, di mana di bawah Butiran ini, RM18,500,000 diperuntukkan kepada pihak-pihak bank. Pada tahun lalu, sekadar RM6 milion sahaja yang diberi. Saya ulangi RM18,500,000 iaitu tiga kali lebih banyak daripada pemberian tahun lalu, sejumlah RM6 milion.

Dalam perkara ini saya baru sahaja membaca Laporan Tahunan 1997, memang bank ini sentiasa tidak mendapat keuntungan bahkan perbelanjaan atas pendapatan ialah RM45 milion dan seterusnya kekurangan pendapatan terkumpul adalah RM226.03 juta. Dalam soal ini, memang bank ini Tuan Pengerusi, mempunyai peranan yang sangat penting. Tetapi dalam perkara ini, saya ingin membawa keluhan para petani di peringkat negeri Sabah dan sebahagian juga di negeri Sarawak, di mana mereka mengatakan amat sukar sekali untuk mendapatkan pinjaman. Amat sukar kerana masa yang digunakan untuk memproses pinjaman tersebut begitu lama sekali, bukan soal dua bulan kadang-kadang enam bulan belum ada laporan dan saya minta penjelasan di peringkat cawangan bank, berapa limit sebenarnya kuasa para pengurus? Kita difahamkan kalau lebih daripada RM100,000 misalnya pinjaman, ia perlu mendapatkan kelulusan di Kuala Lumpur, di ibu pejabat di sini.

Jadi, kalau sekadar pinjaman begitu pun memerlukan kelulusan di peringkat begitu jauh sekali dan begitu banyak yang meminjam maka petani-petani yang sederhana dan kecil itu tidak ada peluang untuk mendapatkannya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila gulung ya.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya gulung. Saya minta penjelasan dalam perkara itu dan seterusnya supaya mempercepatkan soal pemprosesan dan saya juga memohon supaya pihak kementerian pertimbangkan supaya ada Lembaga Pengarah dari Sabah dan Sarawak di dalam bank ini supaya para lembaga lebih mengerti kedudukan para petani di peringkat negeri-negeri terpencil.

Satu perkara terakhir Tuan Pengerusi, iaitu mengenai dengan penternakan payau. Saya sentuh ini kerana Tuan Pengerusi pun minat dengan payau sebab

nampak beberapa ekor payau di sekeliling kawasan Parlimen ini. Tetapi dalam peruntukan tahunan bagi 1999 di bawah Kepala Pembangunan atau Perbekalan Kementerian Pertanian tidak disentuh soal peruntukan pemberian untuk pembangunan atau penyelidikan dalam bidang penternakan payau ini. Sebenarnya satu perusahaan yang boleh menguntungkan kerana import yang begitu tinggi dan mahal yang dikenakan kepada para pengguna di negara ini kalau mengimportkan daging payau. Apa usaha yang terkini untuk menggalakkan pihak swasta, pihak petani untuk menternak binatang ini ialah supaya ia tidak pupus. Kalau payau sambar itu asli dan tidak banyak di hutan-hutan lagi, jadi apa usaha untuk menternak ini dan apakah bantuan-bantuan yang boleh diperolehi oleh pihak petani dalam bidang ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Sipitang.

**11.51 pg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada pembedahan sedikit - kamus sedikit, rakan saya bagi Bandau, pa yau itu rusa.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Bahasa Sabah. Jangan yang lain salah tafsir. Air payau tetapi ini payau.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di bawah Perkara B.19 - 22100 - Latihan; 22200 - Pengurusan dan Pemulihan Ikan; 25600 - Ternakan Ikan Dalam Sangkar dan keseluruhan di bawah perikanan peruntukan sebanyak RM86 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin beri fokus kepada pembelaan kaum nelayan tradisional ini kerana di negara kita mengikut laporan dan jawapan daripada menteri, lebih daripada 200,000 keluarga ataupun bilangan nelayan tradisional ini yang masih berada di dalam kesusahan. Hidup mereka masih tidak terjamin daripada keluarga miskin. Walaupun ada Program Pemulihan Rakyat Termiskin (PPRT) Tuan Pengerusi, tetapi saya rasa ini cuma menyelesaikan masalah-masalah keadaan mereka secara sementara tidak begitu kekal kerana mereka ini sukar untuk mengubah cara kehidupan mereka daripada nelayan tradisional kepada cara hidup yang lain.

Tuan Pengerusi, apa tidaknya kementerian sepatutnya membuat dasar baru, menyusun semula pendekatan menyelesaikan masalah nelayan tradisional ini. Jikalau perkara ini disusun semula, maka;

- (i) kita boleh menambah makanan dan juga ikan di pasaran itu sendiri;
- (ii) mengurangkan tukaran asing dan membantu pertumbuhan ekonomi negara kita dengan lebih baik; dan
- (iii) mengeluarkan nelayan daripada keadaan kemiskinan tadi.

Tuan Pengerusi, apa tidaknya di bawah Dasar Baru - Butiran 160000 ditambah iaitu program khas untuk pemulihan nelayan ini kerana setakat ini di bawah dasar baru tidak ada peruntukan khas kerana agensi-agensi yang lain saya melihat misalnya, Jabatan Perikanan, LKIM, 'Ku Nelayan' di Sabah, MAJUIKAN, masing-masing dengan tuju-hala mereka sendiri tanpa ada penyelarasan. Kalau boleh satu dasar baru dibentuk untuk menyelesaikan masalah nelayan tradisional ini kerana dengan peruntukan khas ini, dasar baru ini akan mengeluarkan begitu ramai rakyat termiskin ini daripada kemiskinan.

Tuan Pengerusi, maksud saya program khas ini banyak kita lihat di surat-surat khabar misalnya, saya membaca dua, tiga artikel dalam surat khabar iaitu satu cara ternakan ikan sangkar yang baru di mana dengan modal atau pengurusan di antara RM900 hingga RM3 juta bahawa satu pulangan yang begitu baik terhadap pemeliharaan ikan sangkar ini, ada keluar di surat khabar. Tetapi, ia berhenti di situ sahaja tanpa ada program untuk rakyat termiskin ini ataupun nelayan-nelayan tradisional ini. Kalau boleh saya mohon Kementerian Pertanian untuk;

- (i) kita kenalpasti perkampungan nelayan-nelayan tradisional ini;
- (ii) kenalpasti kumpulan-kumpulan nelayan ini, berapa kumpulan yang boleh kita bantu;
- (iii) kenalpasti ketua pelaksana untuk program-program pemulihan ini;
- (iv) kita beri sokongan yang diperlukan untuk merancang menyelesaikan masalah mereka ini, misalnya sokongan latihan mengikut kumpulan, sokongan-sokongan teknikal, sokongan membekalkan biji benih, makanan dan juga nasihat-nasihat yang lain; dan
- (v) sokongan pasaran terhadap hasil mereka secara efisien.

Maksud saya di sini Tuan Pengerusi, kita melihat bahawa ikan sangkar ini salah satu yang boleh mengeluarkan nelayan ini daripada kemiskinan. Kenapa tidak

kementerian membuat program ini untuk kita aturkan ke seluruh negara bagi menyelesaikan masalah lebih daripada 200,000 keluarga nelayan tradisional ini?

Jadi, agensi-agensi lain yang terlibat dalam kerajaan seperti Jabatan Perikanan, LKIM, 'Ku Nelayan' yang ada di Sabah, 'ASAPMA' di Sabah, MAJUIKAN dan lain-lain agensi mestilah bergabung bersama-sama untuk mengeluarkan nelayan ini. Jadi hasilnya nanti sekali gus bahawa 200 ribu lebih keluarga nelayan miskin ini kita boleh keluarkan daripada kemiskinan dan dalam masa yang sama kita boleh membantu menambah pengeluaran ikan di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit di bawah Perkara 15100 iaitu mengorek kuala-kuala sungai ini. Peruntukan yang diberikan itu begitu tinggi juga iaitu sekitar RM10 juta apa tidaknya kementerian boleh merancang..., selalunya aduan-aduan kuala-kuala sungai yang cetek ini adalah di kampung-kampung nelayan. Saya mohon bahawa peruntukan ini diagih-agihkan sama rata walaupun sedikit kepada kampung-kampung nelayan tradisional ini yang sekarang ini masih tidak boleh keluar ke laut apabila musim air surut, jadi, peruntukan ini diagihkan. Saya mohon juga peruntukan di kawasan saya Tuan Pengerusi, ada dua sungai yang nelayan tidak boleh masuk ataupun keluar bila musim air surut iaitu Sungai Lukutan di Sipitang dan Sungai Sipitang sendiri dan ini banyak aduan daripada nelayan. Jadi, saya minta kementerian mengagihkan secara saksama di seluruh negara peruntukan ini.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, iaitu mengenai dengan aktiviti-aktiviti agensi-agensi pertanian ini untuk memasarkan, misalnya di bawah FAMA. Kita minta supaya FAMA lebih agresif dalam membantu menyelesaikan masalah pemasaran ini. Kita lihat banyak kumpulan petani di kawasan luar bandar ini mereka digalakkan menanam hasil-hasil pertanian mereka terutamanya sekali pasaran yang begitu baik ialah pertanian tanah tinggi. Tetapi apabila mereka menanam dengan kuantiti yang banyak Tuan Pengerusi, tanaman mereka ini tidak dapat dipasarkan secara efisien dan banyaklah yang tertangguh, tidak dipetik dan tidak ada pasaran.

Jadi, kita mohon supaya FAMA ini lebih agresif turun ke bawah untuk mengenal pasti petani-petani ini dan mengambil hasil pertanian mereka ini supaya dibantu dipasarkan secara menyeluruh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat minta gulung, ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Jadi, saya mohonlah supaya FAMA ini sekali lagi, agresif turun ke bawah jangan cuma menunggu untuk mengambil barang-barang yang dihantar kepada mereka. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Pendang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

**12.00 tgh.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Assalamualaikum w.b.t, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam membahaskan B.19 dan P.19 secara ringkas.

Di bawah peruntukan B.19, Butiran 100000 iaitu mengenai dengan MADA saya ingin menambah sedikit daripada apa yang telah diucapkan oleh sahabat saya daripada Pokok Sena tadi iaitu mengenai pembangunan MADA kerana saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Pokok Sena tadi bahawa kawasan ataupun pengeluaran hasil padi di kawasan MADA semakin berkurangan. Selain daripada faktor-faktor yang disebutkan oleh sahabat daripada Pokok Sena tadi, juga mengenai dengan keluasan kawasan pertanian MADA yang tidak dapat berkembang serta terhad kemudian kawasan itu menjadi semakin sempit disebabkan oleh projek pembangunan perumahan. Sebab itu saya mengharapkan supaya kerajaan dapat adakan satu polisi untuk mengawal dengan ketat sebarang pembangunan yang di luar daripada pembangunan yang bersifat pertanian dikawal dalam kawasan MADA supaya hasil pertanian yang mengeluarkan makanan utama di negara kita dapat dikawal dan dapat dipastikan ianya dapat hasilkan mengikut objektif pertanian padi.

Selain daripada itu juga dalam soal pertanian dan tanaman padi ini kita bukan sahaja hendakkan pengeluaran padi yang semakin meningkat bagi memenuhi kehendak, keperluan rakyat yang dapat ditanggung oleh rakyat, tidak membebankan rakyat tetapi juga sekali gus ingin untuk menambahkan pendapatan para petani dan pendapatan ini bergantung juga kepada rendahnya kos untuk pengeluaran padi. Sekarang ini ramai petani-petani bersuara, merungut bahawa kos pengeluaran padi semakin meningkat sedangkan hasil ataupun perolehan daripada padi tidak meningkat kerana subsidi harga padi tidak dinaikkan sejak beberapa tahun yang lalu. Dan kalau

kita lihat peruntukan subsidi harga padi untuk petani-petani dan pengusaha -pengusaha padi tidak bertambah kalau dibandingkan dengan tahun ini dan untuk tahun 2000 dan tahun 1999 sama sahaja menunjukkan bahawa kerajaan sudah menjangka bahawa hasil tanaman padi tidak akan meningkat.

Begitu juga dengan subsidi pemberian baja padi pun tidak meningkat, tidak berubah menunjukkan bahawa kerajaan sudah menjangka bahawa tidak ada sebarang penambahan untuk sektor penanaman padi. Jadi oleh yang demikian, kerajaan perlu menimbang untuk menurunkan cukai racun serangga ataupun racun rumput rampai yang semakin meningkat harganya dan ini membebankan atau menambahkan kos pengeluaran selain daripada pembayaran sewa mesin jentera untuk membajak dan juga untuk menuai padi. Perlulah kerajaan menetapkan suatu dasar yang berpatutan supaya tidak menambahkan kos pengeluaran dengan itu pendapatan petani dapat meningkat dan mereka dapatlah menggunakan pendapatan yang meningkat itu untuk kepentingan keluarga mereka dan anak-anak mereka.

Selain daripada itu yang berkaitan juga dengan MADA ini soal penyelidikan dan sudah tentu ia nya mempunyai hubungan dengan MARDI yang juga bertanggungjawab tentang penyelidikan sumber-sumber dan juga untuk penambahan hasil pertanian yang tidaklah terlepas. Penyelidikan dalam aspek sektor penanaman padi. Tetapi kalau kita melihat dalam budget ini sudah lima tahun atau enam tahun sejak tahun 1996 tidak ada sebarang peruntukan di bawah Kepala 00302, Penyelidikan MARDI tidak ada sebarang peruntukan untuk penyelidikan. Apakah kerajaan telah menamatkan penyelidikan tentang pertanian ini. Jadi saya ingin mendapat penjelasan, kenapa tidak ada sebarang peruntukan untuk penyelidikan di bawah MARDI tadi.

Selain daripada itu kita tahu di kawasan MADA ini Tuan Pengerusi, terdapat jalan-jalan MADA. Jalan-jalan MADA ini kebanyakannya jalan-jalan tanah dan jalan-jalan MADA ini tidak sahaja digunakan oleh petani untuk berulang alik dari rumah mereka ke sawah tetapi ianya juga telah menjadi jalan awam yang digunakan oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan pertanian ini untuk ke pasar, untuk membawa anak-anak mereka ke sekolah. Jadi walaupun terdapat sebahagian daripada jalan-jalan MADA ini telah dinaik taraf tetapi sewajarnya satu peruntukan dan satu tindakan perlu dibuat segera untuk menaik taraf semua jalan-jalan MADA dan ditar kerana pernah juga berlaku kanak-kanak sekolah yang terutamanya di musim hujan

lebat tergelincir daripada jalan-jalan tanah yang licin dan mereka terjatuh ke dalam sungai MADA yang agak dalam dan merbahayakan. Oleh kerana itu juga saya berharap supaya proses menaikkan taraf jalan MADA ini perlu dibuat tindakan segera dan ditar semua jalan-jalan MADA ini.

Saya ingin juga menyentuh di bawah Butiran 00926 iaitu Aktiviti Penutupan IADP yang diperuntukan sebanyak lebih daripada RM4 juta. Buka pun kena ada peruntukan hendak tutup pun ada peruntukan juga. Jadi yang saya ingin tahu apakah keputusan untuk menutup IADP ini iaitu projek pertanian bersepadu ini telah pun dilaksanakan di seluruh negara yang terlibat dengan IADP ini kerana saya difahamkan bahawa terdapat di Kedah umpamanya kawasan-kawasan yang melibatkan projek-projek di bawah IADP yang membantu untuk mempercepatkan proses pembinaan prasarana di kawasan luar bandar dengan pembinaan jalan dan sebagainya telah pun diberhentikan sedangkan pengambilan balik tanah telah dibuat seperti umpamanya di kawasan sebuah mukim di Kedah iaitu Mukim Gajah Mati, Kota Setar. Pengambilan tanah untuk projek jalan di bawah rancangan IADP telah dibuat pengambilan itu dan harga tanah pun telah dibayar kepada tuan-tuan tanah tetapi projek itu telah terhenti kononnya operasi IADP telah diberhentikan.

Jadi saya minta penjelasan apakah.... sedangkan terdapat juga beberapa projek IADP di Seberang Perak umpamanya di Perak masih lagi ada peruntukan. Jadi di mana kawasan IADP yang telah diberhentikan operasinya dan pejabat ditutup dan di mana lagi yang dibuka dan mana pula agensi-agensi yang akan mengambil alih peranan IADP dalam mempercepatkan proses pembinaan prasarana di kawasan luar bandar.

Begitu juga saya ingin mendapat penjelasan Tuan Pengerusi, tentang Dasar Baru Pertanian di bawah Butiran 160000 yang mendapat peruntukan sebanyak lebih daripada RM43 juta. Apakah yang dimaksudkan dengan dasar baru itu dan apakah secara terperinci Dasar Baru Pertanian yang diperkenalkan yang mendapat peruntukan yang begitu agak tinggi juga.

Jadi itulah sedikit sebanyak butiran-butiran yang ingin saya sampaikan. Saya harap juga Tuan Pengerusi supaya perbincangan mengenai dengan Kementerian Pertanian ini dapat diberi masa yang agak panjang sedikit kerana banyak, skop Kementerian Pertanian ini begitu luas dan di bawahnya terdapat banyak agensi-agensi yang perlu dibincang saya percaya oleh ahli-ahli Parlimen yang berminat.

Jadi saya harap itulah beberapa pandangan dan keinginan saya untuk mendapat penjelasan-penjelasan.

Selain daripada itu mengenai dengan MADA juga yang berkaitan dengan padi juga mulai dengan pembelian padi oleh Bernas dan oleh kilang-kilang swasta. Ramai petani yang merungut kerana persaingan antara Bernas dan kilang-kilang swasta nampaknya petani-petani MADA lebih berminat untuk menjual padi mereka di kilang-kilang swasta kerana kilang-kilang swasta menawarkan potongan yang lebih rendah berbanding dengan Bernas walaupun pada tahap padi yang sama mutunya dan sama keadaan kematangan padi itu. Begitu juga dengan bayaran dan tawaran-tawaran yang lebih menarik tetapi malangnya kesukaran yang dihadapi oleh petani, kebenaran diberi kepada pengilang-pengilang swasta untuk membeli padi hanya sampai jam 10.00 malam sahaja selepas itu kilang-kilang swasta tidak dibenarkan untuk menerima lagi penjualan padi daripada petani. Sedangkan kepada Bernas dibenarkan untuk beroperasi selama 24 jam. Jadi ini juga merugikan petani-petani dan menyulitkan mereka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya melalui penyelidikan yang saya sebutkan tadi kerajaan sewajarnya ataupun MARDI sepatut boleh membuat penyelidikan bagaimana hendak menghadapi masalah serangga yang mengganggu atau merosakkan padi, bagaimana hendak menghadapi masalah rumput rampai yang mengganggu pertumbuhan padi ataupun menyebabkan padi menjadi rosak dan begitu berhasil tanpa menggunakan racun-racun serangga seperti mana yang kita tahu bahawa di Jepun diperkenalkan dengan satu cara penternakan sejenis itik. Itik ini berperanan untuk memakan segala rumput rampai yang tumbuh, yang mengganggu kecerdasan padi itu, kesuburan padi dan juga memakan serangga-serangga yang merbahaya kepada batang-batang padi tadi. Tidakkah boleh satu penyelidikan dibuat dan sistem ini diperkenalkan dengan itu banyak kesan positif diperolehi.

Selain daripada menambahkan pendapatan petani dengan ternakan itu, ianya juga dapat meneruskan ikan-ikan sawah ini dapat hidup dan dapat membiak dan petani-petani boleh mendapat hasil. Sekarang ini dengan racun-racun serangga, racun-racun rumput rampai ini banyak spesies ikan sawah telah musnah dan mati dan

menyebabkan kalau dahulu kita lihat dalam..... saya sebagai seorang anak petani, kalau dulu selepas kita mengambil padi kita boleh pula menangkap ikan kerana ikan banyak dalam sawah-sawah. Tetapi sekarang tiada ikan lagi. Ikan, bila semua diracun rumput ikan pun mati. Jadi kalau boleh kalau dibuat satu macam penyelidikan mengenal pasti jenis-jenis racun yang hanya boleh memusnahkan rumput rampai dan tidak menjejaskan kehidupan ikan-ikan di situ ataupun diperkenalkan satu cara yang lain seperti yang dibuat di Jepun umpamanya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Jadi inilah perlunya penyelidikan dan kita harap dengan itu petani akan dapat hasil yang lebih dan kita pun boleh memakan hasil yang agak lebih segar kerana makanan itu tidak diganggu tidak diracuni oleh bahan-bahan kimia yang walaupun tidak besar kesannya tetapi ada juga berbahayanya dan terdapat juga petani-petani yang sudah menjadi mangsa kerana racun itu sangat..., beberapa tahun yang lalu berlaku di Ko'diang apabila seseorang petani sesudah dia menyembur racun, dia membeli mee di kedai kerana mee bungkus tidak dibekalkan dengan sudu, jadi dia basuh tangan dalam air sawah dan makan mee dengan tangan, dia mati kerana air sawah itu dipenuhi dengan racun. Jadi satu penyelidikan sangat penting dan sangat perlu untuk kepentingan bukan sahaja kaum petani tetapi juga untuk kepentingan negara. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beluran.

**12.15 tgh.**

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh perkara-perkara yang terkandung di dalam Butiran 050000 Perikanan di dalam perbelanjaan B.19.

Tidak dapat dinafikan bahawa perikanan merupakan komponen sektor pertanian yang penting selain daripada menyumbang sebagai sumber protein manusia, sektor ini juga merupakan sektor penting dalam menyumbang pertukaran asing, mewujudkan peluang pekerjaan dan juga menyumbang kepada KDNK. Namun umumnya sektor ini merupakan sektor perikanan laut dalam, merupakan sektor yang amat kecil tahap penukarannya dibandingkan dengan disiplin lain di dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, umumnya industri perikanan laut melibatkan pelaburan besar dan risiko yang tinggi. Pendekatan Kementerian Pertanian ketika ini yang hanya

mengizinkan pemilikan 100% rakyat tempatan untuk mendapatkan lesen perikanan haruslah dikaji oleh kementerian secara terperinci kerana sesuai dengan DPN3 dalam usaha untuk industri ini berkembang luas usahasma dengan pihak-pihak asing harus mendapat perhatian daripada kementerian.

Saya mendapat maklumat banyak pihak yang ingin melabur dalam industri perikanan laut dalam ini. Namun, pendekatan kementerian yang hanya mengizinkan 100% pemilikan dalam syarikat-syarikat perikanan laut dalam menghalang usaha mereka ini untuk datang ke Malaysia dan melabur. Saya ingin tahu sama ada kementerian dalam DPN3 mempunyai hasrat untuk mengkaji semula dasar yang sedang digunakan ini.

Saya menyambut baik usaha kementerian untuk memperuntukkan sejumlah wang dalam peruntukan Butiran 26500 untuk melatih nelayan tempatan. Saya juga ingin tahu apakah bentuk-bentuk kursus yang ditawarkan oleh kementerian dalam perkara ini. Adakah kursus ini cukup menyeluruh dan mampu mempertingkatkan kedudukan industri ini pada keseluruhannya.

Saya mengemukakan perkara ini kerana umumnya kita mendengar betapa amat kurangnya tenaga mahir tempatan yang dapat digunakan dalam industri perikanan laut dalam. Hakikatnya walaupun pada peringkat kapal-kapal perikanan yang 70 GRT dan ke bawah yang hanya memerlukan tenaga kerja separuh mahir, pergantungan industri ini kepada rakyat asing amat ketara.

Saya ingin mencadangkan agar kementerian mengambil langkah untuk mengkaji semula silibus kursus perikanan laut dalam yang ada sekarang ini untuk disesuaikan dengan kehendak masa kini. Seiring dengan ini kementerian menerusi Jabatan Perikanan hendaklah terus menentukan ianya mempunyai research vessel yang lengkap untuk dijadikan kajian bagi nelayan-nelayan laut dalam yang berpotensi.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu sejauh manakah penglibatan dan kejayaan pihak swasta dalam industri perikanan laut dalam ini. Kajian saya jika dibandingkan data pendaratan ikan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1996 jelas menunjukkan perikanan pantai jauh lebih besar sumbangannya daripada perikanan laut dalam. Ini menunjukkan pengusaha perikanan ketika ini amat kurang menumpu kepada perikanan laut dalam. Apakah usaha kementerian dalam perkara ini untuk mengseimbangkan pendaratan ikan daripada usaha perusahaan perikanan laut dalam.

Saya ingin tahu berapa banyakkah lesen perikanan laut dalam yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dan berapa banyak yang masih beroperasi sehingga kini dan berapa banyak pula yang telah di'alibaba'kan. Tentu sekali Jabatan Perikanan mempunyai data-data yang sebegini.

Saya juga mengalu-alukan anggaran peruntukan sebanyak RM1.8 juta yang telah diuntukkan oleh kementerian bagi projek tukun tiruan seperti yang terdapat dalam Butiran 26400. Projek ini amat bermakna dan mampu mewujudkan persekitaran baru bagi ikan-ikan membiak. Di kawasan-kawasan di mana tempat pembiakan semula jadi ikan seperti batu karang yang musnah akibat pencemaran dan perbuatan menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan, tukun tiruan merupakan persekitaran alternatif yang berguna.

Namun, pada pendapat saya peruntukan yang sebanyak ini yang diuntukkan oleh kementerian kepada projek ini adalah jauh daripada mencukupi dan amat sedikit impaknya jika peruntukan ini terpaksa dibahagi-bahagikan di kalangan negeri-negeri yang ada. Saya ingin mencadangkan agar peruntukan ini ditambah agar lebih banyak tukun tiruan dapat dibentuk dan lebih banyak tempat membiak baru ikan dapat diwujudkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berapa banyak tukun-tukun tiruan yang telah diwujudkan oleh Jabatan Perikanan setakat ini. Saya ingin tahu juga selain daripada tayar-tayar buruk yang digunakan sebagai tukun adakah lagi bahan-bahan buangan lain yang telah dikaji oleh jabatan yang boleh digunakan untuk projek ini.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 25600 Ternakan Ikan Dalam Sangkar yang terdapat dalam peruntukan P.19 ini. Saya ingin tahu sejauh mana berjayanya konsep ini sejak ianya diperkenalkan. Pengamatan saya di Sabah masalah utama yang dihadapi oleh penternak ikan dalam sangkar ialah masalah perolehan benih terutama untuk ternakan ikan-ikan jenis '*phanecolous*' ataupun ikan kerapu. Saya ingin tahu daripada kementerian sejauh mana kajian terhadap tabiat pembiakan jenis-jenis ikan kerapu ini berjaya menghasilkan benih sama ada melalui '*indisporning*' ataupun '*natural breeding*'.

Butiran 25000 Ternakan Tiram, sektor perikanan ini bukanlah satu yang baru namun masih terlalu kecil pencapaiannya yang boleh kita banggakan. Bila disebut penternakan tiram, dua perkara yang boleh kita '*derived*' daripadanya iaitu tiram itu

sendiri sebagai bahan makanan dan 'pearl culture' ataupun ternakan mutiara. Sejauh manakah pencapaian kita dalam industri 'pearl culture' ini.

Tidak lama dahulu sebuah syarikat daripada Jepun telah memulakan projek ini di Semporna, Sabah tetapi tidak tahu pula kita sejauh mana pencapaian yang telah dicapai oleh syarikat ini dan banyak mana mutiara yang telah dieksportkan ke negara Jepun. Kementerian, saya harap tentu sekali boleh memaklumkan kita terhadap pencapaian syarikat ini walaupun syarikat ini telah lebih kurang lima tahun berhenti beroperasi.

Saya nampak industri penternakan tiram satu industri yang harus diberi tumpuan oleh Kementerian Pertanian menerusi Jabatan Perikanan di dalam Dasar Pertanian 3 dan jika industri ini dapat diberi perhatian tentu sekali ramai di antara nelayan-nelayan kecil dapat melibatkan diri di dalam industri ini kerana saya nampak dalam negara-negara lain mampu mengeksport tiram dengan harga yang tinggi dalam bentuk 'smoke oyster' dan tentu sekali 'smoke oyster' mempunyai pasaran yang amat menggalakkan. Kerana itu, Tuan Pengerusi, tidak ada sebab mengapa ternakan tiram tidak dapat kita ketengahkan lebih-lebih lagi penternakan tiram adalah sesuai untuk ditenak di negara ini.

Butiran 24800 Pemeliharaan Agar-agar. Saya juga melihat potensi besar yang harus ditumpukan oleh Jabatan Perikanan dalam industri pemeliharaan agar-agar ini. Kalau kita melihat majalah *Far Eastern Economy Review* seorang ahli perniagaan Filipina yang melabur secara besar-besaran dalam industri agar-agar telah memulangkan pulangan yang amat besar kepada syarikat beliau. Oleh kerana itu saya ingin menyeru kepada Jabatan Perikanan untuk mempromosikan potensi projek ini. Bagi saya usaha jabatan berkenaan yang sekadar mengadakan ladang-ladang demonstrasi seperti yang ada sekarang ini haruslah dibesarkan untuk mengetengahkan potensi agar-agar ini kepada penternak-penternak kecil-kecilan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru agar agensi-agensi Kementerian Pertanian seperti LKIM, Kor Nelayan agar lebih aktif untuk menggalakkan nelayan kecil, nelayan pantai untuk mencebur diri di dalam industri pemeliharaan agar-agar ini. Saya ingin mencadangkan agar kementerian mengadakan skim bantuan ataupun satu dana pusingan untuk memberi soft loan kepada mereka yang berminat di dalam penternakan agar-agar. Usaha ini, Tuan Pengerusi, saya yakin akan menaikkan taraf hidup nelayan kecil seperti yang dikatakan oleh Ahli bagi Sipitang tadi dan melarikan

mereka daripada cengkaman kemiskinan yang sering mereka alami sejak beberapa generasi yang lalu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Ronald Kiandee:** Last point. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyeru agar Kementerian Pertanian membuat penyelidikan yang khusus mendalam terhadap 'ornamental fish' ataupun ikan-ikan akuarium kerana saya nampak industri-industri amat besar potensi dan boleh dimajukan di dalam negara kita. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Baling.

**12.25 tgh.**

**Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Bismillahir-rahmanir-rahim. *[Membaca sepotong Hadis] - Sabda Rasulullah, "Seseorang yang mengusahakan pertanian andainya dimusnahkan oleh burung dan haiwan sekalipun demikian maka diperuntukkan untuknya pahala sedekah".*

Itulah penekanan Islam dari segi keutamaan penglibatan seseorang dalam bidang pertanian. Untuk itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Maksud B.19 dibawah Butiran 090000, 130000, Butiran 020000 dan Butiran 040700. Di bawah Butiran 090000 dan 130000, saya dinyatakan bahawa memang sejak daripada dahulu masyarakat kampung dikenali dengan masyarakat petani lebih-lebih lagi termasuklah di kawasan-kawasan sepertimana kawasan saya di Baling, Kedah dan minat mereka ini begitu jelas dan begitu ketara sejak daripada dahulu.

Walaupun pertanian di peringkat ini hanyalah dimulakan dalam bentuk pertanian-pertanian yang orang kata, secara tidak komersil atau secara lama, cara tradisional tetapi semangat ini masih berterusan sehinggalah sekarang. Untuk itu apa yang saya rasa masalah yang dihadapi oleh petani-petani di kawasan saya serupalah sepertimana yang telah ditimbulkan tadi oleh Sipitang iaitu apabila usaha-usaha mereka sebagai menyahut seruan kerajaan dan usaha-usaha mereka untuk menghasilkan pertanian tetapi malang sekali kebanyakan daripada mereka menghadapi masalah pemasaran sehingga ada usaha-usaha penternakan dan pertanian mereka musnah atau rosak dengan sebab tidak dapat dipasarkan dan andainya pun kalau dapat dipasarkan adalah dengan harga yang terlalu rendah yang kadang-kadang

jauh sekali untuk memperolehi keuntungan, akhir sudahnya mereka terpaksa berhenti dan tidak dapat meneruskan usaha-usaha mereka.

Jadi inilah yang kita rasakan penglibatan FAMA tadi sepertimana yang telah kita sedia maklum mungkin perlu pihak kerajaan melihat balik semula dan untuk FAMA ini dapat dipertingkatkan lagi. Di kawasan saya sendiri di kawasan Baling boleh dikatakan masih ada masyarakat ataupun kaum tani di tempat saya yang tidak tahu apa itu peranan FAMA dan mereka pun tidak pernah tengok FAMA, van-van FAMakah atau lori-lori FAMakah dan sebagainya yang memberi maklum, memberi penerangan kepada mereka di mana FAMA menyediakan peruntukan atau menyediakan khidmat untuk memasarkan hasil-hasil pendapatan mereka.

Tuan Pengerusi, kalau tidak salah ingatan saya, pada tahun 1986 satu idea yang telah dicetuskan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri sebagai salah satu ruang untuk membantu petani-petani kecil, petani-petani desa sebegini iaitu dengan mewujudkan pasar-pasar tani di seluruh negara dan pada mulanya pasar-pasar tani ini adalah antara lain memberi galakan kepada petani-petani dan hasil-hasil pertanian mereka ini untuk dapat dipasarkan secara langsung, setidak-tidaknya di kawasan mereka atau yang berhampiran dengan mereka.

Jadi inilah yang pada mulanya yang pasar-pasar tani ini diwujudkan tetapi kebelakangan ini kita lihat di mana sesetengah daripada pasar-pasar tani itu tadi tidak lagi menjual ataupun memasarkan hasil pertanian daripada petani-petani daripada kebun mereka sendiri dan sebahagian besarnya ada yang memang seolah-olah macam di pasar-pasar yang lain iaitu menjualkan hasil yang diambil daripada pasar-pasar borong misalnya ataupun daripada yang lain yang bukan lagi daripada kebun hasil cucuk tanam mereka itu sendiri.

Jadi, ini juga saya rasa mungkin boleh kita lihat balik semula dan saya mengharapkan pihak kerajaan untuk kepentingan petani-petani kecil kita di kawasan-kawasan sepertimana di Baling ini sendiri supaya mereka dapat terus maju untuk mempertingkatkan hasil pertanian mereka kerana mereka berpeluang untuk memasarkan tanpa berhadapan dengan persaingan yang begitu hebat kerana kalaulah hasil-hasil daripada pemborong-pemborong yang lain misalnya, menyaingi mereka di pasar-pasar tani, maka sudah pastilah bahawa petani-petani kecil kita berhadapan dengan keadaan persaingan yang begitu hebat yang mungkin mereka tidak dapat menyaingi persaingan itu dan mereka akan terus tertinggal.

Dan juga daripada ini, mungkin kita boleh lihat dan boleh pihak kementerian juga melihat balik untuk mempertingkatkan lagi program-program atau aktiviti atau sebagainya mengenai dengan jualan langsung yang dilakukan setakat ini oleh pihak LKIM dan boleh jadi juga oleh pihak FAMA sendiri di sesetengah tempat dan perkara-perkara yang seumpama ini mungkin kita dapat rangsangkan lagi atau kita dapat memperbanyakkan lagi supaya masyarakat dan orang ramai dapat memperolehi barangan keperluan makanan daripada hasil pertanian ini secara langsung daripada pihak-pihak LKIM, daripada pihak FAMA dan sebagainya yang dengan sekaligus juga membantu pemasaran kepada FAMA dan juga membantu pemasaran kepada LKIM ini yang kita tahu bahawa ini adalah hasil daripada tangkapan-tangkapan ikan daripada nelayan-nelayan terutama sekali daripada persatuan-persatuan nelayan dan sebagainya.

Begitu juga mungkin boleh kita fikirkan untuk masalah sayur-sayuran, hasil pertanian-pertanian kecil ini kalau kerajaan telah pun cuba memperkenalkan 'satu kampung satu produk', jadi mungkin juga boleh kita lihat dan kita kaji balik semoga boleh juga diterjemahkan 'satu kampung satu produk' ini dengan 'satu kampung dengan satu jenis sayuran' dan boleh jadi di dalam kawasan-kawasan tertentu mempunyai kampung-kampung yang mempunyai tanah yang begitu sesuai untuk ditanam dengan tanaman sayur-sayuran yang tertentu dan hasil daripada sayur-sayuran itu sendiri boleh dipasarkan secara yang seolah-olah macam pasar borong juga yang hasil daripada hasil-hasil orang kampung itu dan orang ramai boleh mendapat bekalan sayur-sayuran yang segar, yang *fresh* daripada hasil kampung-kampung atau hasil pengusaha-pengusaha daripada masyarakat mereka sendiri.

Jadi, menyentuh mengenai Butiran 030000, Tuan Pengerusi. Di kawasan saya juga para petani menghadapi masalah pengairan dan saluran yang tidak sempurna. Ini mungkin berbeza sedikit daripada kawasan-kawasan yang terlibat dengan MADA, yang terlibat dengan KADA dan sebagainya tetapi di kawasan-kawasan yang lain dan terutama sekali di kawasan saya – para petani menghadapi masalah pengairan dan saluran ini begitu ketara sehingga tanah-tanah yang subur untuk padi, tanah-tanah yang subur untuk pertanian terpaksa ditinggalkan kering kontang begitu sahaja kerana tidak mempunyai kemudahan-kemudahan ini.

Maka mereka tidak dapat mengusahakan tanah-tanah pertanian mereka dengan lebih baik atau sepertimana yang pernah mereka perolehi dengan mengeluarkan hasil-

hasil yang sewajarnya. Lebih-lebih lagi apabila kawasan-kawasan tersebut menemui keadaan menaik taraf jalan raya ini atau *upgrade* jalan ini sendiri yang akibat daripada kerja-kerja menaik taraf jalan raya itu sepertimana contohnya, di kawasan saya ialah jalan raya Baling ke Pengkalan Hulu yang telah pun dinaikkan taraf.

Jadi, hakisan-hakisan daripada kerja-kerja pembesaran jalan itu, tanah-tanah merahnya yang dibawa oleh hujan dan air, turun terus melimpah ke dalam kawasan-kawasan pertanian dan tanah-tanah padi yang sekarang sudah hampir empat, lima tahun tidak boleh diusahakan langsung tamah itu sebab kawasan-kawasan tanah padi sudah begitu keras seolah-olah macam kita taruh simen. Jadi inilah, maka keadaan mereka berhadapan dengan kerugian yang begitu besar dan sebahagian daripada kawasan-kawasan yang terlibat begini, petani-petani begini yang sekarang ini terpaksa panjat pokok pinang, jual buah pinang.

Jadi, kita tahu buah pinang bukan dbk berbuah hari-hari. Jadi, jenuh dok regheh pokok la depa. Jadi, ini keadaan-keadaan yang dihadapi di tempat saya.

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, akhir ya. Sila, sila.

**Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib:** Akhir sekali, Tuan Pengerusi, Butiran 040700 ini yang mengenai dengan kesihatan awam, veterina yang berkaitan dengan masalah kebersihan dan kesihatan terhadap pengusaha-pengusaha, penternak-penternak ayam serta makanan dan sebagainya dan juga yang boleh membabitkan masalah penentuan makanan halal kepada kita umat Islam yang saya rasa perlu dipertingkatkan lagi usaha-usaha pemantauan dan pengesahannya supaya keadaan ini lebih meyakinkan kerana apa yang kita dapati setengah daripada tempat pengusaha-pengusaha ini membawa satu keadaan yang agak tidak menyenangkan – baunya busuk dan mengganggu penduduk-penduduk di sekeliling kawasan ternakan tersebut

Jadi, suka saya sebut di sini walaupun ini ada sedikit kaitan dengan pihak JAKIM dan ada bahagian di bahagian pertaniannya di kementerian ini di bawah Butiran 040700 ini iaitu masalah Sijil Halal yang telah diswastakan ini. JAKIM hanya mengeluarkan sijil tetapi pemantauan, pemeriksaan dan sebagainya telah pun diswastakan. Jadi, apabila telah diswastakan maka keadaan yang menjadi masalahnya ialah apabila pengusaha-pengusaha yang terlibat dengan usaha-usaha makanan,

pemprosesan ayam dan sebagainya ini, untuk hendak mendapat Sijil Halal itu, mereka terpaksa membayar kos yang cukup tinggi kepada syarikat ini.

Dan pernah terdedah dalam akhbar-akhbar beberapa ketika yang lalu sehingga terpaksa mereka mengeluarkan belanja atau pembayaran sebanyak RM140,000 untuk semata-mata hendak dapat Sijil Halal. Pihak JAKIM....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat habis, Yang Berhormat.

**Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib:** Pihak JAKIM tidak keluarkan Sijil Halal kalau tidak dapat pengakuan daripada syarikat yang telah diswastakan ini.

Jadi, inilah perkara-perkara yang saya rasa saya minta pihak kerajaan untuk dapat memastikan supaya pihak pengguna dan juga pihak pengusaha ini tidaklah menghadapi masalah bagi menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat sekalian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut.

**12.40 tgh.**

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.19 Kementerian Pertanian yang diperuntukkan kira-kira RM2 bilion dan kita tahu bahawa pertanian memberi sumbangan yang besar dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Saya hendak pergi kepada khusus perkara-perkara yang hendak saya bangkitkan, Butiran 080000 iaitu MARDI. Saya hendak menyentuh soal durian. Orang tidak bercakap pasal durian lagi sebab kawasan saya memang terkenal dengan durian sampai ke Singapore. Saya ingat dalam Dewan ini semua suka makan durian termasuk Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan kita tahu durian Batu Kurau khususnya cukup terkenal di kawasan Parlimen Larut. Mungkin Yang Berhormat bagi Kepong pun suka juga pernah makan durian.

Termasyhur di mana-mana tetapi dari segi kaji selidik, yakni MARDI yang diperuntukkan RM92 juta lebih – lebih daripada peruntukan tahun lalu. Sebagaimana saya katakan tadi, durian sekarang ini kalau dulu orang Putih tidak suka, sekarang pun sudah suka sebab bau durian dia memang tidak suka tetapi kalau lempuk dia makan. Sebab kalau dia potong buat macam kek gitu, dia tidak tahu tetapi bila ditanya dia kata sedap, bila kita beritahu kata durian, dia pun naik syok.

Jadi, saya minta sangatlah kepada MARDI, tolonglah buat satu kajian yang menyeluruh bagaimana kita boleh menghasilkan durian yang telah mendatangkan satu pendapatan yang besar, berjuta-juta ringgit oleh pekebun-pekebun di seluruh negara yang sekarang ini kita tahu kadang-kadang harga apabila pada satu ketika harga durian jatuh kerana terlalu banyak sangat seperti di kawasan saya, depa boleh main bola kerana terlalu banyak sangat. Sampai tak tahu nak buat apa. Yang peliknya pula walaupun durian kita bagus, dirasakan yang terbaik tetapi masih ada di kalangan kita yang makan durian daripada negara jiran termasuk daripada Thailand. Ini saya tak tahu apa sebab. Ini saya minta MARDI tolong buat kajian yang lebih mendalamlah supaya durian ini boleh diketengahkan lagi sampai keluar negara kerana kita tahu, pemimpin-pemimpin negara luar seperti Perdana Menteri Singapura pun suka makan durian, banyak lagilah.

Seterusnya saya hendak pergi kepada Butiran 030000, Pengairan dan Saliran yang telah diperuntukkan RM24 juta lebih ini – lebih daripada tahun yang lalu. Ini masalah banjir. Ada berkait dengan masalah durian. Kadang-kadang bila banjir, pokok dengan pokok pun tenggelam. Jadi, saya mintalah kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat masalah banjir kerana sekarang ini di bandar-bandar besar pun bila hujan turun dengan lebat, lebih daripada tiga jam, akan berlaku masalah banjir terutama di kawasan-kawasan perumahan yang mungkin tidak ada perancangan di peringkat awal.

Sekarang ini timbul masalah banjir ini dan saya harap perkara ini dapat diberi perhatian dengan serius terutama di kawasan-kawasan pertanian termasuklah di kawasan saya, di kawasan Larut yang sejak saya rasa sebelum merdeka sampai ke hari ini masih berlaku masalah banjir di kawasan seperti di Pulau Tanjong, antara Batu Kurau dengan sempadan Bagan Serai. Dia mungkin boleh melarat sampai ke Parit Buntar.

Akhir sekali, saya hendak sentuh berhubung dengan Butiran 130000 Lembaga Pertubuhan Peladang yang diperuntukkan RM62 juta lebih. Saya ingin sebutkan di sini kita tahu kebanyakan pertubuhan peladang mempunyai aset atau harta yang begitu besar dan disimpan dalam kebanyakan bank tetapi tidak dapat dikembangkan. Jadi, saya berharaplah supaya unit-unit peladang khususnya di peringkat kawasan supaya dapat mengembangkan lagi segala aset atau harta yang ada yang telah dilaburkan oleh para petani termasuk daripada pembangkang pun ada, di kawasan

sayalah, Pokok Sena saya tidak tahu, supaya dapat dikembangkan lagi dan diperluaskan lagi supaya segala pelaburan yang telah disimpan di dalam unit-unit yang telah saya sebutkan tadi dapat diperluaskan dan akhirnya pulangan yang begitu besar dapat diberikan balik kepada penyimpan-penyimpan ataupun pelabur-pelabur dengan pertubuhan-pertubuhan peladang.

Jadi, saya rasa itu sahajalah yang saya hendak sentuh di bawah .... [*beberapa Ahli Parlimen bangun*] [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya masalah sikit, Tuan Pengerusi, sebab duduk sebelah Kinabatangan ini. Jadi, kerana saya fikir dia pun hendak bercakap, jadi saya rasa itu sajalah yang saya hendak sentuh di bawah B.19. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanah Merah.

**12.45 tgh.**

**Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]:** Terima kasih Datuk Pengerusi.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apalah Yang Berhormat, tungguilah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Saya juga turut sama untuk membincangkan di bawah B.19 Kementerian Pertanian.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cakap pendek-pendek ...

**Tuan Saupi bin Daud:** Di bawah Butiran 060000 Iaitu Pemberian Subsidi Harga Padi dan juga Butiran 070000 iaitu Pemberian Subsidi Baja Padi. Jadi sebelum saya membincangkan perkara ini saya terlebih dululah ambil masa ini merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada UMNO Bahagian Tanah Merah yang telah memberanikan diri untuk secara terbuka menyatakan hasrat rakyat dan telah membuat suatu perkara yang baru di mana telah mencalonkan Yang Berhormat Gua Musang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Butiran mana tu Yang Berhormat? [*Ketawa*]

**Tuan Saupi bin Daud:** Sebab Datuk Yang di-Pertua, sebenarnya ekoran daripada persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan Datoh dulu,

dia pernah bertanya dalam Dewan yang mulia ini, dia kata dia hendak tahu mengapa sebab UFO turun di sebuah sawah di Kampung Gobek di kawasan saya di Tanah Merah. Jadi itulah jawapannya. Jadi kalau Yang Berhormat Bagan Datoh ada, jawapannya adalah mesej yang diturunkan oleh UFO iaitu suruh membuat satu perubahan [*Ketawa*] Jadi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kata air banjir, bukan apa yang turun, teruskan butiran.

**Tuan Saupi bin Daud:** Tak apa Datuk Yang di-Pertua, ini pun berkaitan dengan baja padi juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan butiran, minta maaf, teruskan butiran.

**Tuan Saupi bin Daud:** Kita lihat pada hasil pertambahan purata sehektar padi daripada tahun 1998 sebanyak 3.2 tan metrik kepada 3.6 tan metrik pada tahun 1999 dan ini adalah suatu perkara yang menggalakkan dan selari dengan Dasar Pertanian Negara di mana ingin meninggikan taraf pendapatan petani dan juga ingin memperbanyakkan hasil komoditi pertanian. Tetapi di dalam hal ini kepada pemberian subsidi harga padi dan pemberian subsidi baja padi, saya ingin memohon pihak kerajaan melalui kementerian berkenaan supaya bersifat telus kepada petani-petani yang terlibat di mana kita tahu petani-petani ini adalah mereka-mereka yang terdiri daripada golongan yang miskin, golongan yang mewarisi pertanian ini secara tradisional dan juga mereka kita galakkan supaya bertani dan mengusahakan tanah-tanah supaya tidak terdapat tanah yang terbiar tetapi di dalam masa yang sama, kita juga telah membuat satu penekanan politik di mana kita juga telah menidakkan hak-hak mereka dengan cara menghalang ataupun dengan cara tidak memberi bantuan ataupun pemberian subsidi harga padi ataupun pemberian subsidi baja padi semata-mata kerana perbezaan politik.

Jadi saya di dalam peringkat Jawatankuasa ini benar-benarlah berharap supaya pihak yang terlibat mengetepikan perkara-perkara ini kerana kita tahu jangan samakan petani-petani ini dengan kontraktor-kontraktor yang terdapat di Melaka di mana kita tahu di Melaka, dasar kerajaan yang baru di Melaka akan menyenaraihitamkan kontraktor-kontraktor yang telah bersubahat dan membantu pihak pembangkang semasa pilihan raya yang lalu dan mungkin mereka tidak akan

mendapat sebarang projek daripada Kerajaan Negeri Melaka ataupun Kerajaan Persekutuan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bagan Datuk berdiri, Yang Berhormat. Nak beri laluan?

**Tuan Saupi bin Daud:** Err...kalau....Datuk Pengerusi selalu tengok jam, saya tak beranilah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi Yang Berhormat. Tak apa Yang Berhormat, dia tak bagi.

**Tuan Saupi bin Daud:** Sekejap lagi, sekejap lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dia habis dulu Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** Nanti sekejap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, sila, sila.

**Tuan Saupi bin Daud:** Jadi di dalam hal ini saya nak menyentuhlah kadang-kadang pemberian yang sebagaimana yang kita perlukan kerana di dalam masa yang sama kita ingin melihat masyarakat kita maju, masyarakat kita meningkatkan taraf pendapatan, tetapi dalam masa yang sama juga kita membuat satu undang-undang baru, peraturan baru yang tidak memberi hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan kepada mereka ini dan saya nak bagi satu contohlah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Bukan setakat tidak memberi subsidi harga padi dan baja padi malah yang baru sekali, petani-petani ini dipecat, dilucut jawatan ataupun keahlian UMNO sampai tahap tu, saya pun tak terfikir dah apakah peranan penting sangat yang ditunjukkan oleh petani sehingga keahlian mereka di dalam UMNO pun dilucutkan. Ini benda yang jelas dan nyata kerana salah seorang daripada petani di kawasan saya itu semata-mata bila saya tanya mengapa dipecat kerana, jawapannya kerana saya, dia dapati dia seringkali datang mengurut saya di rumah, jadi itukah alasan pemimpin UMNO yang memecat ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk butiran, masuk butiran Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** Tak, ini di bawah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Walaupun petani kena pecat tapi *[Ketawa]* ...itu parti...

**Tuan Saupi bin Daud:** Tidak Datuk Pengerusi kerana...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Baca butiran, ya, ya.

**Tuan Saupi bin Daud:** Kerana peraturan-peraturan yang dibuat di negeri Kelantan, setiap petani yang hendak mendapatkan subsidi baja dan juga subsidi harga padi hendaklah mendapatkan pengesahan daripada Penyelia Pembangunan Mukim ataupun PPM yang mana Penyelia Pembangunan Mukim akan mengesahkan kepada ahli-ahli UMNO sahaja. Ini yang saya hendak hubungkaitkan dan kalaulah begitu, kalau kita lihat pula bagaimana saya ingin bertanyalah kepada Kementerian yang berkenaan, satu kes di mana 'baja cap daging' ini telah mengalir dan dijual di negara asing di Thailand yang melibatkan seorang Penyelia Pembangunan Mukim, saya tak payah sebutlah kawasan mana dan telah menjadi kes polis dan juga di bawah BPR. Jadi setakat hari ini kita tahu kes itu dah hampir setahun lebih tetapi tidak dapat apa-apa jawapan dan Penyelia Pembangunan Mukim berkenaan masih lagi menjalankan tugasnya sebagai Penyelia Pembangunan Mukim walaupun dengan jelas beliau ditangkap bersama dengan baja di seberang ataupun di kawasan negeri di Thailand.

Yang kedua, saya ingin juga mengemukakan pertanyaan kepada kementerian berkenaan, apakah peraturan ataupun syarat-syarat sebenar terhadap pemberian subsidi baja dan juga subsidi harga padi ini, adakah pihak kementerian memberi kuasa yang berlainan kepada negeri-negeri iaitu umpamanya kalau di negeri Kelantan ataupun Terengganu yang ditadbir dan diperintahkan oleh kerajaan ataupun pihak pembangkang maka peraturan-peraturan tambahan terhadap bantuan ini hendaklah berdasarkan kepada negeri berkenaan.

Dan satu lagi saya ambil di bawah butiran 110000 iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di mana kita lihat pada hari ini KADA tidak begitu memainkan peranan yang penting di dalam pertanian ataupun penanaman padi di peringkat negeri Kelantan di mana kita dapat tahu bahawa kebanyakan daripada parit-parit, tali air yang dibina oleh KADA, ada setengahnya dalam keadaan terbiar dan ada setengahnya tidak diusahakan langsung tanaman padi di persekitaran parit-parit dan tali air berkenaan. Jadi itulah di antara perkara-perkara yang saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan perkara-perkara yang saya sebutkan di bawah tiga butiran tadi dan saya yakin bahawa komen saya dan juga pendapat saya di dalam peringkat Jawatankuasa ini adalah untuk sama-sama untuk

membantu meningkatkan pertanian negara dan meningkatkan hasil pendapatan petani-petani kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nibong Tebal.

### **12.55 tgh**

**Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]:** Terima kasih Datuk Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P.19 Butiran 00911 muka surat 181. Datuk Pengerusi, kerajaan di Pulau Pinang pada 11 Oktober 1990 telah mewartakan kawasan seluas 6326 ekar di Batu Kawa, Mukim 13 Daerah Seberang Prai Selatan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk tujuan penempatan semula ladang-ladang menternak khinzir di negeri Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai Pig Farming Area (PFA), dengan izin. Bagi merealisasikan cadangan PFA Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri Pulau Pinang telah menjalankan satu kajian yang komprehensif pada tahun 1990-an. Dalam kajian tersebut, dia ada menyatakan bahawa industri ternakan khinzir di Pulau Pinang telah bermula sejak tahun 1930-an dan telah berkembang pesat sehingga mempunyai 269,773 ekor khinzir pada tahun 1987.

Pada tahun 1996 populasi khinzir di negeri Pulau Pinang adalah kira-kira sebanyak 281,300 ekor. Mengikut laporan kajian tersebut, cadangan PFA di bahagian Selatan Batu Kawa akan dapat;

- (i) Menyelesaikan masalah sosial, politik dan agama di negeri Pulau Pinang kerana Batu Kawa dengan keluasan 6717 ekar merupakan sebuah pulau yang hanya mempunyai ratusan penduduk yang tinggal di bahagian Utara Batu Kawa.
- (ii) Mengawal ancaman jangkitan penyakit di kawasan penternakan khinzir sedia ada yang tidak terancang.
- (iii) Menyelesaikan masalah pencemaran sungai dan laut di kawasan penternakan sedia ada.
- (iv) Membekalkan bekalan daging yang mencukupi untuk memenuhi permintaan domestik dan dieksport ke Singapura di mana membantu negara memperolehi berbillion-billion setiap tahun.
- (v) Membolehkan nilai harta tanah bagi kawasan yang terletak berhampiran kawasan penternakan khinzir sedia ada melambung tinggi apabila ia dipindahkan ke PFA Batu Kawa.

Datuk Pengerusi, berdasarkan kajian tersebut, keluasan yang diperlukan adalah 211 ekar. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri telah mengesyorkan supaya kawasan seluas 250 hingga 1000 ekar diperuntukkan bagi menampung keperluan masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertanian pada tahun 1994 telah bersedia memperuntukkan RM17 juta sebagai pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pembelian tanah di Batu Kawa bagi tujuan pembangunan PFA. Walau bagaimanapun selepas kerajaan negeri berjaya mengambil balik tanah di Batu Kawa pada tahun 1990, cadangan PFA semakin tidak kedengaran. Pada tahun 1993, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon telah mengisytiharkan Batu Kawa akan dibangunkan sebagai bandar baru ketiga di Pulau Pinang dan langsung tidak menyentuh tentang PFA.

Datuk Pengerusi, masa hendak ambil balik tanah bagi alasan nak buat PFA, setelah sudah ambil tanah, lupa pula apa itu PFA. Macam ini mana boleh? *[Ketawa]* Ini merupakan satu pembohongan yang amat besar dan sememangnya berdosa. *[Ketawa]*

Datuk Pengerusi, Kementerian Pertanian telah menelan belanja berjuta-juta ringgit untuk membuat kajian. Mengimport juruperunding dari Denmark, membuat lawatan sambil belajar ke luar negeri kononnya nak belajar dan implement di Pulau Pinang. Akhir sekali wang ringgit berjuta-juta sudah dibelanjakan, laporan hasil kajian pula simpan dalam bilik kebal Komtar dan kawasan penternakan khinzir pula bertaburan di setiap sudut di Pulau Pinang. Masalah pencemaran tak dapat selesai. Seluruh jentera kerajaan negeri panik apabila virus Nipah mengancam dan penternak khinzir pula sering menjadi mangsa penguatkuasaan.

Datuk Pengerusi, saya di sini menyeru Yang Berhormat Menteri Pertanian buka balik fail PFA dan adakan satu mesyuarat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya meneruskan cadangan PFA di Batu Kawa yang telah dipersetujui oleh Kementerian Pertanian dan kerajaan negeri secara dasarnya pada awal tahun 1990-an. Tanah sudah ada di Batu Kawa, modal dan teknologi sudah ada di tangan Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sama-samalah kita pindahkan la dang ternakan khinzir ke Batu Kawa. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Serdang, Serdang.

**12.58 tgh.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Datuk Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa, cepat sikit ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Macam sempat [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tahu berhentinya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih Datuk Pengerusi, walaupun saya berdiri berapa kali tapi masa masih....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biasa, biasa, itu nasib baik saya bagi.

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya menyentuh butiran 00911, Ladang Ternakan Khinzir. Datuk Pengerusi, sejak tragedi virus Nipah yang melanda beberapa kawasan ladang ternakan di negara kita ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sambung petang ini.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih [*Ketawa*]

**Majlis Mesyuarat bersidang semula**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Serdang, dijemput.

**2.32 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya menyentuh Butiran 00911 – Ladang Ternakan Khinzir.

Tuan Pengerusi, sejak tragedi wabak JE atau wabak Nipah yang melibatkan beberapa kawasan ladang ternakan khinzir di negara kita ini telah menjadikan keluarga penternak-penternak berkenaan itu menghadapi masalah tekanan hidup dan 'menghilangkan' kerja pada ketika itu. Sesetengah penternak-penternak sentiasa melalui pelbagai cabaran untuk merasakan perasaan mereka kluatir dan rasa kecewa terhadap beberapa perkara yang masih belum ditentukan pada masa akan datang

terutama sekali di kawasan-kawasan ladang yang terlibat secara langsung dalam penyakit wabak tersebut sama ada diteruskan atau tidak dan kehidupan mereka terjejas sentiasa dapat didengar dan dilihat melalui media massa. Dengan demikian, saya minta pihak kementerian mengambil serius terhadap masalah-masalah kehidupan yang sedang dihadapi sesetengah penternak pada masa kini.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, kerajaan pernah memberi bantuan kewangan kepada penternak-penternak yang terlibat dengan wabak JE dan Nipah pada ketika itu bersama-sama dengan bantuan melalui pihak MCA dan persatuan-persatuan masyarakat Cina di mana juga memberi sumbangan kewangan dan tenaga untuk meringankan penghidupan penternak-penternak yang terlibat tersebut.

Tetapi yang penting sekarang ini, ladang-ladang ternakan khinzir yang terlibat dalam penyakit itu masih tidak tahu masa depan akan datang. Penternak-penternak masih merasa tidak tahu bilakah dapat bantuan atau satu dasar daripada kementerian untuk diteruskan usaha atau industri khinzir di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, sepatutnya pihak kementerian memberi nasihat, cara mana untuk menyusun semula atau langkah diambil untuk memberi nafas baru kepada penternak-penternak yang sedang menghadapi tekanan hidup pada ketika ini.

Tuan Pengerusi, industri khinzir perlu dibangun semula atau diatur dengan cara-cara yang teratur yang mengambil kira kesihatan, ekonomi, sosial dan alam sekitarnya. Pihak kementerian pernah mencadangkan bahawa industri khinzir ini perlu meluluskan usaha mewujudkan kawasan-kawasan penternakan khinzir yang bersepadu (*integrated pig farming areas*), dengan izin. Cadangan ini telah diumumkan dan dikemukakan tetapi sehingga hari ini masih belum tahu keputusan, apa yang sebenarnya berlaku terhadap cadangan ini.

Tuan Pengerusi, para penternak yang terlibat yang berkenaan itu sedang menunggu keputusan daripada kementerian dan pihak-pihak kerajaan negeri untuk menentukan lokasi-lokasi, kawasan-kawasan penternakan khinzir yang sepatut ini, yang mungkin di kawasan-kawasan yang berjauhan daripada penempatan penduduk. Ini satu perkara yang sedang ditunggu dan yang akan diberi kepada pihak penternak.

Jadi, dengan demikian saya minta pihak kementerian supaya memberi penjelasan yang lebih lanjut berkaitan dengan program ini dan cara mana untuk mewujudkan supaya *integrated pig farming area* dapat diwujudkan di kawasan-

kawasan tertentu untuk memberi satu nafas penghidupan baru kepada penternak-penternak khinzir di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Federation of Livestock Farmers Associate Malaysia dan Malaysia Pork Consumers and Community Organization, dengan izin, pernah mengadakan suatu memorandum kepada kerajaan yang bernama The Sun Flowers Project kepada kerajaan untuk memberitahu kedudukan sebenarnya penternak-penternak khinzir di dalam negara kita ini dan cara mana untuk menyusun semula dan mengatur semula industri khinzir di negara kita.

Yang Berhormat Menteri Pertanian baru ini pernah mengatakan pihak kerajaan sedang mengkaji memorandum yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan penternak itu tetapi bilakah pandangan dan kelulusan dari kementerian itu akan dibahagikan kepada persatuan yang berkenaan supaya mereka faham pendirian atau pandangan daripada pihak kerajaan terhadap industri khinzir di negara kita akan datang dan supaya dapatlah tahu mereka akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk membangunkan semula ternakan khinzir di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, rakyat negara ini sedang mengejar kemajuan ke arah menjadikan Malaysia negara industri tetapi kita jangan lupa memberi perhatian yang serius kepada sektor pertanian, penternakan dan perikanan kerana ianya pernah dijadikan tulang belakang ekonomi negara kita. Mereka yang menjalankan perusahaan daripada pertanian dan penternakan atau perikanan sedang harap dapat sumbangan dari kerajaan untuk menjalankan dasar pertanian itu lebih berkesan supaya dapat satu penghidupan yang lebih sempurna lagi pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu butiran lagi, 08900 – Rancangan Pengaliran Saliran Mencegah Banjir dan Memelihara Sungai di Sela ngor.

Memang benar masalah banjir sering berlaku di negeri Selangor. Masalah banjir ini telah diambil berat oleh Kerajaan Negeri Selangor dan pandangan dan kerja-kerja, langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mencegah banjir berlaku tetapi masih belum mencukupi, maka Kerajaan Negeri Selangor telah memohon peruntukan sebanyak RM1.5 bilion daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Masalah banjir di negeri Selangor perlu ditangani secara bersama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Tanpa kerjasama dan bantuan daripada Kerajaan Pusat mungkin masalah banjir di negeri Selangor masih berlaku akan datang.

Tuan Pengerusi, yang akhir Butiran 17200 – Program Sepuluh Tahun Pembersihan Sungai Klang. Di dalam anggaran yang dibentangkan dalam tajuk ini hanya token RM10 sahaja diperuntukkan dan saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan cara mana untuk mencadangkan pembersihan di Sungai Klang sepanjang masa akan datang, dalam dua tahun masa yang akan datang tanpa peruntukan yang hanya RM10 sahaja.

Saya minta lagi satu pandangan bahawa cara mana untuk mengatasi masalah banjir yang sentiasa berlaku di sini, saya difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengarahkan JPS untuk menjalankan kerja-kerja mendalam dan melebarkan Sungai Klang supaya untuk mencegah banjir berlaku di sekitar kawasan Sungai Klang termasuk kawasan Serdang. Saya mengambil serius dalam perkara ini kerana kawasan saya memang sentiasa mengalami banjir kerana air sungai melimpah ke kawasan Puchong yang di bawah Parlimen Serdang ini dan saya bersama-sama dengan rakan saya Yang Berhormat Datuk Satim Diman, ADUN kawasan Puchong sentiasa meminta kerjasama supaya masalah banjir yang berlaku di Puchong ini dapat diselesaikan, tetapi saya tidak tahu sama ada program sepuluh tahun pembersihan Sungai Klang yang diperuntukkan RM10 ini ada kaitan dengan projek ini atau tidak, kalau ada kaitan itu, apa sebab hanya RM10 di situ, kalau tidak berilah penjelasan yang lebih lanjut kepada Dewan ini supaya akan dapat satu pandangan yang jelas supaya saya boleh sampaikan mesej ini kepada kawasan-kawasan atau penduduk-penduduk yang terlibat dengan banjir itu dan juga masalah pemindahan setinggan penduduk yang terlibat dengan program melebar dan mendalam Sungai Klang ini.

Saya terdapat bahawa peringkat satu yang terlibat 535 rumah setinggan, oleh kerana pembinaan rumah panjang oleh JPS tidak jadi, maka pemindahan setinggan yang terlibat dengan program ini akan tergendala. Jadi, adakah pihak kementerian untuk menimbangkan bahawa mereka atau setinggan-setinggan yang terlibat dengan banjir, yang terlibat dengan program pembersihan ini dapat dipindahkan supaya memberi sugu hati untuk menyewa rumah terlebih dahulu sehingga rumah kos rendah dapat dibina. Kalau tidak, mereka tidak ada tempat untuk dituju, jadi satu masalah sosial akan timbul, jadi saya mintalah pandangan kalau boleh .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, minta gulung kerana masa sudah cukup.

**Dato' Yap Pian Hon:** Ya, Tuan Pengerusi, mintalah penjelasan atau pihak kementerian untuk mengatasi masalah perpindahan setingan di kawasan Sungai Klang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun.

**2.44 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh di bawah Butiran 140000 – Bank Pertanian Malaysia. Apa yang saya ingin nyatakan adalah saya meminta kementerian ataupun kerajaan mengambil tindakan serius untuk menyusun semula Bank Pertanian di mana kita sedia maklum bahawa Bank Pertanian merupakan institusi terpenting dalam pembangunan industri pertanian.

Dengan memperkukuhkan Bank Pertanian maka peranan yang penting itu dapat dilaksanakan dalam cita-cita kita merealisasikan kejayaan DPN-3. Saya berharap kerajaan dapat melihat:

- (i) kedudukan struktur operasibisnes;
- (ii) struktur kewangan;
- (iii) sistem pengurusan; dan
- (iv) kualiti pengurusan.

Saya ingin menyentuh perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya melihat beberapa kelemahan dalam Bank Pertanian yang perlu ditangani, pertama, dari segi struktur kewangan. Tadi kita mendengar bahawa Bank Pertanian mengalami kerugian ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta penjelasan sedikit sahaja berhubung dengan Bank Pertanian ini.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti sekejap, sekejap.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Adakah Yang Berhormat setuju ia termasuk dengan Lembaga Pengarah yang ada itu?

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, termasuk semualah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Struktur kewangan bank tersebut. Tadi kita ada mendengar bahawa bank ini mengalami kerugian, malah kalau dilihat dari segi struktur dana pemegang saham kerugian sekarang adalah sebanyak

RM172 juta dan kalau kita lihat dari segi data historical, hanya beberapa tahun sahaja mendapat keuntungan, itu pun tidak besar, bawah daripada RM50 juta. Mengapa kerugian ini berlaku? Kerana struktur kewangannya. Kita dapati terdapat mismatching di antara dana pemegang saham dengan tanggungan di mana dana pemegang saham seperti mana saya nyatakan tadi negatif RM172 juta, manakala tanggungan bank ini adalah sebanyak RM4.5 bilion – hendak menanggung aset sebanyak RM4.4 bilion.

Dengan itu, dengan struktur kewangan begitu bank ini menghadapi situasi di mana ia terpaksa membayar kos faedah yang begitu tinggi daripada pinjaman yang diperolehi. Walaupun pinjaman daripada kerajaan, OECD, OECF, kemudian daripada dana deposit pelanggan yang banyak RM3 bilion lebih dan juga kos faedah ini rendah di antara 0 hingga 3% kecuali OECF dalam 6.5% tetapi oleh kerana bank ini menggunakan dana yang dipinjam daripada luar – hampir keseluruhannya saiz faedahnya begitu tinggi. Maka, dengan itu bank ini menghadapi kerugian.

Di dalam penyata kewangan tahun 1997, walaupun agak lewat tetapi saya percaya, ini belum dilaksanakan. Ketua Audit Negara mengesyorkan dari segi kedudukan kewangan agar supaya dana pemegang saham ini diperkukuhkan melalui pemindahan baki pinjaman kerajaan sebanyak RM405 juta kepada dalam bentuk ekuiti dan jika ini dilakukan, maka ekuiti bank ini akan bertambah, dengan itu penggantungan kepada pinjaman itu tidak begitu berat sangat. Dengan itu dapat mengurangkan faedah yang perlu dibayar oleh bank dan bank ini akan berada dalam kedudukan yang lebih selesa untuk mendapat keuntungan.

Kedua, saya lihat dari segi pengurusan business operasi ataupun aset bank tersebut. Saya dapati seperti mana saya nyatakan tadi, bank mendapatkan wang daripada luar – daripada pinjaman kerajaan, OECF dan juga deposit pelanggan tetapi penggunaan wang ini sebenarnya tidak begitu betul. Saya dapati di sebelah aset, dalam balance sheet di sebelah aset, 48.4% adalah dalam bentuk pelaburan dan pelaburan ini terbahagi kepada dua, satu pelaburan dalam money market melalui promissory notes yang mana kadar faedahnya begitu rendah 4%. Bayangkan kita pinjam 4% kita melabur 4% bermakna mampu hanya untuk membayar tanggungan atau pinjaman 4%. Daripada itu pula, sebanyak RM593 juta adalah dalam bentuk saham amanah, ini lebih merbahaya. Di dalam laporan Ketua Audit menyatakan bahawa pada akhir tahun 1997, harga pasaran pelaburan tersebut merosot kepada RM282 juta daripada RM593 juta. Walaupun kita tidak ada statistik terakhir tetapi

apabila kita melihat dari segi komposit indeks, pada masa saham ini dibeli, komposit indeks begitu tinggi, sekarang komposit indeks bawah daripada 1,000 saya percaya sekurang-kurangnya pelaburan ini menghadapi kerugian dalam RM100 juta dan pelaburan ini tidak mendatangkan sebarang keuntungan dan lebih merbahaya jikalau kita tidak dapat unload pelaburan ini.

Jadi, saya berpendapat bahawa Bank Pertanian perlu melantik konsultan pelaburan untuk mengkaji pelaburan ini dalam usaha untuk unload. Bukan kerja bank untuk masuk dalam pasaran, terlibat dalam pelaburan. Ini bukan holding company, kalau holding company memang betul, tetapi ini bank. Walaupun bank ini berbeza dengan bank perdagangan tetapi ia adalah sebuah bank yang ditubuh oleh kerajaan sebagai bank pembangunan dari segi memberi pembiayaan kepada pertanian. Jadi, bentuk-bentuk bank ini mesti ada. Dari segi pinjaman saya dapati bahawa pemberian pinjaman hanya RM1.5 bilion iaitu sebanyak 35.3%, biasanya dalam bank mesti 70% atau 80%, yang ini hanya 35.3%, dengan itu ia menghadapi pendapatan yang kurang. Dan sebenarnya dari segi kualiti pinjaman ini juga kita rasa bimbang kerana jikalau dilihat daripada penyata akhir tahun 1997, ada tertulis pada akhir tahun 1997 jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank adalah sebanyak RM2.4 bilion, sekarang telah berubah. Sebanyak RM747 juta daripadanya adalah merupakan pinjaman tidak aktif. Pinjaman tidak aktif ini bermaksud bahawa ia dalam proses hendak jadi hutang lapuk, jadi ia begitu besar. Dari aset pinjaman tadi, ada aset pinjaman ini dalam keadaan yang tidak sihat, ada kemungkinan akan menjadi hutang lapuk dan terus dihapus kira kerana pada tahun tersebut ada terdapat sebanyak RM130 juta dihapus kira dan ini disokong dengan penyata balance sheet di mana dinyatakan bahawa provision untuk hutang lapuk adalah sebanyak RM303 juta yang merupakan 15% daripada jumlah pinjaman yang diberikan.

Yang ketiga mengenai dengan mismatching antara aset dan funding, ini perkara penting dalam sektor perbankan. Seperti mana saya nyatakan tadi, dana bank ini adalah sebanyak RM884 juta dalam bentuk pinjaman kerajaan dan OECF dan kemudian pinjaman dan simpanan pelanggan sebanyak RM3.6 bilion. Kedua-dua wang ini dicampurkan jadi RM4.4 bilion – diberi pinjaman sebanyak RM1.5 bilion, ada lagi RM718 juta dan baki ini digunakan untuk pelaburan. Seperti mana yang saya nyatakan ini tidak ada matching. Ia wang kalau wang dipinjam atau deposit mesti digunakan untuk pinjaman kerana pinjaman ini ia revolving, ia.....apa revolving?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** .....dia pusingan. Jadi, bila pusingan bayar balik, dia mesti bayar duit kepada yang dipinjam tadi – pendeposit. Jadi, dia macam itu prosesnya. Apabila wang jangka pendek yang dipinjam ini dimasukkan dalam pelaburan jangka panjang dalam bentuk pelaburan dan pelaburan tadi tidak boleh ditarik balik seperti mana unit saham, ini akan menjadi kesukaran kepada bank. Jadi, saya harap bahawa kerajaan mengambil tindakan serius untuk menyusun semula bank ini. Lihat daripada semua sudut, pada pandangan saya bank ini menghadapi masalah daripada semua segi.

Saya tahu Tuan Pengerusi suruh saya cepat, saya satu sahaja lagi.

Kemudian, di dalam penyata ini saya dapati ada terdapat pelaburan dalam Commerce International Merchant Banker's di mana bank ini mempunyai ekuiti sebanyak 20%. Apa yang saya fahamkan sekarang dalam proses penggabungan bank, CIMB termasuk di dalam penggabungan 10 bank tersebut. Ini bermakna bahawa Bank Pertanian perlu melepaskan CIMB. Apa yang ingin saya sarankan, saya dapati bahawa CIMB ini adalah satu pelaburan yang baik. Justeru, saya berpendapat bahawa kalau bank hendak unload atau hendak jual CIMB mesti daripada sekarang melantik konsultan, daripada Merchant bank yang pakar dalam bidang corporate finance untuk membuat analisis penilaian saham, kemudian mengadakan perundingan dengan pihak yang hendak membeli ini supaya dapat keuntungan yang banyak. Saya percaya bahawa walaupun tidak ada figures sini daripada segi angkaran pemikiran saya, sekurang-kurangnya lebih RM100 juta nilai saham tersebut. Kerana saya bimbang begini, Tuan Pengerusi, saya bimbang kerana oleh kerana Bank Pertanian ini sebuah bank, dia merasakan dia mempunyai kepakaran untuk membuat sendiri dan dia buat, saya takut kerana pembeli di sebelah pihak sana terdiri daripada orang yang lebih pakar lagi dari segi kewangan, kita akan kerugian dari segi transaction itu nanti. Jadi, saya berpendapat mesti mencari konsultan untuk membuat kajian dan seterusnya berunding dengan pihak yang lagi satu.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Kedah.

**3.56 ptg.**

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, di bawah 050000 - Perikanan. Akta 1985 para nelayan minta kalau boleh dikaji

semula. Ini kepentingan Langkawi dan kepentingan Kuala Kedah kerana mereka mengadu bahawa tindakan di bawah akta ini adalah terlalu keras. Misalnya, kesalahan pertama, kalau melanggar peraturan denda para nelayanlah, bot-bot nelayan, denda sehingga RM1,000, kesalahan kedua RM1,000 sehingga RM1,200, kesalahan ketiga RM1,200 ke atas dan kesalahan keempat pergi ke mahkamah. Yang para nelayan bimbang sekali iaitu tindakan merampas bot dan tindakan ke mahkamah. Para nelayan akui bahawa di laut perlu ada zon-zon iaitu pukat-pukat kelas A, kelas B, Kelas C, di bahagikan kepada zon-zon tertentu. Ini mereka akur, perlu ada zon-zon tersebut, tetapi yang mereka amat bimbang ialah bila satu kesalahan yang mereka lakukan bot dirampas, kemudian selepas dirampas dalam masa, kalau dalam masa 14 hari ditahan, mereka tidak dapat ke laut, kemudian mereka pula dikompaun, bagaimana mereka hendak bayar kompaun tersebut. Oleh itu, pihak kerajaan, pihak Perikanan agak kena bersikap sederhana sedikit terutama orang yang mempunyai hanya satu bot sebab kalau bot itu dirampas, kemudian mereka dikompaun, satu bot kelas B, misalnya, enam, tujuh pekerja akan effect apabila dua minggu atau sebulan mereka tidak ke laut dan kalau bot A yang pukat jerut mengakibatkan 30 hingga 40 pekerja. Kalau mereka itu ada tiga, empat bot, tidak apa, satu ditahan, maka yang lain-lain boleh bergerak untuk mencari makan tetapi kalau satu bot, kalau ditahan, maka nelayan amatlah menderita.

Tuan Pengerusi, begitulah juga bila pukat dirampas. Kalau pukat jerut harganya lebih kurang RM100,000, kalau pukat tunda harganya lebih kurang RM6,000. Oleh itu, nelayan-nelayan yang mempunyai satu bot atau dua bot amat merana bila tindakan merampas ini dikenakan kepada mereka. Ada juga bot yang di ISakan. Yang ini lebih teruk lagi iaitu sementara menunggu perbicaraan atau tindakan ditahan selama enam bulan atau setahun. Bila bot ini hendak digunakan semula, air-conditionnya sudah rosak, enjinnya sudah rosak, mereka memerlukan lebih kurang RM30,000 lebih kurang, untuk menjalankan bot itu semula. Ini bot digelarkan bot ISA. Oleh itu pihak kementerian janganlah menahan bot itu begitu lama, sebab ini akan menyebabkan nelayan begitu teruk sekali dalam menunggu perbicaraan terhadap sesuatu perkara yang mereka melakukan ataupun dianggap melakukan kesalahan.

Mereka juga kompelin kadangkalanya ada pihak berkuasa bertindak, kadangkalanya keras kadangkala lembut mengikut suasana dan keadaan dan juga

mereka juga mengadu soal bot ini iaitu amat susah mereka untuk membuat ownership transfer, kadangkala bot itu tidak dapat diwarisi kepada keluarga kemudiannya sebab mereka terpaksa melalui proses pemindahan hak milik yang begitu sukar sekali. Perkara ini kita harap pihak kementerian dapat mengkaji semula.

Para nelayan juga, mereka lebih – bukan mereka suka, kalau boleh satu kesalahan yang mereka buat, mereka mahu didenda sahaja, kampaun, sebab kalau rampas dan sebagainya amat sukar untuk mereka memulakan semula penghidupan mereka sebagai nelayan. Saya sendiri berpengalaman ikut bot nelayan dan bagaimana pihak marin mengejar bot kami dan perasaan nelayan pada waktu itu bila mereka dikejar. Mereka kata, “*Habislah kita, anakkita tidak makanlah dua-tiga minggu ini*”. Nasib baiklah saya ada atas bot itu, dapatlah bertolak-ansur dengan pihak marin. Kita haraplah supaya dalam tindakan mempertahankan undang-undang dan sebagainya perikemanusiaan itu juga hendaklah diambil kira. Begitulah juga para nelayan ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, Kinabatangan bangun.

**Tuan Moktar bin Radin:** Boleh minta penjelasan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Eh. 10 minit sahaja ni.

**Tuan Moktar bin Radin:** Sikit sahaja.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Allah. Tak danlah. *So* tolong, tolong. [*Ketawa*] Lain kali boleh. Saya jenis bagi peluang.

Tuan Pengerusi, begitulah juga para nelayan minta supaya pukut siput retak seribu, kalau boleh dikaji semula ataupun dihapuskan terus penggunaannya di tepi-tepi pantai. Sebab, mendapatkan siput ini terpaksa mereka tarik hingga ke dalam lumpur maka memusnahkan tempat-tempat penentasan ikan dan sebagainya. Oleh itu mereka meminta supaya pukut ini dikaji semula untuk diizinkan terutama sekali di Kuala Kedah, Perlis dan Langkawi.

Begitulah juga pencerobohan nelayan asing. Pihak Persatuan Nelayan Kuala Kedah memberitahu saya iaitu pukut tunda ataupun pukut jerut daripada Siam yang beroperasi di laut kita, Kedah, Perlis, Langkawi dan sebagainya, lebih kurang 200 buah ini bertaraf pukut jerut, sedangkan di Kuala Kedah sendiri, pukut bertaraf ini lebih kurang 25 buah sahaja. Ertinya laut kita, khazanahnya diambil oleh pihak-pihak Thailand dan pihak marin laut kita menjalankan operasi tetapi selalunya mereka ini

terlepas dan kebanyakan tauke-tauke Cina Thailand yang memelopori/memiliki bot-bot besar ini bukan tauke-tauke Cina dari Kuala Kedah atau Perlis. Jadi, kenapa tindakan tidak keras kepada mereka yang berjumlah lebih kurang 200 buah pukat yang bermaharajalela di perairan kita. Adakah pihak keselamatan atau pihak laut kita gagal untuk menangani masalah ini?

Kemudian para nelayan juga minta supaya subsidi untuk membeli pukat dan sebagainya jangan dihapuskan supaya mereka dapat terus membeli pukat dengan harga yang lebih murah. Ini permintaan mereka. Dan yang lainnya, kita lihat bahawa di Kuala Kedah itu pelabuhannya terlalu sibuk, laluan untuk nelayan keluar dengan feri penumpang, satu lorong. Satu lebuh raya sahaja.

Oleh itu wakil rakyat Langkawi yang berjiran dengan Kuala Kedah dan dari segi parti, Langkawi, anak angkat Kuala Kedah. Jadi, saya juga bertanggungjawab menjaga kawasan Langkawi. Jadi, kita minta supaya kalau boleh dibuat dua, tiga lebuh raya, dua, tiga lorong supaya feri-feri penumpang tidak mengganggu bot-bot nelayan keluar masuk. Banyak, bila feri penumpang ini kadangkala tidak mengikut peraturan, dia sepatutnya lari 10 knot sebelum sampai ke tengah laut, ia telah pecut lebih awal menyebabkan kapal-kapal kecil, perahu-perahu kecil terbalik dengan lalunya perahu-perahu ataupun kapal-kapal feri yang membawa penumpang daripada Kuala Kedah ke Langkawi.

Oleh itu, saya haraplah supaya pihak kementerian membuat dua, tiga laluan di situ, sebab pelabuhan di Kuala Kedah ini walaupun Barisan Nasional memerintah begitu lama, saya hairan, kuno sungguh. Kalau dibandingkan dengan di sebelah Kuala Terengganu ataupun di sebelah Pasir Puteh atau di Klang, Kuala Kedah ni zaman Tok Naduk dari segi pelabuhannya. Saya tidak tahu Barisan Nasional buat apa selama ini. Ini yang saya hairanlah melihat keadaan itu.

Begitulah juga..., saya, bukan hanya di Kuala Kedah, di lain-lain tempat masalah dadah, juga pihak kementerian, pihak polis dan semua pihak kena ambil perhatian. Sebab dalam pengamatan saya yang singkat menjadi..., lebih kurang empat bulan wakil rakyat di sana, saya lihat ramai anak-anak muda, mereka yang meninggal dunia antara umur.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Kedah sila gulung, masa.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Umur 30 hingga 40 tahun. Dan baru-baru ini sahaja, saya balik minggu lepas, dua, tiga lagi kematian, umur 30 hingga 40 tahun. Dan ada di antara mereka pergi ke laut, upahnya ialah dadah. Ini suatu perkara yang cukup serius, di mana sindiket ini saya bimbang, anak-anak muda yang umur mereka, *prime age*, 30 hingga 40 telah meninggal dunia. Kebanyakannya mereka beritahu ialah radang paru-paru. Tetapi bila kita buat tinjauan, kita dapati keadaan dadah ini berleluasa dan nelayan diupah dengan dadah. Dan kita harap tindakan menyeluruh di semua kementerian, mengambil perkara ini sebagai perkara yang cukup serius.

Banyaklah, saya sebut hari itu, janda-janda ditinggalkan. Saya terpaksa jadi bapa angkat pada mereka ini semua. *[Ketawa]* Kita boleh ambil setakat empat sahaja, tetapi kalau beratus hendak buat macamana? Jadi, Dato' daripada Langkawi kena fikir serius masalah ini *[Disampuk]* Tasek Gelugor, dia nelayan dah tak ada dah. *[Ketawa]* Sikit, sikit sahaja lagi dia bagi ajar tu. Tetapi ini masalah yang cukup serius kemiskinan di kawasan ini dan kita harap tindakan yang mesti bersepadu antara semua kementerian supaya masalah dadah ini kita ambil satu perhatian yang cukup serius kerana ia telah memakan korban di umur yang muda sekarang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi, Tuan Pengerusi, itulah pandangan saya. Sekian

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan Datoh.

**Seorang Ahli:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan Datoh.

**3.08 ptg.**

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]:** Bagan Datoh. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan. Saya ingin menyentuh Butiran 14800 hingga 14804 yang menyangkut persoalan mengenai Pencegahan Dan Pembaikan Hakisan Pantai-Pantai di negara kita ini.

Saya dapati satu peruntukan yang agak besar yang telah dimasukkan dalam Belanjawan ini tetapi satu permasalahan yang agak meruncing sekarang ini terutamanya di kawasan pantai Barat. Khususnya pantai yang melibatkan kawasan Parlimen Bagan Datoh, di mana kawasan yang saya wakili. Kawasan-kawasan nelayan, perkampungan nelayan Cina khususnya telah mengalami hakisan sekitar 15 kaki setiap tahun kerana kuatnya ombak yang melanda kawasan-kawasan berkenaan.

Saya yakin kawasan-kawasan pantai di sekitar Sabak Bernam di sekitar Banting, juga kawasan-kawasan di sekitar pantai Timur, Terengganu adalah juga terlibat di dalam permasalahan ini. Dan saya yakin pantai-pantai di Sabah juga mengalami permasalahan yang sama dan saya yakin ahli dari Kota Samarahan dan juga Ketua Menteri Sarawak, bersetuju dengan saya kerana Sarawak juga mengalami permasalahan yang sama.

Oleh yang demikian, saya mohon kementerian khususnya Jabatan Parit dan Saliran, yang menangani permasalahan ini mengambil kira dengan serius dan menambah peruntukan yang sesuai dan munasabah untuk mengatasi permasalahan ini. Saya dapati kawasan-kawasan pantai di sebelah Sumatera, mengikut kajian yang saya perolehi daripada beberapa journal geologi, kawasan pantai di sekitar Sumatera bertambah kawasan daratannya tetapi kawasan pantai Barat berkurangan. Ini bererti bahawa persekitaran arus laut *under current* cukup kuat dan menyebabkan sesuatu tindakan segera harus dilakukan dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini agar kita tidak akan berkurangan kawasan pantai dan kawasan darat.

Saya juga ingin menyentuh mengenai Butiran 08500 mengenai Rancangan Pencegahan Banjir di Sungai Perak. Ini juga melibatkan kawasan-kawasan di Bagan Datoh dan juga di kawasan sahabat saya Teluk Intan, di mana setiap pasang besar yang dikenali sebagai 'pasang keling', kawasan-kawasan di Teluk Intan dan Bagan Datoh mengalami keadaan banjir yang terlalu menyukarkan penduduk-penduduk kawasan yang mempunyai hasil pertanian terutamanya kelapa. Di mana apabila sesuatu permasalahan banjir berlaku, pokok-pokok kelapa terpaksa mengalami keadaan tenggelam selama hampir tiga bulan dan ini menyebabkan pokok-pokok kelapa itu mati. Dari itu sesuatu langkah yang drastik harus juga diambil termasuklah kawasan-kawasan di sekitar Changkat Jong dan sekitar Sungai Perak yang berhampiran dengan kualanya, yang setiap kali hujan lebat juga menenggelamkan kawasan-kawasan laluan dan ini menjejaskan aktiviti ekonomi yang dijalankan di kawasan berkenaan.

Butiran 02500, mengenai Kemudahan Pembangunan Komoditi. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, adakah kemudahan pembangunan komoditi ini melibatkan juga komoditi kelapa bukan kelapa sawit, kelapa tradisional. Kawasan yang saya wakili, kawasan Sabak Bernam, kawasan Banting, Batu Pahat adalah merupakan kawasan di mana aktiviti penanaman kelapa dan industri kelapa

berjalan. Saya dapati tidak ada satu pun butiran khas yang memberikan sedikit pun belas-kasihan kepada penanaman kelapa. Tetapi saya lihat dalam Butiran 04400 – Rancangan Subsidi Sagu, peruntukan sebanyak RM28.7 juta diperuntukan dalam jumlah anggaran harga projek. Dan pada tahun ini sahaja, RM2 juta diperuntukkan dan tidak ada satu butiran mengenai pemulihan, penanaman semula pokok-pokok kelapa dimasukkan. Dan saya harap Butiran 20500 dalam Kemudahan Pembangunan Komoditi ini mengambil kira tentang masalah penanaman kelapa khususnya yang menjejaskan pekebun-pekebun kelapa di sekitar Bagan Datoh dan kawasan-kawasan yang disebutkan tadi.

Selain daripada pemasalahan banjir yang timbul dan melanda kawasan-kawasan pekebunan kelapa ini, masalah kumbang yang menyerang pokok-pokok kelapa, tidak ada tindakan-tindakan khas dilakukan oleh pihak jabatan apatah lagi oleh pihak-pihak yang berwajib. Walaupun banyak kali ajuan-ajuan telah dikemukakan dan aduan telah kita lontarkan untuk diambil tindakan. Begitu juga masalah monyet, kera yang melanda dan mengambil rezeki yang Allah S.W.T turunkan untuk pekebun-pekebun kelapa dan kita telah hubungi beberapa pihak, tindakan tidak diambil. Di sebelah bawah pula, babi hutan pula menunggu hasil-hasil kelapa ini dan mereka juga membaham hasil-hasil kelapa. Di atas kumbang dan juga monyet, di bawah babi hutan.

Jadi, permasalahan besar ini, walaupun dilihat agak lucu tetapi ini adalah masalah yang cukup serius di kawasan saya dan kawasan-kawasan pekebunan kelapa. Untunglah baru-baru ini, apabila banjir di kawasan Bagan Datoh melanda selama tiga bulan, khinzir yang disebut oleh sahabat saya dari Serdang tadi lari ke kawasan Sabah Bernam, jadi untung Bagan Datoh, rugi Sabak Bernam, tetapi masalahnya tidak selesai, kalau sesuatu tindakan untuk mengatasi permasalahan ini tidak diambil segera.

Begitu juga banyak kali disebutkan tentang soal pemulihan pekebunan kelapa ini dengan memberikan benih-benih melalui klon-klon baru seperti 'Matec', Pandan dan beberapa klon yang lain tetapi kita lihat peruntukan walaupun ada tetapi kecil dan saya harap ianya tidak hanya 'melepaskan batuk di tangga'. Dan saya yakin pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan kementerian khususnya sahabat saya dari Langkawi yang disebutkan oleh Kuala Kedah ini cukup prihatin terhadap permasalahan ini dan saya harap perkara-perkara seperti ini diambil kira sebagai satu

perkara yang serius, kerana apabila negara menghadapi krisis kekurangan buah-buah kelapa, mudah sungguh cara penyelesaiannya iaitu dengan mengimport kelapa-kelapa dari negara jiran, dari Thailand dan dari Indonesia, sedangkan hasil kelapa itu ada di kawasan kita tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, secara kebetulan saya berkesempatan melawat Pulau Hainan di negeri Cina dan saya lihat perkebunan kelapa di Hainan itu jumlahnya kurang *acres*nya berbanding dengan perkebunan kelapa di negara kita. Tetapi di sana mereka mempunyai kilang memproses bahan kelapa untuk dijadikan jus yang *turnover*nya, yang pengedaran seluruh dunianya berjumlah US\$400 juta sedangkan teknologi ini sepatutnya ada inisiatif daripada pihak kementerian dan pihak-pihak yang lain untuk mengusahakan agar hasil kelapa ini bukan sahaja mencukupi untuk kegunaan harian tetapi juga boleh dijadikan sebagai satu industri yang terbaik.

Menyentuh soal kelapa ini di Bagan Datoh merupakan pengeluar Cocoa De Nata satu bahan baru yang hasilnya datang daripada bahan kelapa ini yang kita eksport dan setiap hari sekurang-kurangnya dua kontena tetapi malangnya, apabila tidak ada galakan daripada pihak-pihak tertentu di negara kita bahan eksport ini dibawa ke Singapura dan packaging dibuat di Singapura.

Jadi, hasil bahan itu jadi made in Singapore, barang keluaran Singapura. Oleh sebab itu, saya fikir adalah lebih molek jika ada tindakan proaktif daripada pihak kementerian untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil kelapa supaya dapat diberikan beberapa bantuan tertentu dan kalau saya sebutkan rancangan subsidi sagu boleh diberikan, saya tidak nampak kenapa tidak untuk pekebun-pekebun kelapa secara spesifiknya, cara khususnya dapat diberikan bantuan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya memohon agar pihak Kementerian Pertanian berilah keutamaan kepada kawasan-kawasan terpinggir seperti Bagan Datoh ini, kawasan-kawasan terpinggir lain [*Ketawa*] – saya tidak ada maksud lain, ini kelapa. Tidak ada kena mengena dengan politik ini. Supaya tidak terus terpinggir, kita mahu juga berada di arus perdana. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Parit Buntar.

**3.17 ptg.**

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B.19 Butiran 140000 Bank Pertanian Malaysia.

Kementerian Pertanian telah memperuntukkan RM18.5 juta untuk bank ini berbanding dengan RM6 juta pada tahun 1999. Kenaikan 208.3% adalah merupakan pertambahan yang begitu melonjak dan ini jarang diberi kepada mana-mana agensi dalam Belanjawan 2000 ini.

Perkara yang ingin saya bangkitkan Tuan Pengerusi, setelah ditubuhkan buat sekian lamanya namun barang pertanian dari segi operasinya belum lagi menghasilkan impak yang diharap-harapkan. Di kawasan saya Parit Buntar nisbah petani yang memperolehi pembiayaan untuk aktiviti memajukan pertanian adalah begitu kecil berbanding dengan jumlah penduduk tani.

Saya yakin BPM telah pun membuat kajian menilai semula keupayaannya dan keberkesannya dalam konteks meningkatkan taraf hidup petani yang rata-rata adalah miskin dan daif.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya BPM dapat meneliti dan mengkaji kejayaan beberapa buah bank di negara-negara berhampiran untuk melihat ruang-ruang perbaikan bagi memantapkan lagi operasi BPM yang diharapkan memberi sinar baru kepada kehidupan petani. Saya tidak mengetahui kalau BPM telah cuba melihat, meneliti, mengkaji dan mengambil contoh teladan daripada pelaksanaan sebuah bank di Bangladesh yang dikenali sebagai Gramin Bank. Gramin Bank Tuan Pengerusi, adalah model bank akar umbi antara yang terulung di dunia ditubuhkan pada tahun 1976.

Bank ini mengkhususkan operasinya menjadikan pinjaman kecil-kecilan yang disebut micro credit atau micro loans dengan izin. Pinjaman kecil dan mudah ini dapat membantu petani untuk mengeluarkan diri mereka daripada pusingan tidak berkesudahan atau vicious circle dengan izin, iaitu pendapatan rendah mengakibatkan tabungan yang rendah, mengakibatkan pula tanaman modal yang rendah dan akhirnya berbalik semula kepada pendapatan yang rendah.

Fenomena pusingan tidak berkesudahan ini juga merupakan realiti kehidupan sebahagian besar daripada petani khususnya penanam padi termasuk petani-petani padi yang daif di Parit Buntar dalam kawasan Kerian, Sungai Manik.

Pencapaian Gramin Bank amat menakjubkan sejak dua dekad yang lalu bank ini telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM5.7 bilion bagi memajukan petani-petani Bangladesh yang dahulunya terpinggir dan dipinggirkan. Bank ini mempunyai hampir 2,000 cawangan, 2.5 juta pelanggan dan kini terus maju dan berkembang,

membuka ufuk baru dalam penghidupan petani di Bangladesh. Dengan pengurusan yang cekap dan berkesan kajian Bank Dunia menunjukkan bahawa 98% daripada pinjaman dilangsaikan pada masa yang telah ditentukan. Rekod ini menyamai rekod bayaran balik pinjaman oleh pelanggan-pelanggan Chess Manhattan Bank.

Tuan Pengerusi, sampailah masanya di alaf baru ini BPM menjadikan operasinya lebih fokus, khususnya untuk menyediakan micro credit dengan izin, kepada pelanggan petani. Saya ingin mencadangkan supaya satu pasukan kerja terdiri daripada mereka yang bukan ahli karaoke dan dangdut dihantar ke Bangladesh untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya beberapa kemungkinan mengadaptasi sistem pembiayaan mikro ini kepada petani kita .....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** .....barang kali adalah merupakan satu langkah yang bijak seandainya sebahagian daripada cara-cara mereka dapat disuntik dalam sistem kita.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Mengetuk pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Elok seandainya .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak ada masa, minta maaf.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Pendek sahaja, pendek sahaja penjelasan.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Minta maaf, tidak ada masa.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Penjelasan, pendek sahaja, pendek sahaja.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya sudah buat kajian tiga malam tidak tidur ini. *[Ketawa]*

Elok seandainya sebahagian daripada pasukan kerja ini terus tinggal di Bangladesh sebagai pegawai sangkutan untuk beberapa ketika, untuk membiasakan diri mereka, bukan sahaja dengan sistem operasi bank akar umbi itu tetapi yang lebih penting dengan budaya dan persekitaran sistem itu beroperasi. Mungkin kita boleh mendengar cerita-cerita kejayaan ini dalam sesi Belanjawan tahun hadapan. Saya berharap ini akan berlaku.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada P.19 Butiran 00908 – Taman Bukit Cahaya Sri Alam.....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun] [Mengetuk pembesar suara]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** ....masih terbayang di kepala kita usaha yang tidak pernah mengenal jerih .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** .....dan penat Menteri Pertanian ketika itu .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bagi Parit Buntar sudah mengatakan bahawa .....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Hendak betulkan sedikit fakta yang disebut tadi itu. *[Disampuk]* Yang dana di Bangladesh itu, sebenarnya Gramin Bank ini sudah lama dilaksanakan di Malaysia. Kita ada Amanah Ikhtiar Malaysia sudah lama dilaksanakan di sini.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak apa, tidak apalah saya hendak cerita sama ada Amanah Ikhtiar ini .....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Jadi, tidak perlu hantar pergi Bangladesh pun kita sudah lama laksanakan di AIM.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** .....di Sabah pun kita sudah laksanakan. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tuan, .....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Pengerusi, saya fikir kita ada Menteri, kita ada Timbalan Menteri untuk menjawab. Kita tidak perlulah rasanya orang lain menjawab.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada P.19 Butiran 00908 – Taman Bukit Cahaya Sri Alam. Masih terbayang di kepala kita usaha yang tidak pernah mengenal jerih dan penat Menteri Pertanian ketika itu yang menghabiskan sebahagian masa kerja beliau memberi tumpuan kepada menjayakan Taman Pertanian idamannya.

Sehingga ini hampir RM70 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan Taman Pertanian itu. Daripada perangkaan peruntukan yang dipamerkan dalam buku

Belanjawn 2000 ini ternyata Taman Pertanian ini menambah lagi mercu gajah putih, white elephant dengan izin, di Malaysia. Mungkin kementerian dapat menghitung, buat kami di Dewan yang mulia ini jumlah main hours yang telah dicurahkan untuk merealisasikan projek igauan Menteri Pertanian itu.

Selayaknya Dewan yang mulia ini diberi penjelasan yang saksama mengenai kegagalan projek ini. Petani, nelayan, penternak, setinggan, buruh, penganggur dan termasuk kita di Dewan yang mulia ini ingin mendapat jawapan ke mana perginya wang rakyat sebanyak hampir RM70 juta itu dan apakah penjelasan yang dapat diberi terhadap pembaziran yang disebabkan oleh kedangkalan perancangan di pihak-pihak yang terlibat. Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan baru-baru ini untuk mengambil alih pengurusan Taman Pertanian tersebut sebaik-baik sahaja urusan menswastakannya telah dimuktamadkan.

Saya memohon Tuan Pengerusi, untuk diberi penjelasan mengenai:

- (i) kedudukan terakhir mengenai Taman Bukit Cahaya Sri Alam ini;
- (ii) memberi sebab-sebab kegagalan projek ini;
- (iii) langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelamatkannya;
- (iv) pihak-pihak yang telah menawarkan diri untuk meneruskan projek itu setelah diswastakan; dan
- (v) syarikat mana yang telah dipilih untuk mengendalikan Taman Pertanian ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyentuh perkara B.19 Butiran 030000 – Pengairan dan Saliran. Seperti yang diketahui daerah pertanian Kerian, Sungai Manik mempunyai 53,288 hektar sawah padi. Kawasan ini telah menghasilkan RM163 juta dan hasil padi pada tahun 1995.

Sebahagian besar daripada pengeluaran padi di negara dihasilkan oleh pesawah kecil yang mempunyai sawah bersaiz antara purata 1.06 hektar. Kira-kira 296 pesawah padi mengusahakan bidang sawah dengan saiz yang tidak ekonomik ini. Kajian menunjukkan terdapat banyak lagi masalah struktural yang menghambat pembangunan kemajuan para pesawah. Antaranya termasuklah pulangan yang sememangnya rendah, kos pengeluaran tinggi, hasil purata yang rendah sekadar 3.16 tan sehektar, kekurangan benih berkualiti tinggi, kekurangan dan ketidaksesuaian mekanisasi dan sebagainya.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, masalah struktural yang tidak mungkin dapat diselesaikan oleh para petani daif itu ialah masalah pengairan dan lain-lain masalah yang berkaitan pengairan itu. Penggunaan dan pengurusan air sawah yang lemah mengakibatkan antaranya kekerapan tanaman yang rendah khususnya di kawasan seperti di Parit Buntar yang sistem pengairannya begitu lemah. Petani-petani di Parit Buntar khasnya telah menyuarakan masalah ini sejak puluhan tahun yang lalu tetapi sehingga ke hari ini tidak nampak adanya usaha-usaha yang konkrit untuk menyelesaikan masalah yang berterusan ini.

Seandainya Kementerian Pertanian dapat membuat jangkaan bilakah gerangan petani-petani di Parit Buntar khasnya dapat menikmati aliran air daripada waktu-waktu yang diperlukan mengalir ke sawah-sawah mereka seperti teman-teman mereka di kawasan MADA umpamanya. Sudi apalah kiranya pihak kementerian memberi indikasi kalau tidak pun jaminan kepada ribuan petani daif di kawasan Kerian, Sungai Manik khasnya, bahawa sesungguhnya terdapat cahaya di hujung terowong, lights at the end of the tunnel dengan izin, berhubung dengan permasalahan mereka itu.

Saya sangat yakin seandainya ini dapat dibereskan petani-petani di Parit Buntar khasnya, dengan semangat yang ada, dengan komitmen dan dedikasi yang telah ditunjukkan mereka berupaya membantu menghasilkan matlamat untuk menjamin tahap sara diri bagi beras negara sekurang-kurangnya di tahap 65%.

Saya rasa cukup setakat itu Tuan Pengerusi, dan saya rasa mohon untuk berhenti di sini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau mengikut jadual yang ditentukan kita patut telah menyelesaikan sembilan buah kementerian, akan tetapi setakat ini hanya empat kementerian dapat diselesaikan. Yang Berhormat saya ingin meminta maaf.....

**Tuan Moktar bin Radin:** Sudah lama berdiri ini Tuan Pengerusi, 20 kali sudah. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak sampai 20 kali, hanya 16 orang berucap jadi saya terpaksa membuat satu keputusan. Jadi, meminta pihak kementerian memberi jawapan.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sudah sediakan. Jadi, saya minta maaf, saya memang cuba tetapi ke suntukan masa.

[*Dewan riuh*]

**3.27 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Terdapat 16 semua yang mengambil bahagian walaupun terdapat lebih kurang 10 lagi yang akan minta ambil bahagian tetapi disebabkan kesuntukan masa, maka Tuan Pengerusi, telah memberhentikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Ada yang bercakap dengan penuh nada dan yang bercakap dengan tulus ikhlas dan ada juga yang mengkehendakkan penjelasan daripada kementerian.

Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Baram iaitu minta pihak MARDI mengadakan pendidikan yang melibatkan – apakah break through yang diadakan di MARDI. Suka saya menekankan di sini bahawasanya pihak MARDI telah mengadakan pelbagai pendidikan yang telah dikemukakan kepada rakyat umum.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Mengadakan klon-klon baru buah-buahan termasuklah padi dan sebagainya. Sukacita saya menyatakan di sini bahawasanya pihak MARDI telah mengeluarkan pelbagai produk yang telah diadakan misalnya seperti dari segi padi MR84 dari segi itu dan lain-lain lagi. Klon-klon baru yang diadakan dari segi durian pula MDR89 khususnya yang lain-lain lagi dan dari segi telur pula, telur ayam kita ada Telur Omega 3 dan seterusnya lain-lain lagi yang dapat diperolehi oleh pihak MARDI. Seterusnya kita juga telah mengadakan dari segi pembikinan pihak pembungkusan pemakanan. Kita telah mengeluarkan teknik-teknik baru yang diguna pakai oleh semua termasuklah Brahmin .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** .....sudah habis pun, tidak 'dan'.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** 'Dan, dan.' Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut tentang klon-klon baru terhadap buah-buahan dan sebagainya dan juga perkara lain.

Cuma saya hendak tahu apa kaedah teknologi yang digunakan? Adakah ia menggunakan genetic modify ataupun GM yang pada saya mengikut satu kajian, kaedah ini satu kaedah yang mendatangkan kesan merbahaya kepada kesihatan manusia. Saya hendak minta penjelasan.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih. Kita tidak gunakan genetically cloning tetapi apa yang kita gunakan ialah kita gunakan seperti biasalah misalnya kita ambil isi durian – Larut telah mengatakan bahawa durian di kawasan beliau itu mempunyai mutu yang tinggi. Kita gunakan cantum katakan pokok, ertinya cantumkan benih daripada Larut dan sebagainya, kita gunakan itu sebagai hasil. Jadi, misalnya katalah padi, padi kita gunakan misalnya jarum emas yang dululah jarum emas dan sebagainya yang kita gunakan sebagai bank gene kita gunakan dan kita kacukkan dengan *ria* dan *padiria* untuk mendatangkan hasil, maka tentulah hasil tidak tinggi dan gunakan kacukan ini hasil tinggi. Dan kini kita juga menggunakan saingan terhadap penyakit beras dan juga penyakit beraslah yang menghampakan peladang. Jadi, kita gunakan semua ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya Baram telah meminta sama ada kelapa sawit, boleh difikirkan untuk tanam di kawasan NCR. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada beliau yang telah bersungguh-sungguh. Pihak kementerian bersungguh-sungguh untuk menghasilkan pelan ini dan kita sedang berusaha dengan Kementerian Perusahaan Utama yang akan mengendalikan kelapa sawit dan insya-Allah, kelapa sawit telah dimasukkan sebagai *Fund For Food* yang kita ada dan dimasukkan pemberian pinjaman. Mengenai mutu kelapa sawit saya ingat benda ini telah pun dimaklum dan kebanyakan kelapa sawit yang telah ditanam di Malaysia ini adalah begitu tinggi mutunya dan insya-Allah, pihak kementerian juga akan membantu pihak Kementerian Perusahaan Utama untuk memberi sumbangan dalam perkara ini.

Seterusnya, terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena yang telah mengatakan MADA produktiviti menurun disebabkan - saya kurang pasti perkara ini disebabkan selalunya produktiviti meningkat. Dulunya kita ada 4.3 tan sehektar semusim hasil padi tetapi sekarang telah meningkat ke 4.8 tan sehektar satu musim. Rasa saya mungkinlah dari segi pengeluaran, perusahaan pengeluaran telah kurang disebabkan penggunaan sawah itu dijadikan perumahan dan sebagainya. Ini perkara biasalah Yang Berhormat, dan juga kita tahu UEM telah pun membuat kajian atas padi dan mengadakan penurunan dari segi hasil keseluruhan (absolute amount).

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sawah tenggelam 1,600 .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta sikit pasal padi tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya baru-baru ini ada satu Cawangan UMNO Guak Stesen, Merbok, dalam satu mesyuarat agung mereka, membuat satu usul yang dilulus sebulat suara mencadangkan MADA ini ditutup terus. Saya ini kira ringan lagi. Saya minta disusun semula, di 'reorganized' dengan engineering supaya dapat berperanan, berfungsi sepertimana objektif yang terkandung. Sebab apa yang saya sebutkan tadi berdasarkan kepada laporan, laporan tahunan MADA sendiri dan juga laporan kajian daripada satu task force daripada UEM yang membuat kajian ke atas pengeluaran padi daripada tahun 1979 sehingga tahun 1998. Ini menunjukkan bahawa pengurangan, penurunan pengeluaran padi dan saya sebutkan tadi bahawa ada kesan, ada kaitan dengan masalah yang saya katakan tadi bahawa bila dengan Bernas masalah permutuan padi itu tidak diambil kira soal padi yang matang ataupun tidak.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih. Saya pun terbaca jugalah dalam .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya tadi masalah pengurangan. Apa masalah sehingga menyebabkan pengurangan peruntukan kepada MADA dan saya bimbang bahawa bila berlaku peruntukan sehingga kurang daripada yang lalu sebanyak 3.9%, saya bimbang bila berlaku pengurangan peruntukan kepada MADA ini, ia akan memberikan kesan kepada petani sedangkan itulah yang petani hendak boleh pun, macam saya katakan tadi ia bukan ada saham Leader Universal, macam mana yang boleh Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar. Jadi, peruntukan ini kurang.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Ada kaitan apa pula itu? Jadi, pengurangan ini disebabkan dulu kita kurang sedikit disebabkan hubungan dari segi staff sudah dikurangkan dan juga dari segi .... mungkinlah kita ada pusingan. Selalunya kita beri empat kali setahun, kita cuci parit atau cuci sungai selepas satu tahun. Sekarang ini sudah kurang, dua kali setahun dan tanpa menjejaskan effectiveness, keberkesanan .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sebab masalahnya begini, Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat kata cuci parit itu empat tahun sekali. Jadi bila kurang ini sedangkan apa yang.....

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Empat kali setahun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Empat kali setahun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Empat kali setahun. Bila kurang peruntukan untuk tahun 2000 ini, sedangkan apa yang saya sebutkan tadi bahawa dalam kawasan saya sahaja dalam satu MADA B3 saya sebut tadi, 1,600 relong lebih musim pertama padi ini tenggelam. Jadi maknanya ini ada kesan dengan masalah pencucian parit dan juga pembinaan longkang dan sebagainya.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Yang Berhormat, perkara ini tidak berbangkit disebabkan yang tenggelam ini ialah disebabkan banjir. Banjir disebabkan oleh hujan turun dengan banyak. Kalau Yang Berhormat sedia maklum, kawasan Pokok Sena saya tahulah, saya MADA dulu, disebabkan Sungai Pendang dan Sungai Kerdu, daripada atas turun sampai ke kawasan itu, itulah maka berlakunya banjir. Insyallah, tetap banjir disebabkan tanah itu rendah, Yang Berhormat. Kawasan Yang Berhormat itu kawasan rendah. Misalnya di kawasan Langgar memang rendah tempat itu, antara Plus 2 atau Plus 3 itu sahaja. Jadi kita sebenarnya hendak beli tanah itu disebabkan tidak mungkin kita akan mengadakan sesuatu yang boleh mengurangkan banjir, tidak boleh disebabkan kawasan itu rendah. Pendang misalnya, kawasan Pendang pun ya, kawasan itu adalah kawasan terlampau rendah. Maka selalulah berlaku banjir yang terlampau lama dan kita pun kasihan betul.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, sedangkan sebelum ini sebelum enam musim pertama yang mutakhir ini, benda ini tidak pernah berlaku. Itu yang saya katakan bahawa sebelum ini maknanya kawasan rendah ini tidak berbangkit dan saya sendiri turun melawat ke kawasan saya, mereka bawa ke tempat pembinaan jambatan-jambatan baru yang menyebabkan sungai makin menjadi sempit. Itu yang menyebabkan laluan air itu tidak boleh. Bila hujan turun airnya tidak boleh lari dengan laju yang menyebabkan ia tersekat dan air itu melimpah masuk dalam bendang. Ini mungkin kawan saya Yang Berhormat Tasik Gelugor tidak berapa tahu, dia tidak tahu padi, beras, dia tahu nasi sahaja.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Jadi, percaya sayalah yang 1,600 ekar yang tenggelam itu ialah perkara yang luar biasa sedikit disebabkan hujan turun lebat tahun sudah. Memang betul, perkara ini telah dikenal pasti oleh JPS sendiri dan kita ada rekod-rekod malahan kawasan Kuala Muda dan Pedu melimpah, ini pun melimpah. Semua ini berlaku, Yang Berhormat. Jadi, percayalah kepada saya. Kalaulah ada

kawasan-kawasan yang belum lagi dapat ganti rugi banciaan sudah dijalankan dan jumpa kepada MADA ataupun beri saya nama-nama yang tidak dapat.

Tentang padi, gred padi yang dikatakan 10% yang tinggal tangkai itu ataupun yang tinggal yang hijau, jadi Yang Berhormat perkara ini tidak mungkin peladang akan membiarkan padi yang dituai tanpa masak, di kawasan Yang Berhormat pun. Jadi, perkara ini kita boleh pergunakan satu political issue juga ini. Disebabkan kalau Yang Berhormat kata disebabkan petani tuai padi tanpa padi itu betul-betul masak, maka sudah tentulah pihak petani akan menyangkal perkara ini dan pada saya mungkin ada dua, tiga orang petani yang terlibat, yang mungkin disebabkan ia hendakkan cepat ataupun besok hendak raya petani terus tuai, mungkin itu berlaku. Tetapi janganlah buat tuduhan mengatakan peladang .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat, saya bukan buat tuduhan tetapi saya melawat ke kilang-kilang termasuk ke Bernas dan juga ke kilang-kilang swasta. Yang saya lihat bahawa di sana masalahnya berlaku ialah pemotongan. Bila kilang-kilang tadi, dia potong 11% ke-12% sahaja, antara Perlis dengan Kedah ini 11% dengan 12%. Ia tidak kira mutu-mutu padi itu sendiri. Yang menyebabkan saya katakan tadi, petani ini dia kata, kalau ia tunggu sampai masak betul, matang betul, risikonya tinggi, padi dia rebah dan sebagainya, mungkin tenggelam dan sebagainya. Jadi agaknya ia tuai padi itu dalam keadaan tidak matang sebab ia tahu kalau ia hantar ke kilang pun sama ada Bernas ataupun swasta, pemotongan ia hanya dalam lingkungan 11% ataupun 12%. Ini yang berlaku. Saya melawat kilang sendiri termasuk kilang Bernas dan juga kilang swasta.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih. Jadi, itulah yang dikatakan pemotongan ini adalah bergantung kepada kilang dan terpulanglah kepada kilang macam mana untuk menentukan potong lebih atau potong terpulanglah. Dan pihak kita tahu Bernas memang ada permutuan padi yang tertentu yang dikatakan 14% pengusaha content dan lain-lain lagilah yang terpulang depa adakan. Jadi seperkara lagi ialah ...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya hendak tanya apakah langkah sepatutnya, saya sebut tadi ialah saya hendak minta penjelasan dari segi langkah pihak kementerian untuk memastikan keadaan ini tidak boleh berlaku lagi sebab kesan saya katakan tadi bila padi itu diambil tidak matang, bila dia mesin, proses kisaran itu akan menurun. Kalau dulu 100 kg padi dia

boleh menghasilkan lebih kurang 60 kg beras – 60 atau 65. Sekarang ini dia tidak boleh lagi 100 kg padi tidak boleh lagi menghasilkan 60 kg beras sebab padi itu padi yang tidak matang. Ini kena kesan. Sebab itu perlu satu langkah memastikan supaya kilang-kilang ini tadi permutuan itu mesti dibuat berasaskan kepada padi itu basah, kering dan juga matang ataupun tidak.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Yang Berhormat perkara ini saya ingat bukanlah hendak berkelahi, tidak, tapi berapa persen yang tuainya itu. Mungkin Yang Berhormat pergi ke bendang atau pergi ke kilang padi ternampak satu dua longgok itu ya. Jadi, janganlah mengatakan seluruh MADA macam itu. Jadi, orang-orang yang luar daripada MADA ini akan tertanya-tanya macam peladang MADA tidak peka ataupun tidak ini. Sebab orang-orang luar macam orang Sarawak, orang Sabah dia tidak tahu apa yang berlaku. Baik-baik Yang Berhormat, kalau boleh janganlah - isu ini mungkin satu, dua, tiga ataupun katalah puluh orang tetapi janganlah kata 63,000 orang peladang MADA buat macam itu, tidak usahlah saya ingat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat adakah undang-undang yang boleh menegahkan petani-petani tidak boleh hendak tinggalkan padi yang belum masak jikalau dia tinggal dia boleh hukum. Adakah undang-undang itu? Tidak ada ya.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada ya, tidak ada sudahlah itu terpulanglah kepada petani-petani itu sendiri ya. *[Ketawa]*

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tetapi soalnya bukanlah saya hendak - saya terpaksa menjaga peladang. Jadi, itu kawasan-kawasan Yang Berhormat juga.

Seterusnya, kepada Gelang Patah minta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kebersihan sungai dijaga dan juga jaga hakisan dan sound hendaklah dijaga dengan baik, benteng dan seterusnya. Jadi Tuan Pengerusi, memanglah pihak JPS sedang mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara ini dan kementerian melalui JPS sedang dan akan terus memberi perhatian dan latihan penilaian..... untuk mengatasi masalah banjir di negara, juga telah mengambil langkah structure dan bukan structure. Kaedah structure sedang digunakan termasuk pedalaman dan pembesaran sungai, benteng kawalan air pasang surut dan cerun sungai, empangan kawalan banjir dan sebagainya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 peruntukan sebanyak RM1 billion akan dibelanjakan oleh JPS di seluruh negara untuk mengatasi masalah banjir. Juga

langkah bukan structure pihak JPS menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir dan juga laluan dan telah memberi nasihat teknikal untuk plan induk saliran bandar, garis panduan dan seterusnya lain-lain lagilah.

Tuan Pengerusi, disebabkan benda ini tulis tangan susah baca sedikit. *[Ketawa]* Jadi, Tuan Pengerusi seterusnya memanglah pihak kerajaan mengambil berat atas apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan saliran yang telah dikatakan. Dan apakah penguatkuasaan undang-undang untuk membersihkan sungai dijaga dengan bersih dengan terusnya dan dijaga dengan baik. Misalnya, di sini ialah Sungai Senget ya. Senget di mana...

**Seorang ahli:** Seget.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Seget.

**Tuan Pengerusi:** Tidak mengapa Yang Berhormat. Tidak mengapalah fasal bahasa itu tidak mengapalah. *[Ketawa]*

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Jadi..

**Tuan Pengerusi:** Sengetkah, tak apalah. *[Ketawa]*

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Jadi, cuma memanglah kita mengambil tindakan, kita mengadakan kempen cintailah sungai kita dan seterusnya mengadakan berbagai-bagai lagi program yang telah ada seperti kursus, seminar seterusnya dan lain-lain lagi. Dan insya-Allah kita akan teruskan usaha itu, insya-Allah, sama-samalah kita Yang Berhormat dalam Dewan ini menjaga kawasan masing-masing dengan baik. Rasa saya inilah cara yang sesuai untuk diadakan. Dan pihak kita, Kerajaan Malaysia telah mengadakan - bagi negeri, daerah dan kampung akan dikemaskinikan dalam perkara ini.

Berkenaan dengan latihan perikanan. Kursus-kursus memang telah diadakan dalam kawasan laut dalam dan akuakultur, dan sekarang ini marin culture kita sedang adakan di Langkawi dan Juru, di Penang dan pihak swasta telah mengambil bahagian dan Jabatan Perikanan telah mengambil bahagian perkara ini. Berkenaan dengan Tanjung Pelepas, Kupang. Tadi dimintakan jeti diadakan di Kampung Che Manan betul kot.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Che Manan ya.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Jadi, insya-Allah kita akan minta pihak LKIM dan pihak kementerian akan meneliti perkara ini dan kita akan cuba membantu mereka yang terlibat.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Bandau. Bandau minta adakan bantuan subsidi baja padi, harga padi ialah RM400 juta. Pada hal yang satu lagi ialah RM130 juta dari segi subsidi baja padi. Dan kos pentadbiran ialah RM1 juta. Tuan Pengerusi, perkara ini memanglah kita terpaksa mengambil kerani ataupun mengambil pekerja dalam masa tersebut dan kita bayar kepada PPK dalam kawasan dan seterusnya lagi kos pentadbiran yang telah diadakan, terpaksa kita tanggung perkara ini Yang Berhormat. Harga padi, memanglah kita tujuan kita bagi subsidi ialah untuk meningkatkan hasil padi. Dan kita hanya hendakkan enam ekar sahaja. Kalau lebih tidak boleh. Tetapi adalah orang yang ada 20 ekar, 30 ekar yang bagi anak-anak mengerjakan sawah terpulung kepada dialah, tetapi yang sebenarnya kita bagi enam ekar sahaja.

Kalaulah misalnya di kawasan tertentu yang mungkin Pokok Sena atau Kuala Kedah yang katalah hasil begitu banyak sekali, katalah mungkin boleh dapatlah 50 tan tetapi kita selidik dahulu, kita beri sedikit dahulu, kemudian kita selidik adakah betul atau tidak betul kita beri Pengerusi JK dan kita terus menghantar perkara ini dan kalau Pengerusi JK atau AJK kata betul, betullah. Jadi itulah yang dirasakan.

Seterusnya sama ada syarikat yang usaha sama dengan pekebun kecil diberi bantuan, setahu saya belum pernah kita beri bantuan yang ada yang kata syarikat usaha sama, syarikat dan orang-orang perseorangan belum kita beri bantuan. Jadi kita akan selidik balik apa yang berlaku di Kota Belud yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi di Kota Belud sama ada boleh atau tidak boleh, itu saya tidak pastilah, saya akan selidik perkara ini.

Seperkara lagi ialah, kita juga mengadakan kursus sama ada baja padi diberi tepat pada masanya. Ketika ini, Tuan Pengerusi, padi misalnya, kalau kita beri baja padi tidak tepat masanya tentulah, misalnya orang kenyanglah beri makan dia tidak mahu makan dah, kalau orang lapar bagi sedikit pun dia makan. Jadi itulah dalam perkara ini kita memanglah kursus-kursus kita beri penerangan kepada orang ramai cara-cara menggunakan baja padi dan seterusnya digunakan dengan sebaik mungkin. Dalam perkara ini kita mengadakan kursus dan sebagainya.

DPN, para pinjaman proses lambat, selalunya sebulan, dua bulan sahaja, tidak tahulah saya yang kata enam bulan itu, setahun tidak tahulah. Selalunya kita beri dalam masa sebulan, dua bulan kita luluskan ataupun kita tolak ataupun kita beri jawapan.

**Tuan Pengerusi:** Bandau bangun.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Minta penjelasan dari pihak kementerian. Saya mintalah dahulu sesuai dengan penjelasan yang diberikan supaya siasatan dilaksanakan mengikut laporan kita diperingkat Kudat, Kota Marudu dan termasuk di Keningau bahawa banyak sungutan para petani kecil yang telah memohon khususnya Tabung Makanan 'Triple F Fund' dan seringkali begitu lama sekali walaupun syarat-syarat dipenuhi, cagaran dan seterusnya tetapi sampai Pengurus sudah pindah belum ada laporan dan bila pergi jumpa balik Pengurus yang baru mahu pohon balik lagi. Jadi saya mintalah pihak kementerian menyiasat perkara ini memandangkan RM18 juta itu bagi tahun ini daripada peruntukan kerajaan diberi kepada Bank Pertanian.

Seterusnya, saya ingin minta penjelasan bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atau kementerian, kalau tidak secara bertulislah, Tuan Pengerusi, berapa jumlah permohonan-permohonan diterima di peringkat negeri Sabah dan daripada itu berapa jumlah yang diluluskan permohonan dan dari segi amaun berapa? Khususnya dari segi 'Triple F Fund' supaya kita boleh lihat setakat mana kemajuan yang telah disampaikan kerana Menteri Kewangan tiga bulan yang lalu memberi amaran kepada bank-bank supaya cepat mengeluarkan pinjaman-pinjaman.

Jadi saya minta kalau boleh secara bertulis dan kaku setuju tolonglah sampaikan. Tuan Pengerusi, saya mengadulah kadang-kadang mereka bilang kasi secara bertulis tetapi tidak pernah datang, mahu susuli dua tiga kali baru dapat jawapan, Tuan Pengerusi, kecuali Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Kesihatan dahulu pernah beri tanpa dirujuk balik. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih, insya-Allah, saya akan cuba jawab dengan secara bertulis. Berkenaan dengan Pengarah Bank Pertanian yang sama ada daripada Sabah ataupun Sarawak boleh ditimbangkan, Menteri Pertanian pun dari Sarawak, saya ingat perkara ini akan dibawa kepada pengetahuan menteri.

Seperkara lagi mengenai dengan payau, rusa, apa galakan yang diberi kepada pihak swasta ataupun mereka yang ingin berkecimpung dalam perkara ini. Jadi apa yang kita beri ialah dari segi khidmat nasihat dan seterusnya dari segi kita kemukakan pakai 3F Loan ataupun Pinjaman 3F yang kita berikan. Jadi saya ingin memaklumkan bahawasanya rusa ini adalah dikenal pasti sebagai satu makanan yang exotic dan harganya pun baik, RM40 satu kilo dan kalaulah Yang Berhormat hendak menceburkan diri dalam bidang ini bolehlah kita timbangkan dan kita beri bantuan sebanyak mungkin dan, insya-Allah, kita akan.....

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *[Bangun]*

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Bukan, tidak ada kena mengena, kalau ada Yang Berhormat berminat dalam perkara ini kita akan terus galakkan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, payau.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pendek sahaja, Tuan Pengerusi. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menjadikan penternakan kita sebut 'payau' di Sabah ini ataupun rusa sebagai satu sistem pawah sepertimana yang dilakukan dengan kambing biri-biri dahulu dan tenusu sebab kita berpendapat ini adalah satu aktiviti komersial yang boleh menguntungkan, ia kurang diserang penyakit dan kalau memelihara payau sambar lagi itu akan mengelakkan masalah pupus stok di peringkat hutan.

Jadi adakah pihak kementerian secara besar-besaran menggalakkan menerusi sistem pawah dan barangkali bagi kami di sini yang berminat boleh minta penjelasan sedikit tentang rusa, payau-payau yang di luar Parlimen di sana itu dan nampak sihat juga, Tuan Pengerusi. Tempoh hari memang saya lintas tengok kiri takut terlanggar kereta menteri, jadi barangkali harus taruh signboard di sana, Tuan Pengerusi, jangan tengok payau kalau masih memandu nanti ada masalah besar. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Itu kena tanya Tunlah, Tun yang akan beri briefing perkara ini. Jadi sama ada pihak kementerian galakkan, ini satu perkara baru yang mungkin kita akan timbangkanlah, kita akan bincang perkara ini dan bersamalah kita Kementerian Pertanian Sabah kita akan bincangkan sama ada boleh dimasukkan sebagai satu item di bawah sistem pawah.

Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan berkenaan dengan perikanan yang telah mengatakan tidak diberi fokus yang tertentu yang orang termiskin terpinggir. Memanglah perkara ini dalam perhatian kementerian dan juga kadang-kadang itu kita banyak terlampau, adalah satu, dua, tiga tercicir. Dalam perkara ini memanglah kita telah mewujudkan LKIM tujuannya memberi fokus kepada bengkel ataupun persatuan nelayan kawasan supaya persatuan nelayan dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri dan mengambil apa juga tindakan yang perlu untuk menaikkan taraf hidup mereka dan pihak kerajaan memanglah memberi peruntukan kepada LKIM dan mengadakan pelbagai projek untuk menentukan LKIM dan seterusnya nelayan dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri dan seterusnya memajukan ekonomi mereka.

Berkenaan dengan sangkar laut dalam itu telah dikatakan tadi sama ada pihak PPRT ataupun pihak rakyat termiskin dapat dimasukkan dalam arus berkenaan dengan sangkar laut itu. Yang kita adakan ialah hanya dari segi pembekalan benih-benih yang telah kita agihkan kepada nelayan PPRT dan misalnya kita adakan bekalan kerapu dan juga bekalan jenahak ataupun ikan lain yang kita adakan dan perkara ini telah kita masukkan sebagai satu daripada item untuk dibekalkan oleh mereka.

Satu lagi ialah mengorek muara sungai yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang iaitu Sungai Sipitang dan Sungai Lunutan, jadi perkara ini memandangkan peruntukannya sedikit pihak kementerian akan cuba mengorekkan sungai tersebut dengan secepat mungkin.

Berkenaan dengan aktiviti pemasaran yang misalnya tidak ada pasaran iaitu berkenaan dengan FAMA. Perkara ini kita telah mengadakan pasar tani dan seterusnya mengadakan berbagai-bagai lagi jenis pasaran dan perkara ini akan terus ditingkatkan oleh kementerian dan insya-Allah kita akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Yang Berhormat bagi Pendang telah mengatakan MADA merosot hasil macam Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadilah. Jadi, perkara ini telah diadakan oleh pihak MADA telah mengadakan satu program untuk meninggikan hasil padi dan pihak MADA telah mengadakan satu program tahunan hinggakan kita akan meningkatkan penghasilan mereka itu ke tahap perkhidmatan satu hektar dan seterusnya mempertingkat lebih lagi ke tahap yang dicapai oleh petani di Sekinchan yang mengadakan tujuh tan, lapan tan satu hektar.

Jadi, Ahli Yang Berhormat seterusnya mengatakan kawasan padi telah berkurangan. Kawasan padi telah berkurangan disebabkan pembangunan dari segi *township* ataupun pekan-pekan baru. Perkara ini telah diambil maklum oleh pihak MADA, sejak tahun 1994 lagi semasa Tun Abdul Razak, Perdana Menteri telah mengarahkan pihak MADA mengadakan satu program untuk mengumpulkan kawasan setakat mana yang perlu kita bangunkan pekan-pekan. Disebabkan pekan-pekan di kawasan MADA telah banyak dan MADA telah mengadakan program tertentu yang kita telah menyusun pekan-pekan supaya tidak keluar daripada kawasan tersebut. Walaupun kita rancang tetapi kita juga akan terus meminda perkara ini. Jadi, Kuala Kedah pun sudah berpesan, penduduk terlalu ramai, mungkinlah kita terpaksa keluar dari kawasan Kuala Kedah dan terus ke kawasan Alor Setar.

Kos pengeluaran padi meningkat dan pendapatan tidak meningkat. Jadi, dengan cara kita Yang Berhormat, dalam perkara ini hanya dari segi kita akan mengadakan penyelidikan, menambahkan pengeluaran, seterusnya tidak mungkin kita akan dapat menambahkan keluasan tanah untuk peladang. Jadi, yang ada 4 ekar, 4 ekarlah, yang ada 5 ekar, 5 ekarlah, yang ada 2 ekar, 2 ekarlah. Sejauh mana kita dapat memberi pendapatan yang lebih. Katalah kita tambahkan subsidi atau tambahkan bantuan. Setiap satu ekar RM200, tidak cukup. Jadi, yang dipersoalkan ialah sama ada kita hendak teruskan, membiarkan peladang terus dengan padi ataupun seterusnya kita kurangkan peladang yang bergantung pada padi.

Kita ada berbagai-bagai jenis rancangan yang diadakan oleh MADA dan kementerian. Kita ada ladang ke kelompok ataupun mini estet diguna untuk menyatupadukan kepada satu kumpulan yang mereka dapat keluar, duduk kerja luar. Mereka serahkan ladang kepada orang tertentu dan mereka terus keluar daripada kawasan lain untuk bekerja. Inilah kita katakan, mungkinlah perkara ini dari segi teori, bagus tetapi mungkinlah dari segi praktikalnya tidak mungkin kita adakan tetapi hasrat kerajaan adalah untuk mengurangkan bilangan peladang. Tambahlah kita 400,000 orang kerja dalam ladang, maka tentulah kita tidak dapat, tidak mungkin kita dapat meningkatkan pendapatan peladang.

Seterusnya ....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Kita telah mengadakan berbagai-bagai projek kelompok dan kita telah mengadakan cara kita sendiri dengan mengadakan, katakan kita *tender out*, kita pajakkan 200 ekar. Dengan lain kata, kos pengeluaran telah kurang. Begitu juga dengan lain-lain lagi. Misalnya di Taiwan. Di Taiwan, peladang bekerja atas ladang tetapi untuk sekian-sekian masa, selepas itu pergi keluar untuk kerja kilang. Dengan lain kata, *offer income* telah bertambah tetapi *found income* tidak bertambah. Itulah yang kita cuba sekarang ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut tentang masalah keluasan sawah itu yang kecil menyebabkan hasil pendapatannya tidak banyak disebabkan bila sawah kecil itu, kosnya tinggi. Perkara ini sememangnya sukar untuk diatasi dari segi keluasan itu. Tetapi tidakkah ada satu cara untuk hendak mengurangkan kos pembajakan, kos tuaian, macam saya katakan tadi. Sepatutnya kerajaan, pihak

MADA ini juga, khususnya pihak pertubuhan peladang yang disebut oleh rakan saya tadi. Maknanya, duit dia banyak, sepatutnya dia boleh melabur dalam menyediakan jentera-jentera bajak, tuai dan sebagainya dengan kadar harga yang rendah, sebab dengan kadar harga yang rendah sebab itu orang yang keluasannya kecil, dia masih boleh dapat keuntungan untuk membiayai kehidupan mereka tetapi kalau dengan kos yang ada macam saya katakan tadi bahawa Bernas sendiri pun, dia menyediakan jentera bajak, jentera tuai tetapi dia punya kadar sewa dia dan sebagainya sama dengan tokey-tokey lain.

Jadi, tidak ada unsur kebajikan tetapi kalau Lembaga Pertubuhan Peladang ini yang bertanggungjawab kepada peladang, ahli-ahlinya adalah peladang, dengan duit yang ada dilaburkan untuk jentera ini. Saya rasa ini akan memberikan, mengurangkan kos dan menambahkan pendapatan petani.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, memanglah kita telah adakan tindakan terkini. Kita adakan projek kelompok. Maknanya kita telah gabungkan sawah-sawah dalam satu kumpulan dan mereka tender. Mereka tender itu sudah tentu kos kurang. Jadi, bila seseorang itu ada traktor, katakan Yang Berhormat sendiri hantar traktor, kita masuk sekali terus traktor. Dua ratus relong, tidak pindah-pindah, terus tang tu dan juga dari segi jangka tuai, dia masuk kat situ terus diusaha.

Jadi, itulah cara-cara kita mengurangkan kos. Jadi, dalam perkara ini, PPK Kuala Sungai misalnya, Kuala Sungai kat mana ..... [*merujuk kepada ahli pembangkang*]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kuala Kedah.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Kuala Kedah. Jadi, kawasan Yang Berhormat misalnya, kita telah mengadakan satu projek yang kelompok yang kita kurangkan dari segi kos pembajakan RM10 serelong atau RM12 serelong. Tahun pertama dan seterusnya RM16 dan kos tuaian padi dulunya RM7, disebabkan kita tender, RM5 serelong sahaja. Itu yang boleh kita kurangkan. Jadi, insya-Allah kita akan teruskan usaha ini.

Seterusnya, Yang Amat Berhormat bagi Pendang juga minta pihak penyelidikan MARDI memberi penekanan terhadap masalah hasil padi ini. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak MARDI telahpun mengadakan program

ini lama dah tetapi dari masa ke semasa kita telah mengadakan benih-benih baru yang perlu diedarkan dan insya-Allah kita akan teruskan usaha ini. Jadi ...

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bandau bangun.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai Taman Pertanian di Shah Alam. Ini ada kaitan dengan soal MARDI dan soal 'payau' yang saya sebut tadi. Saya ada melawat di sana pada bulan Disember dan dalam keadaan teruk sekali. Saya membawa petani-petani dari Sabah dan tempat itu terbengkalai seolah-olah 'payau' itu pun rusa-rusa mereka boleh lihat dia makan akar kayu. Ada 10 ekor di sana itu.

Dan itu tempat demonstrasi untuk padi itu, masih ada nama MARDI di sana, jenis-jenis emar berapa jenisnya terbengkalai begitu sahaja – kosong, padi setengah mati dan sebagai latar belakang saintis pertanian, saya merasa kecewalah kalau aku punya pemimpin dari Sabah kata, "Eh, YB inikah dia punya pertunjukan? Kita punya lebih bagus lagi, tidak payah datang sini". Itu bagi orang Malaysia cakap. Kalau orang dari Australia, orang antarabangsa datang, saya rasa kita pun tidak tahu bagaimana mahu jawab. Saya ingin mengetahui kedudukan terkini mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih. Saya ingat perkara ini saya akan jawab dalam soalan lain. Ada yang membangkitkan pasal Bukti Cherakah. Jadi, jalan MADA telah ditarkan. Jadi, Tuan Pengerusi jalan ladang MADA ini panjang. Kalau pergi ke Singapore, patah balik pun, 1680 km panjang. Jalan ladang MADA ini panjang. Jadi, kalaulah hendak tar semua, tidak mungkinlah Yang Berhormat tetapi apa yang kita lakukan ialah tahun sudah kita memberi peruntukan RM5 juta untuk mengtarkan sebahagiannya dan insya-Allah tahun ini akan diberi RM5 juta lagilah untuk mengtarkan tetapi yang lainnya, modal kita ada. Ini perlukan modal. Mungkin tidak boleh kita tarkan semualah. Pasal, fahamlah.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sila, sila teruskan. Dia orang faham Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Perolehan IADP. IADP sama ada IADP akan terus diadakan jadi harga tanah telah berbayar dan adakah operasi akan terus diadakan ... kita akan terus mengadakan 'persona' yang berkaitan dengan ini dan pihak kerajaan negeri melalui JPS akan mengadakan ladang-ladang tersebut, insya Allah.

Ada satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang ialah berkenaan dengan sanggar ataupun rumpai sama ada itik boleh dibela atau untuk memberi pendapatan lebih. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telah diambil alih oleh MARDI dan pihak MADA dan juga pihak Jabatan Pertanian dan kita ada program di Seberang Prai saya ingat, kita bela itik ataupun bela itik untuk makan sanggar yang ada itu dan dari segi ini maka kita telah dapat membantu peladang tersebut dan insya Allah kita akan perluaskan program ini ke lain-lain kawasan. Yang perlu ialah kita mengadakan integrated investment iaitu kita tak hendak guna racun serangga dengan banyaknya dan kita tak hendak gunakan racun rumpai dengan sewenang-wenangnya.

Jadi itulah kita teruskan usaha untuk memberi integrated investment dan hanya perlu sahaja kita beri semburan. Beluran telah membangkitkan perikanan laut dalam, sama ada usaha sama boleh dilakukan. Jadi untuk makluman, sekarang ini tidak ada, kita belum lagi memberi laluan kepada kerjasama di antara syarikat asing dan Malaysia tetapi yang kita adakan ialah chartering of boats yang kita lakukan sekarang ini. Insya Allah, masalah selama ini kita sedang dalam perbincangan dengan Kementerian Pertanian.

Seterusnya kita perlu melatih, mengadakan kursus untuk melatih tenaga mahir di peringkat laut dalam dan perkara ini memanglah kita adakan malahan kita ada satu bot di dalam Kementerian Pertanian untuk melatih mereka dalam laut dalam dan perkara ini telah kita adakan dan jadilah lepas kursus itu depa balik, tak ada yang nak kerja laut dalam, semuanya akan lari daripada laut dalam. Itu yang berlaku sekarang ini. Tetapi terpaksa kita ambil pihak dari luar negara untuk menjadikan awak-awak dan sebagainya.

Tukun tiruan. Program ini kita akan perbanyakkan lagi dan ujian oleh pihak UPM dan perkara ini kita akan teruskan usaha kita untuk mengadakan kawasan-kawasan pembiakan ikan dan kita akan menambahkan peruntukan setahun ke setahun.

Berkenaan ikan kerapu, sama ada kerapu ini daripada natural breeding ataupun daripada pemilihan. Kita belum dapat lagi teknik yang tertentu yang boleh membiakkan apa yang dikatakan macam Talapia Blue Black tapi apa kita gunakan ialah mulakan benih ini dengan cara kita pancing yang hak anak-anak dan terus kita simpan dalam nurseri dan terus kita jual kepada penternak yang terlibat. Itu yang kita adakan dan belum lagi ada orang katakan pemilihan.....

Berkenaan dengan tiram, tiram ini ada perkara yang mendukung kita malahan ada pihak USM dan juga ada pihak yang tertentu yang mengadakan kajian yang terperinci dan bagi makluman Yang Berhormat, saya berkesempatan melawat tiram di Pulau Semporna dan nampaknya tempat itu masih lagi terbengkalai sedikit disebabkan masalah company, tetapi pihak Kementerian Pertanian telah mengambil alih perkara ini dan insya Allah, kita akan teruskan usaha untuk mengadakan ternakan tiram dengan baik, dengan jayanya.

Seterusnya agar-agar yang mempunyai potensi yang bagus. Saya mengambil kesempatan untuk melawat kawasan tersebut malahan pihak LKIM, pihak Kementerian Pertanian dan juga pihak Jabatan Perikanan telah memberi bantuan kepada nelayan-nelayan yang inginkan apa ni, bawah teratak tu, atas kayu tu, atas rantai, atas apa ni.....

**Tuan Pengerusi:** Apa Yang Berhormat?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tali, tali, tali. Jadi sekarang ini kalau suhu dan lain dan tumbuhlah agar-agar ini. Jadi perkara ini telah diambil tindakan oleh Kementerian dan kita menggalakkan malahan saya bercerita pergi. Dan ada juga yang katakan yang marketnya adalah terjamin jadi kita akan teruskan usaha ini, insya Allah. Sama ada LIKIM boleh beri bantuan kepada sektor ini kerana memanglah pihak LKIM sedang berusaha untuk menambahkan lagi bantuan sama ada dari segi pukut, seterusnya enjin dan lain-lain lagilah. Kita akan beri bantuan.

Seterusnya Yang Berhormat Beluran juga menanyakan sama ada pemeliharaan aquarium fish ataupun ikan dalam sangkar....

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Beluran bangun

**Tuan Ronald Kiandee:** Ya, terima kasih. Penjelasan, negara kita banyak mengadakan usaha sama dan saya ingin berbalik kepada usaha sama perikanan laut dalam. Kita mengadakan usaha sama dalam perladangan, dalam banking, dalam beberapa industri yang lain. Apakah masalah utama bila perikanan laut dalam ini tidak diberi peluang untuk mengadakan usaha sama dengan pelabur-pelabur asing. Kita tahu bila kita adakan ini kita akan dapat tengok technology transfer, kita akan dapat peluang pekerjaan yang lebih besar, yang lebih luas kepada masyarakat nelayan dan juga akan memberikan pulangan pendaratan yang lebih besar terhadap ikan-ikan

untuk ke luar negara. Jadi apa sebenarnya masalah dan apakah kementerian sedar akan prospek yang besar buat pertanian dalam industri ini? Sekian.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Cerita laut dalam ini lama, Tuan Pengerusi. Jadi sekarang ini dulu kita ada tak menang langsung, lepas itu kita kata kita boleh charter dan sekarang ini kita nampak pun tak jalan juga, kita akan terus bincang dan memang kita sedang bincang perkara ini dan pihak kementerian dalam perbincangan untuk menyelesaikan perkara ini sama ada usaha sama dengan Thailand ataupun negara jiran yang berkemampuan dalam perkara ini sebab kita kurang kepakaran dalam perkara ini.

Terus terang saya katakan kebanyakan awak-awak perikanan laut dalam ini ialah orang Siam ataupun orang Indonesia ataupun orang Filipina. Tak mungkin orang Malaysia dapat memenuhi perkara ini, sebab apa hanya dari segi 'for see' lah yang mungkin kita tukarkan sikit dan saya harap Yang Berhormat perkara ini dapat difahami.

Berkenaan dengan pemeliharaan ikan 'aquarium fish', kita telah mendapat banyak manfaat dari perkara ini, malahan kita telah mengeksport aquarium fish ini lebih kurang RM50 juta ke luar negara dan kita akan terus mengembangkan industri ini. Jadi, pihak kementerian melalui Jabatan Perikanan telah mengadakan satu seksyen yang mengendalikan aquarium fish yang akan terus membangunkan industri aquarium fish.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Dari segi ikan akuarium ini, kita eksport lebih kurang saya ingin RM90 juta dan sebahagian besarnya lebih kurang RM60 juta datang dari kawasan saya. Jadi, isu yang saya hendak bangkitkan dan minta pandangan daripada Kementerian Pertanian, mereka ini buat secara haram, ini problemnya. Jadi, tidakkah boleh kementerian cuba atasi, bermakna haram kalau ditutup eksport kita sebanyak RM60 juta akan hilang.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Maksud haram macam mana Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Haram ini maksudnya tanah kerajaan, tanah yang bukan milik sendiri, itu maksudnya.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Jadi, ini bukan aquarium fish Yang Berhormat. Yang itu adalah dari segi ikan tilapia dan ikan 'fresh water fish' mungkin. Yang akuarium ini kawasan yang digunakan adalah tidak banyak kawasan yang digunakan,

walau macam mana, saya akan berbincang kemudian dengan Ahli Yang Berhormat berkenaan perkara itu.

Ahli Yang Berhormat bagi Baling telah membangkitkan hasil pertanian yang tidak dapat dipasarkan, dalam perkara ini pihak FAMA akan terus memantau perkara ini dan kita akan mengambil tindakan untuk mengadakan lebih banyak lagi para petani yang terus dan menekankan persaingan yang lebih lagi terhadap untuk memasarkan pertanian jualan mereka. Dalam perkara dimintalah pihak FAMA yang ada di sini dapat membantu pihak kementerian jika pihak Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dapat mengatasi perkara ini disebabkan tanpa marketing yang begitu meluas, sudah tentulah kita tidak boleh merangsangkan pertanian disebabkan kita mengatakan tidak cukup pasar atau tidak cukup luas kawasan, itu sebagai satu cara yang kita boleh, insya-Allah akan dapat atasi.

1K1P ini - sayuran, pandangan ini adalah pandangan yang baik dan kita akan cuba mengikutinya, malahan 1K1P ini telah lama kita buat di negeri Kedah, semasa saya jadi EXCO Kedah dahulu telah dibuat, kita tanam di kawasan Baling ialah tanaman buah dokong dan di kawasan lainnya adalah Kuala Muda – udang harimau. Itulah perusahaan yang telah kita usahakan dan di Padang Terap kita adakan kawasan tembikai. Kita akan pergerakkan perkara ini dan insya-Allah kita akan cuba memajukan perkara ini dengan secepat mungkin.

Yang lainnya ialah isu pengesahan ‘halal’ ini. Perkara ini pihak kementerian akan bincangkan dengan pihak JAKIM dan dalam perkara ini pihak Kementerian Pertanian selalu memantau perkara ini dan diperhatikan kalau tidak bersih dan tidak halal, kita akan terus berhentikan operasi mereka itu. Kita tidak mahulah perkara ini dijadikan satu isu yang sensitif lagi dan kita tidak mahulah jadi satu perkara yang dibiarkan begitu sahaja.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah telah mengatakan MARDI hendaklah mengkaji selidik segala durian yang ada di Larut itu. Larut memanglah terkenal dengan durian dan buah duriannya begitu enak sekali dan perkara ini memanglah pihak Jabatan Pertanian dan MARDI menjalankan kajian yang tertentu yang melibatkan durian. Durian ini memang mengambil masa lama sedikit, lima atau enam tahun baharulah kita dapat hasil yang tertentu. Jadi, apa yang dilakukan ialah kita kacukkan batang pokok menunggu, kita ambilkan benih ataupun tunas (bud), kita cantumkan dengan batang menunggu ini. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat ada

benda-benda yang dikatakan ‘kepala gajah’ atau ‘kepala harimau’ yang boleh rasanya sedap, bolehlah kita minta pihak MARDI atau pihak Jabatan Pertanian membuat penyelidikan dan mengusahakan. Kita ada session lagi – sabar Yang Berhormat.

Satu lagi ialah JPS, diminta JPS mengadakan peruntukan yang lebih untuk mengatasi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong. Saya tahulah kawasan Tanjong itu adalah kawasan yang agak mungkin disebabkan hujan lebat yang berterusan, maka menyebabkan Empangan Bukit Merah itu sebak sedikit, maka sebab itulah air tidak bergerak dengan cepat atau tidak lari dengan cepat, yang menyebabkan banjir berlaku. Dalam perkara ini, kita akan cuba, saya pun tak tahulah apa yang hendak dikatakan, mungkin kita akan dalamkan sungai ataupun kita dalamkan kawasan yang banjir itu, kalau ada apa-apa Yang Berhormat.

**Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penjelasan. Saya rasa perkara ini perlu diambil perhatian yang berat, saya takut bukan sahaja Larut, Bagan Serai dan mungkin melarat sampai ke Parit Buntar akan tenggelam. Jadi, saya minta sangatlah, perkara ini sudah cukup lama, perlu dibuat sesuatu dan kalau Larut selamat pun, Bagan Serai menghadapi masalah dan saya bimbang sampai ke Parit Buntar. Terima kasih.

**Dato’ Abu Bakar bin Taib:** Tuan Pengerusi, perkara Sungai Kerian ini adalah satu perkara yang saya pun tahu kawasan ini, dahulu saya bekerja selama empat tahun di situ sebagai Pegawai Pertanian. Jadi, limbangan Sungai Kerian itu adalah datang daripada Selama, Perak dan Selama, Kedah, terus ke Mahang – semua air itu turun ke kawasan itu. Jadi, itulah yang berlaku dan seterusnya kawasan Sungai Kerian dan limbangan itu dan kawasan itu kawasan rendah, berbalik kepada Parit Buntar ini kawasan rendah, Yang Berhormat. Jadi, kalau kita buat macam mana pun ia akan tenggelam juga. *[Ketawa]*

JPS pun ada di sini, memanglah plus four, plus three, ataupun kawasan Kuala Kurau, Tanjong Piandang, Parit Buntar, Titi Serong – saya tahulah kawasan itu semua. Saya bekerja di situ selama empat tahun, jadi saya tahu sangatlah masalah di tempat itu disebabkan ia tiada kemudahan, itu sebabnya kita bubuh empangan jajar di Kerian itu untuk menyekat air laut datang. Jadi, kalau berlaku katalah di mana keadaan hujan di hulu sehari atau dua hari sebelum itu, selepas itu hujan pula di hilir, maka sudah tentulah air pasang, tentulah air sebak. Itulah yang berlaku di Alor Setar

pada tahun 1998 dan itulah juga yang berlaku di Pulau Pinang disebabkan keadaan di mana terdapat hujan terlampau lebat, air pasang yang terlampau tinggi, maka sebab itulah air tidak boleh pergi ke mana. Buka pintu takut air laut masuk ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penjelasan Yang Berhormat. Yang saya bimbang ini bukan pekan Bagan sahaja yang tenggelam, setakat banjir biasa dan mungkin projek pelancongan yang di Bukit Merah itu pun akan menghadapi masalah yang besar. Setakat banjir biasa tidak mengapa, Pokok Sena pun boleh sampai lagi, Parit Buntar biasa, tetapi takut tenggelam. Itu yang menjadi masalahnya. Timbalan Menteri Dalam Negeri pun tiada sekarang.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasihlah. Perkara ini pegawai kementerian akan mengambil perhatian, saya tidak tahulah hendak jawab, tidak usah bangkitkan lagilah. *[Ketawa]* Memanglah kajian tentang limbangan ini telah pun dibuat Tuan Pengerusi, dan pihak JPS akan menentukan perkara ini dapat diatasi, insya-Allah. Tetapi percayalah kepada saya perkara ini tidak mungkin kita akan selesaikan dalam jangka masa yang pendek.

**Tuan Pengerusi:** Panjangkah lagi Yang Berhormat?

**Dato' Abu Bakar Taib:** Panjang lagi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kalau boleh sedikit sahaja. Saya hendak cadangkan, minta Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen semua pegawai turun sekali tengok macam mana – selesai buang sekali.

**Tuan Pengerusi:** Ha, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya ingat ini sahabat saya dari Bagan Serai, Parit Buntar pun bersetuju kot. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Insya-Allah!

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, ya, ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, saya tumpang hendak memberi penjelasan sahaja tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya Ahli Parlimen Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila, sila.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Perkara ini sebenarnya Tun, telah pun saya kemukakan dan pihak kerajaan telah membuat satu kajian, kajian awal dulu, untuk mengatasi masalah banjir ini. Apa yang telah dimaklumkan kepada rakyat tempatan bernilai setengah juta ringgit tetapi akhir-akhir ini banjir berlaku dua kali dalam tempoh dua bulan, akhir tahun 1999, awal tahun 2000. Sebagai Ahli Parlimen saya telah menulis kepada Pengarah JPS untuk turun membuat kaji selidik secara keseluruhannya, insya-Allah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih, Yang Berhormat. Perkara ini memanglah dalam kajian Jabatan Parit Wilayah dan memanglah limbungan- limbungan Sungai Kerian dan Sungai Muda, dua-dua kawasan itulah yang telah dikenal pasti sebagai tempat yang selalu berlaku banjir.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan mengenai tidak ada bantuan untuk mukim ya. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, perkara bantuan baja padi ini telah selalu berbangkit dalam Dewan ini dan saya telah mengatakan bahawasanya pihak kerajaan tidak berniat untuk mengkhianati sesiapa. Apa yang dilakukan adalah semata-mata untuk kebaikan negara dan untuk kebaikan petani dan kalaulah ada yang tersisih, yang terdapat tersisih, beritahu kepada saya dan kami – Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen akan terus meneliti perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan perkara ini dan percayalah kerajaan adalah kerajaan adil, tidak niat kita hendak menganaktirikan sesiapa.

**Tuan Saupi bin Daud:** Boleh sedikit sahaja, Yang Berhormat. Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beri laluan, Yang Berhormat? Penjelasan? Ha, sila, sila.

**Tuan Saupi bin Daud:** Saya tidak menuduh kerajaan berlaku tidak adil, cuma saya bertanya tadi dari segi peraturan yang digariskan oleh pihak kerajaan sama ada berbeza di antara negeri dengan negeri kerana kita dengar masalah baja, subsidi baja dan juga subsidi harga padi ini hanya ditimbulkan di negeri Kelantan sahaja tetapi di negeri-negeri lain tidak dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi,

saya takut kementerian memberi arahan yang sama dan serupa tetapi telah dipinda di peringkat negeri masing-masing.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Garis panduan jelas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian adalah sama sahaja bagi semua negeri, sama sahaja iaitu ia adalah hendak membantu petani mengusahakan sawah yang tidak melebihi enam ekar. Itu yang kita berikan.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Nibong Tebal meminta Batu Kawa, pig farming area itu, jadi minta kita buka fail semula. Kita pun tak tahulah perkara ini dan saya akan bincangkan dengan Timbalan Menteri saya, bos saya yang dulunya Timbalan Ketua Menteri dan kami sama-samalah kita akan cuba menyelesaikan perkara ini.

Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan keluarga yang terlibat dalam ternakan babi telah terjejas dengan teruknya dan memanglah kita bersimpati kepada penternak-penternak babi dan perkara ini pihak kerajaan telah pun sedar, memang sedar dan mencari jalan cara mana yang lebih sesuai lagi kita menolong membantu mereka ini. Dalam perkara ini kita suka nyatakan bahawasanya pihak kerajaan telah, melalui kerajaan negeri telah mengenal pasti kawasan-kawasan tertentu yang disediakan sebagai tempat pig farming area dan salah satunya tempat ialah Bukit Pelandok dan kawasan di Penang ada juga dan kawasan-kawasan di negeri yang telah dikenal pasti sebagai tempat-tempat belaan babi dan dalam hal ini pihak kementerian akan memberi segala bantuan yang perlu dan nasihat yang perlu yang mana kita hendakkan ternakan babi ini dijadikan satu industri yang boleh membantu negara ataupun menolong rakyat untuk hidup.

Berkenaan banjir yang dikatakan selalu berlaku di Serdang, memanglah saya telah perkatakan perkara ini dan isu perpindahan ini bukanlah di bawah bidang kuasa JPS, hanya di bawah bidang kuasa majlis bandar ataupun majlis daerah kemukakan perkara itu dan pihak JPS akan membantu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Serdang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya bangkitkan berkaitan dengan memorandum yang disampaikan dipanggil The Sun Flower Project, apa pandangan dan ulasan daripada kementerian terhadap memorandum yang dibentangkan itu?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Yang Berhormat, minta maaf, saya pun tidak tahulah. *[Ketawa]* Tidak tahu semualah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, jawab apa yang tahu, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Yap Pian Hon:** Cara bertulislah, *[Ketawa]* secara bertulis.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh saya tolong dia sedikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payah, awak bukan menteri.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tak payahlah, jangan, jangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Awak belum menteri lagi, Kepong duduk. *[Ketawa]* Setiausaha Parlimen terus, kita ini hendak cepat. Kepong biar dulu. Kalau hendak penjelasan boleh, hendak tolong tidak boleh.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Yang Berhormat...apa ini...Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, ini ada minta penjelasan ini. Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan pendek sahaja, Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, Sun Flower Project ini ialah dikemukakan oleh penternak-penternak khinzir yang sudah lama dikemukakan kepada Menteri, saya harap ini walaupun Timbalan Menteri ini baru, sudah empat bulan di dalam jawatan.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ...dan saya harap Timbalan Menteri akan mengambil perhatian supaya selepas sesi ini boleh balik ke kementerian supaya kaji projek itu?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia itu minta penjelasan itu Kepong, tak boleh tolong, ya sila.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tak apalah. Jadi, yang kita katakan kita akan bincang dengan Yang Berhormat Serdang, bukan Yang Berhormat, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang dan sama-samalah kita, Timbalan Menteri ada di sini, kita akan cuba menyelesaikan perkara ini secepat mungkin.

Yang Berhormat...lupalah....[Memandang ke Blok C].....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambun.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tambun, Tambun. Jadi, terdapat dia kata mismatching dan sebagainya. Perkara ini memanglah perhatian kementerian, teguran yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat kita ambil maklum dan kita akan cuba cari jalan penyelesaian. Yang mustahak adalah kita hendakkan bank ini bergerak lancar, menolong petani dan seterusnya nelayan dan seterusnya sebagai satu bank yang boleh kita bangga. Dalam perkara ini pihak bank memanglah telah menunjukkan prestasi yang baik kebelakangan ini dan dengan adanya board-board directors yang baru, sudah tentulah prestasi perniagaan akan terus meningkat dari masa ke semasa dan sama-samalah kita membantu bank ini dan pihak kementerian akan mengambil perhatian di atas teguran Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah – kawan lama. Jadi, saya tahulah Yang Berhormat selalu pergi ke Kuala Kedah dan selalu pergi ke laut, saya tahu. Saya pun ada CIA juga dan saya pun tahu kata kadang-kadang itu mabuk juga, mabuk laut. [Disampuk] Dia mabuk laut depa kata. Itu orang kata. Jadi, dia telah mengatakan akta yang telah dikuatkuasakan adalah terlalu keras – merampas bot dan sebagainya. Jadi, pihak kementerian sedang berusaha memantau perkara ini dan sekiranya terdapat yang kita boleh bantu, kita bantulah. Yang mustahak ialah kita tidak mahulah orang kita ini kadang-kadang itu Pulau Payar pun depa labuh sauh juga, depa labuh pukot juga. Pulau Payar itu tempat yang begitu canggih, cantik, indah dan di mana kita membiarkan ikan-ikan membiak tetapi kalaulah kita labuh sauh itu, labuh pukot itu sudah tentulah kita akan....Perkara ini....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh? Boleh saya tanya sikit?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Nanti, sat, sat, sat, sat sahaja. Sat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sekejap sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya pun pergi ke Pulau Payar dan juga ke Kuala Kedah itu, jadi saya bawa 'press' hari itu, saya katakan, hangpa tengoklah apa yang berlaku di sini. Jadi dua batu tidak sampai daripada pulau – pukot. Pihak berkenaan terus menangkap dua-tiga bot hari itu semasa saya pergi. Tong dekat tiga bot dan kita nampaklah ikan-ikan yang diambil itu ikan mati, ikan kecil. Jadi kita tidak syoklah perkara ini berlaku dan saya haraplah pihak Yang

Berhormat meminta para nelayan memahami masalah kita ini sebab masalah kita hendak mengimbangkan nelayan pantai, nelayan tengah dan tengahan....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya tidak mahu tanya banyak. Saya hendak tanya satu sahaja, permintaan para nelayan, kalau boleh Pulau Payak, Pulau Segantang diizinkan memancing, memukat tidak apa ambil tindakan tetapi memancing ini minta izinkan sebab memancing ini hanya ambil ikan besar dan saya tidak pernah mabuk laut. *[Ketawa]* Itu tidak betul.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Itu orang kata, saya pun tidak tahu, itu orang kata *[Ketawa]* Jadi, masalah memancing, saya telah membincangkan dengan pihak Jabatan Perikanan dan mungkin kita akan tinjau, tengok, cara mana yang lebih sesuai lagi disebabkan perkara ini ialah perkara yang begitu – kadangkala bila kita hendak memancing depan-depan orang tak labuh pukut, itu yang tak syok tu. Bukan semua orang perangai macam Yang Berhormat, kalau semua perangai macam Yang Berhormat tidak apalah.

Jadi, lainnya ialah minta Jabatan Perikanan proses di mahkamah dengan cepat. Pihak kementerian pun sedar perkara ini, ada bot yang ditahan enam bulan – enam bulan tu sudah reput habislah bot, itulah perkara yang selalu dibangkitkan dan bukan kawasan Yang Berhormat sahaja, kawasan Sanglang pun perkara itu berbangkit, Kuala Kedah bangkit, di Langkawi bangkit, di Perlis bangkit. Masalah, bila ditahan – tidak habis urusan di mahkamah depa tidak dapat mengambil keputusan. Dalam perkara ini, Menteri telah mengarahkan, dipercepatkan proses kompaun ataupun proses tindakan mahkamah tu.

Ketiga ialah berkenaan tukar nama (ownership transfer), jadi, terlalu lama dan boleh membebankan. Dalam perkara ini pihak Menteri telah mengarahkan bahawasanya perkara ini perlu diberi pertimbangan disebabkan – ialah yang ada anak, pak yang ada anak, yang pak dah dak larat pi ke laut dan bolehlah kita transfer ke anak. Insya-Allah, kita akan selesaikan perkara ini dengan secepat mungkin. Dan inilah, sama ada yang itu tidak mahu dah, dia dulu usaha dengan nelayan dan dia hendak transfer kepada orang lain. Mungkin perkara ini akan dipertimbangkanlah, Yang Berhormat.

Pukat siput retak seribu, dihapuskan. Jadi, permintaan Yang Berhormat ini memanglah perkara yang selalu dibangkitkan di Langkawi, mahupun di Kuala Kedah, mahupun di Kuala Perlis. Jadi, khazanah Tuhan ini kita perlu ambil, siput itu datang,

kita perlu ambil Yang Berhormat. Persoalannya ialah sama ada cara-cara kita ambil, pukut ataupun yang sekarang ini ialah dikatakan macam sikat, dia ada 'lebuk' lah, teruslah diangkat. Perkara ini mungkinlah pihak kementerian cuba mencari jalan cara hendak mengambil siput itu, cara mana hendak ambil tanpa menjejaskan behavior of live laut yang lain.

Jadi seterusnya, 200 buah nelayan asing. Memanglah perkara ini perkara biasa, Yang Berhormat saya pun tidak tahulah. Jadi, kita ambil tindakan – kita tangkap banyak orang, di Lautan China Selatan pun kita tangkap dan seterusnya di Langkawi, di Kuala Kedah, tangkap, tetapi masih lagi dok mai. Persoalannya, sama ada kita terpaksa kawal kita punya perairan kita dan seterusnya khazanah kita dan harta benda kita dan dalam perkara ini saya ingat pihak Jabatan Perikanan akan terus meronda dan terus akan mengambil tindakan dan pihak kita akan meminta bantuan polis untuk meronda dengan lebih kerap lagi dan kita akan cuba menyekatkan khazanah kita daripada diambil oleh orang. Seterusnya, masalah 'saji-saji' pukut ingin dihapuskan. Insya-Allah, saranan Yang Berhormat, kita akan perhatikan.

Seterusnya, sungai Kuala Kedah begitu sempit. Jadi, bot-bot ikan, bot-bot pelancong pun selalu, saya pun faham perkara ini dan selalunya bila musim bot itu datang berlabuh tentulah kawasan yang dilalui ialah kawasan kecil. Jadi, dalam perkara ini pihak LKIM akan membina satu kawasan yang dalam sedikit tetapi di kawasan Sungai Pinang, Insya-Allah, kita akan menggunakan jeti yang bersesuaian dan seterusnya kita akan cuba sedaya mungkin untuk menempatkan semula penduduk di tepi sungai itu, jadi kita pesatkan sungai. Jadi, dalam perkara ini makna kita akan adakan satu projek perumahan yang tidak dapat kita jalankan sekarang ini, Insya-Allah, kerajaan negeri Kedah akan jalankan secepat mungkin. Sebabkan inilah perkara yang boleh kita lakukan membesarkan sungai dan mendalamkan sungai.

Dadah ini saya pun ingat perkara ini Kementerian Dalam Negeri, soal ini ada Kementerian Dalam Negeri dan akan terus memantau perkara ini dan perkara dadah ialah perkara yang mencemarkan nama kita sebagai nelayan dan kita akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mencegah perkara ini.

Mundur Kuala Kedah – Kuala Kedah bukan satu tempat yang mundur, tidak mundur Yang Berhormat. Jalan raya empat lane sampai ke Kuala Kedah sudah, tidak mundur kot, itu hasil Barisan Nasional juga tu, tetapi tidak apalah Yang Berhormat dia akan untung. Jambatan merintang Sungai Kuala Kedah cantik Yang Berhormat,

takkan kalau tempat yang mundur itu terdapat sedemikian rupa. Janganlah menidakkan apa yang dilaku oleh Barisan Nasional Yang Berhormat.

Bagan Datoh – Yang Berhormat bagi Bagan Datoh telah membangkitkan tentang hakisan pantai. Tentang perkara ini pihak kementerian telah mengadakan satu peruntukan untuk mencegah hakisan pantai dan juga kita telah tubuhkan satu National Council untuk pencegahan hakisan pantai ini, di mana kita telah membincangkan perkara ini dan kalau tidak mencukupi kita akan tambah peruntukan kerana ‘onggoi’ dari masa ke semasa.

Jadi, satu lagi perkara yang saya ingin katakan ialah masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah setiap kali pasang besar maka banjir berlaku di kawasan Changkat Jong dan di kawasan Teluk Intan. Kita ada satu program untuk tebatan banjir ataupun menjaga Telok Intan, saya ingat berapa juta saya tidak tahu tetapi kita ada program untuk menjagakan kawasan Teluk Intan dan juga Changkat Jong.

Tuan Pengerusi, mengenai kelapa. Perkara ini sagu ada, kelapa tidak ada. Untuk makluman Yang Berhormat kita telah ada program untuk kita akan - kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan kelapa ialah kawasan Bagan Datoh dan Sabak Bernam dan perkara ini kita adakan program untuk menambahkan kawasan kelapa ataupun bagi tanam semula kelapa lebih kurang untuk seribu ekar tiap-tiap tahun yang melibatkan 2 kawasan tersebut. Dan Insya-Allah, kita akan teruskan usaha ini dengan versi-versi baru yang kita adakan sekarang ini masalah kelapa pandan ataupun kelapa wangi.

Yang lainnya ialah dari segi kumbang kelapa, monyet dan babi hutan, kumbang ini adalah satu perkara yang dia makan umbut kelapa itu dan monyet dia tendang buah dan sekarang ini kementerian memang sedar dan kita ada satu program untuk memutuskan perkara ini terutama sekali ialah kumbang.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar telah menyentuh berkenaan dengan Bank Pertanian Malaysia, dia telah menyatakan Gramin Bank di Bangladesh satu bank yang begitu memberi manfaat kepada peladang dan petani.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, Gramin Bank ini kita bincang semasa saya di MADA dahulu, kita bincang juga dan kita juga mengadakan Amanah Ikhtiar Malaysia sebagai satu cara kita menolong membantu pekebun kecil ataupun peniaga kecil dan perkara ini kita beri kepada Amanah Ikhtiar Malaysia, kita beri kepada

orang perempuan, orang perempuan lebih lagi kepada taat. Jadi, ia dikehendaki membayar seminggu sekali atau dua minggu sekali, ini kita lakukan dan Alhamdulillah, Amanah Ikhtiar Malaysia ini telah berjalan dengan rancaknya sejak tahun 1985, kalau tidak silap saya, dan program ini akan terus dilakukan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia. Percayalah kepada Yang Berhormat bahawasanya kita akan terus membantu pekebun kecil dan terus akan membantu mereka yang memerlukan bantuan.

Bukit Cerakah ini telah pun diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor disebabkan kita selalu membangkitkan perkara ini di PAC di mana Kementerian Pertanian telah mengadakan perbelanjaan yang begitu banyak tetapi dikatakan di atas tanah yang bukan hak miliknya dan perkara ini kita telah membincang dengan Kerajaan Negeri Selangor dan kedudukannya ialah saya akan beri secara bertulis kerana saya pun tidak tahu keadaannya yang sebenar dan kita cuba menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin. Kita telah memberikan sedikit, saya pun tidak tahulah berapa juta ringgit untuk membangunkan semula ataupun memberi nafas baru kepada Bukit Cerakah ini untuk membolehkan kita bangga dengan Bukit Cerakah ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Bandau tadi keadaannya yang lesu sekali, payanya tidak begitu menjadi macam paya yang sebenarnya dan padi pun tidak.....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Minta penjelasan sedikitlah.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Parit Buntar minta penjelasan.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, tentang Taman Sri Cahaya Shah Alam itu, kalau misalnya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bandau tadi, kalau kita masih buka juga dengan kita buka kepada pelancong-pelancong dalam keadaan yang mengaibkan begitu, tidakkah ia akan mengaibkan negara, mengaibkan imej kita.

Saya lebih cenderung untuk mengatakan supaya kita tutup sementara waktu sehingga proses penswastaannya dan masa depannya dapat diperjelaskan daripada kita membuka, ia akan menimbulkan aib.

Tentang Gramin Bank tadi, memang saya tahu tentang Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebanyak sedikit pun terlibat juga dengan Amanah Ikhtiar ini tetapi kita hendak kalau dapat konsep Gramin Bank itu dibawa dalam Bank Pertanian sebab Bank Pertanian sudah ada network itu. Maksudnya, hanya menggunakan sistem yang ada diubahsuai apa yang ada di Gramin Bank digunakan dalam Bank Pertanian, saya rasa kalau dua-dua berjalan, Amanah Ikhtiar pun berjalan, BPM pun berjalan, saya rasa nikmat kepada petani lebih besar lagi dan wang lingkungannya pun lebih besar lagi.

Saya rasa terlalu ramai di peringkat akar umbi rakyat yang hendak menunggu mendapatkan mikro kredit dan mikro loan seperti ini. Sekian.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Pihak kerajaan telah ada banyak bantuan, TEKUN ada – tabung yang kita beri bantuan kepada pekebun kecil dan peniaga kecil. Ini telah kita lakukan dari masa ke semasa dan pihak Bank Pertanian walaupun sebuah bank yang hendak mengadakan profit tetapi ia seharusnya memberi penekanan sangat kepada penglibatan dalam hal-hal yang berkaitan dengan social work.

Jadi, perkara ini kita akan ambil maklum dan kita akan cuba menerapkan apa yang ada daripada Gramin Bank itu kepada pihak Bank Pertanian dan bukanlah semata-mata hendak memenuhi kehendak Yang Berhormat, tidak, tetapi sebagai hasrat kerajaan memanglah kita hendakkan perkara ini dilakukan dengan secepat mungkin dan kita akan cuba dengan seupaya kita, cara TEKUN kah atau apa perkara yang boleh membantu rakyat, kita akan membantu rakyat.

Saya ingat tidak ada apa lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingat saya telah menyentuh.....

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Pengerusi, satu lagi.....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Sedikit lagi tadi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bandau, Bandau berdiri dahulu. Mana yang hendak diberi dua, dua-dua sekali tidak boleh ya. Bandau ya.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Bandau. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Balik kembali ke Taman Pertanian di Shah Alam itu, saya rasa seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi saya sokong itu supaya satu ketetapan dibuat, kalau tidak saya ragu, Tuan Pengerusi, imej negara akan terus tercemar kerana dahulu tempat itu memang lawa dan indah dan menjadi tumpuan daripada pelawat-pelawat dari

Australia dan England, khususnya para saintis pertanian dan mereka yang terlibat dalam bidang conservation, dengan izin.

Jadi, seperti mana yang saya sentuhkan tadi itu paya u-paya u pun makan kulit kayu, akar. Ini saya sendiri ada pergi sana dan jambatan yang atas pokok itu, saya rasa beberapa kayu yang sudah mulai rosak, tinggal monyet sahaja yang sihat. Saya tidak tahu macam dia mencari makan di sana tetapi contoh-contoh tanaman padi itu saya rasa mencemar nama baik MARDI.

Jadi, saya cadangkan kerajaan memberi perhatian dan kalau boleh tutup sementara sebab yuran masih sama tetapi bas-bas pun berbunyi sini, sana, dia punya bunyi apabila bawa pelancong dan barangkali saya cadangkan, Tuan Pengerusi, supaya kerajaan terus membantu sementara sebelum selesai perbincangan penswastaaan. Masukkan itu dalam kos penilaian taman tersebut, kita ragu nanti keadaan dan kedudukan sekarang yang teruk itu diguna alasan untuk mendapatkan discount, dengan izin, nilai penswastaaan seterusnya.

Jadi, kita minta pihak kementerian mengambil perhatian ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya tadi ada point yang ketiga tadi masa saya membentangkan Yang Berhormat ya, iaitu tentang Sistem Pengairan di kawasan Kerian-Sungai Manik terutamanya di Parit Buntar itu.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Sistem Pengairan yang dikatakan itu, saya ingat saya sudah jawab tadi – tidak apalah.

Tuan Pengerusi, Parit Buntar ini kawasan seperti Titi Serong, Batu Tengah, Bagan Tiang, saya ahulah itu disebabkan tanah itu kawasan-kawasan yang begitu dalam. Pada hal kita boleh hendak serak – tidak boleh diserak, kita mengadakan semaian atas tanah dahulu barulah boleh dibuat di situ. Perkara ini memanglah kawasan dalam, pihak JPS adakan program ini sudah lama tetapi masih lagi dikatakan tidak begitu memuaskan rakyat dan perkara ini pihak kementerian memang peka perkara ini dan, Insya-Allah, saya akan mengambil makluman dan menyatakan rancangan Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang kami telah tahu lama.

Saya ingat Yang Berhormat bagi Bandau sama ada kita perlu tutup dahulu Bukit Cerakah Sri Cahaya itu, cadangan Yang Berhormat itu kita akan ambil maklum dan kita akan panjangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, sekianlah saya ingat jawapan yang dapat saya beri dan kalau ada jawapan yang tidak dapat diberi saya akan ikuti perkara ini dengan sendiri dan

insya-Allah, sama-samalah kita bantu pihak Kementerian Pertanian dan seterusnya membantu pihak JPS supaya segala sungai-sungai, keindahan sungai dan segala parit-parit yang terdapat di Bagan Pasir dan pihak rakyat sendiri perlu prihatin terhadap masalah air dan masalah pencemaran seterusnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,084,383,100 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,084,383,100 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,049, 458,360 untuk Maksud P.19 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,049,458,360 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.20 [Jadual] -  
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2000] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Ya, Kemaman.

**5.02 ptg.**

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas mengenai Bekalan B.20, Butiran 020000 dan 060000. Kerajaan telah dan akan membelanjakan wang yang banyak untuk menggalakkan pelabur-pelabur luar melabur ke Malaysia dan banyak rombongan yang dilakukan oleh menteri dan pegawai-pegawai MITI ke luar negara semata-mata untuk mengiklan atau mencerminkan Malaysia mempunyai iklim yang baik untuk melabur di negara ini. Gambaran-gambaran yang begitu indah dilukiskan kepada pelabur-pelabur asing

untuk menyakinkan mereka untuk melabur di sini. Usaha-usaha sebegini patut dilakukan dengan lebih agresif lagi dan usaha untuk membawa pelabur-pelabur dari industri yang berteknologi tinggi dan canggih patut diutamakan.

Dalam usaha untuk membawa pelabur-pelabur dari industri berteknologi tinggi dan canggih ini, banyak kegiatan-kegiatan kepimpinan kerajaan dan agensi kerajaan yang menghilangkan keyakinan pelabur-pelabur dalam industri ini untuk melabur di negara ini kerana tindakan-tindakan mereka tidak langsung mencerminkan bahawa Malaysia mempunyai iklim yang menarik dan sesuai untuk melabur dalam industri berteknologi tinggi dan canggih. Ini merugikan usaha-usaha yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kementerian dalam mempromosikan Malaysia.

Antara tindakan-tindakan kerajaan yang menyebabkan pelabur-pelabur dalam industri yang berteknologi tinggi dan canggih tidak berminat melabur di Malaysia termasuklah pelaksanaan undang-undang yang menindas seperti ISA, Akta Hasutan, Akta Rasmi Rahsia, Akta Mesin Cetak, Akta Universiti dan sebagainya. Pendakwaan terpilih iaitu mendakwa individu-individu tertentu yang tidak sebulu dengan kepimpinan kerajaan dan melepaskan atau mendakwa dengan dakwaan yang ringan kepada mereka yang sebulu atau berse kongkol dengan kerajaan.

Banyak kes ini dibincang dalam forum-forum antarabangsa yang amat memalukan sistem perundangan di Malaysia. Antara kes-kesnya ialah kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Saudara Anwar Ibrahim, kes Lim Guan Eng, kes bekas Ketua Polis Negara, kes bekas Ketua Menteri Melaka, kes pembunuhan Mustakizah, kes Param.....

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Point of order. Saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Point of order kerana berapa?.....

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Minta ruling daripada Tuan Pengerusi. Ini bolehkah dia bercakap mengenai topik-topik ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat,  
.....

**Seorang Ahli:** Berkaitan.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Berkaitan itu tidak ada dengan tajuk.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat kalau boleh cakap terus kepada perkara yang berkaitan dengan kementerian.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ini imej Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ini 'image building' lah, please. Okay. Kes Param Chumarasamy, kes Irene Fernandez kes Murray dan sebagainya.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Saya ....[disampuk]

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Dan selagi kita mengendalikan kes-kes ini .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sekejap Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Ini apa benda, yang hendak jawab nanti semua kes-kes kementerian yang lain. Ini yang hendak jawab ini Kementerian Perdagangan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Bukan kes ini. Ini contoh kes.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Ini sudah lari daripada Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau hendak beri contoh, beri sikit-sikit cukuplah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Cara kita mengendalikan kes-kes ini.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa 10 minit. Yang Berhormat menyebut itu habis 10 minit.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay. Cara kita mengendalikan kes-kes ini banyak memburukkan imej Malaysia di kaca mata dunia dan dipandang bahawa sistem kehakiman kita tidak adil dan bebas. Juga kerajaan tidak menghormati ataupun mencabuli keputusan mahkamah antarabangsa seperti dalam kes Param Chumarasamy, di mana kekebalan beliau sebagai *special repertoire* Bangsa-Bangsa Bersatu tidak diendahkan. Menyekat, menekan, mengugut pengeluaran penyebaran

dan penyiaran berita-berita yang tidak disukai kerajaan walaupun beritanya benar. Contoh tindakan kerajaan yang menyekat dan menindas ini ialah mengehendkan pengeluaran *Harakah*, memenjara wartawan seperti Murray Hubbert dan pelbagai tindakan penindasan lagi. Mengehendkan kebebasan rakyat untuk berkumpul, bersuara dan berpersatuan sepertimana tindakan tidak berperikemanusiaan yang diambil terhadap mereka yang cuba menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap tindakan kerajaan kepada beberapa isu baru-baru ini dan kenyataan-kenyataan bodoh yang dibuat oleh pemimpin negara dan menteri-menteri kanan di luar negara seperti menyatakan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri memukul diri sendiri ataupun membekam mata dengan gelas apabila ditanya mengapa bekas Timbalan Perdana Menteri mata lebam. Sedangkan mereka tahu bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri dipukul oleh bekas Ketua Polis Negara. Dan pelbagai lagi tindakan yang mencerminkan ketidakkonsistensi dalam tindakan kerajaan yang memburukkan imej Malaysia di luar negara.

Tindakan-tindakan pemimpin-pemimpin tertentu kerajaan, tindakan-tindakan beberapa institusi kerajaan seperti kehakiman, polis, media telah banyak menyebabkan pelabur-pelabur tidak yakin bahawa Malaysia menyediakan iklim yang baik untuk melabur. Selagi kerajaan mengambil sikap menindas hak-hak asasi kemanusiaan di Malaysia, selagi itulah Malaysia tidak akan berjaya untuk menarik pelabur-pelabur dari kalangan industri berteknologi tinggi dan canggih.

Jadi, saya minta kerajaan menilai semula perjalanan dan pelaksanaan perundangan negara supaya diyakini melaksanakan keadilan, menghapuskan akta-akta yang menindas, memberi kebebasan dalam penyebaran berita dan maklumat dan kebebasan rakyat untuk bersuara. Sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan, saya yakin pelabur-pelabur akan lebih confident untuk melabur di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [*Bangun*] Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah habis Yang Berhormat. Ya, ada yang hendak bercakap lagi? Tambun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak minta penjelasan daripada dia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak ada, dia kata sudah sekian. Tambun,

**5.09 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh 020400 Kerjasama Ekonomi ASEAN. Saya ingat saya hendak sentuh sedikit tentang imej tadi, ya. Sebenarnya dari segi pelaburan antarabangsa ada banyak faktor diambil kira. Satu contoh semasa perang Iraq-Kuwait, syarikat daripada negara selatan Korea pergi ke Kuwait pada masa perang. Pada masa perangnya masa yang tidak baik kerana risiko tinggi syarikat ini pergi ke Kuwait dan buat keuntungan yang cukup besar.

Apa yang dibangkitkan tadi, sebenarnya tidak dibincangkan sangat di persidangan antarabangsa. Ada persidangan antarabangsa tentang hak asasi, dia ada bincang Tetapi saya juga turut pergi puluhan persidangan antarabangsa ekonomi tidak pernah sentuh isu yang dibangkitkan. Jika kita hendak bersetuju atau tidak dengan ucapan Yang Berhormat tadi, kita tengok statistik sebenarnya. Pelaburan asing dalam negara kita bertambah. Itu sahaja saya hendak bercakap supaya kita jangan begitu sempit fikiran. Saya bersetuju bila kata sempit. Saya tidak pernah sebut perkara itu. Tetapi saya lihat cara kita hendak mengolah sesuatu seolah-olah negara kita ini pelabur semua tidak ada kerana kita ada perasaan buruk sangka itu. Itu yang saya hendak nyatakan.

Kerjasama ekonomi ASEAN ini, saya hendak mendapat penjelasan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa, saya hendak tumpu pertama kepada statistik perdagangan mengikut negeri. Mungkin figure saya ini out-dated, tahun 1998, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada statistik yang terkini tetapi saya gunakan yang ini, saya hendak masukkan ke dalam perkara yang hendak saya bincangkan.

Saya dapati bahawa dari segi eksport dan import negara kita ke Indonesia RM3.1 bilion, import - RM4.1 bilion; Filipina - RM3.5 bilion, import - RM5.2 bilion; Thailand - RM7.7 bilion, import - RM7.3 bilion; Republik Singapura - RM40.7 bilion, import - RM26.0 bilion, ringgit semuanya.

Yang hendak saya bangkitkan di sini apabila AFTA dijalankan, dilaksanakan nanti kerana kita tahu AFTA akan mengubah landskap ekonomi dan perdagangan negara kita. Bolehkah kita kata dengan penuh keyakinan bahawa statistik ini tidak akan berubah? Bermakna dari segi eksport kita sudah mempunyai comparative advantage dengan negara yang saya sebutkan tadi dalam bidang-bidang eksport kita

dan dalam bidang-bidang import kita negara luar sudah mempunyai comparative advantage ke atas negara kita. Maka akan berlaku *status quo*. Itu pertama.

Kedua, saya lihat dari segi permintaan dalam negeri dalam laporan ekonomi ini saya cuba hendak kaitkan. Saya dapati bahawa keseluruhan agregat permintaan negara kita adalah sebanyak RM376.6 bilion. Permintaan barangan dan perkhidmatan dalam negeri kita ialah sebanyak 54% iaitu sebanyak RM212 bilion. Jadi permintaan dalam negara adalah sebanyak RM2.1 bilion dalam bentuk permintaan barangan dan perkhidmatan. Ada statistik-statistik import tetapi saya tidak dapat hendak reconcile berapakah peratusan daripada keseluruhan permintaan dalam negeri yang datang daripada import dan bakinya daripada industri tempatan.

Jadi yang saya ingin nyatakan, katalah kita buat andaian bahawa daripada RM212 bilion agregat permintaan dalam negeri, katalah 50%, RM100 bilion bekalan daripada industri tempatan. Bolehkah kita katakan bahawa melalui pelaksanaan AFTA ini nanti yang RM100 bilion yang dikuasai oleh industri tempatan ini tidak akan berubah. Maksudnya industri tempatan akan terus menguasai pembekalan itu.

Saya bangkitkan perkara ini kerana untuk makluman Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa di dalam beberapa perbincangan saya dengan beberapa orang pengusaha mungkin di peringkat kementerian ada melaksana, menjalankan study tentang impak AFTA ini ke atas industri di negara kita. Tetapi di peringkat pengusaha mereka tidak dapat study tersebut. Apabila tidak dapat study tersebut mereka tidak dapat membuat analisis dari segi competitiveness industri mereka sekarang ini berbanding dengan di Thailand, Indonesia dan sebagainya yang merupakan barang competitive kepada industri tempatan.

Saya dalam sektor pertanian saya cukup bimbang, macam kita kata beras, hendak dibanyakkan beras tetapi beras daripada Vietnam dan Thailand lebih murah harganya. Kita tidak akan dapat bersaing. Jadi apa yang ingin saya nyatakan sejauh manakah kementerian fikir bahawa jika study telah dilaksana, dijalankan, study ini telah sampai kepada pengusaha dan pengusaha kita telah membuat analisis dan melakukan penyesuaian supaya industri tempatan dapat bertahan. Itu perkara yang ingin saya bangkitkan.

Kemudian mengenai dengan projek Asean. Kita ambil contoh projek Eropah. Apabila bersaing dengan Boeing, Eropah menghasilkan projek Airbus dan sekarang ini persaingan begitu hebat. Saya tahu bahawa Asean mempunyai kerjasama dari segi

rantau. Kita ada di Utara Malaysia - Thailand, Indonesia, Selatan - Malaysia - Singapura, Indonesia, Philippine dan sebagainya. Dan saya juga tahu bahawa ada juga usaha-usaha untuk Asean mengadakan projek bersama.

Jadi apa yang ingin saya dapat makluman, berapa banyakkah projek-projek bersama ini dan manakah projek-projek bersama atau dipanggil sebagai Projek Asean yang sudah sampai kepada tahap kematangan dan untuk mengeluarkan hasil supaya Asean dapat memiliki satu produk untuk dipasarkan ke pasaran antarabangsa. Saya dapati bahawa Asean mempunyai beberapa competitiveness dalam sektor pertanian umpamanya. Saya tahu dalam perjanjian WTO dari segi pertanian tidak mahu dilaksanakan pada tahun 2005 dari segi liberalisasi kerana beberapa negara tidak bersetuju terutama Jepun kerana tidak ada competitiveness. Di sini saya dapati bahawa Asean mempunyai kelebihan-kelebihan dalam bidang tersebut. Kita menguasai kelapa sawit, padi, getah, galian dan sebagainya. Bagaimanakah kerjasama Asean ini dapat dilakukan untuk menghasilkan apa yang dikatakan Projek Asean untuk dipasarkan ke pasaran antarabangsa.

Di samping itu, tidakkah Asean ada berbincang dari segi projek-projek industri umpamanya seperti mana saya nyatakan tadi dari segi Eropah dia ada projek Airbus dan beberapa projek. Dari segi Asean apakah projek-projek perkilangan ataupun perindustrian yang sedang dibincangkan untuk Asean mewujudkan competitiveness sebagai Asean untuk bersaing dengan negara-negara lain.

Perkara-perkara ini saya dapati penting kerana pergerakan perdagangan antarabangsa berbentuk blok dan masing-masing blok pada peringkat individu bersaing secara individu. Pada peringkat blok bersaing dari segi blok. Ini bermakna bahawa negara kita akan bersaing dengan negara luar dalam bidang tertentu yang kita boleh mempunyai competitiveness sendiri kita akan bersaing. Tetapi dari segi bidang-bidang tertentu secara individu kita tidak boleh bersaing, kita akan kelompokkan atau gabung dengan negara lain jadi Projek Asean untuk kita bersaing di pasaran antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Serdang.

**5.07 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya hanya menyebut butiran 01105 Penubuhan Tapak-tapak Perkilangan IKS. Tuan Pengerusi, sejak Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ditubuhkan melalui Parlimen

ini peranan yang dimainkan oleh perbadanan itu telah memberi galakan, pertolongan dan bantuan kepada IKS di negara kita supaya IKS boleh setanding dengan negara seperti Taiwan, Korea ini tetapi saya mintalah isu penting sekarang dalam pembangunan IKS ia hendaklah cara mana untuk menempatkan kilang-kilang tanpa izin atau mencemarkan alam sekitar di kawasan-kawasan tertentu yang terdapat di negeri-negeri Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana IKS diwujudkan di kampung-kampung baru ternyata sekali kerana cottage industry telah wujud di kampung-kampung baru sejak 50 tahun. Mereka pengusaha-pengusaha kecil ini memang menjalankan perniagaannya di dalam rumah kediamannya. Ini memang tidak sesuai ikut akta National Land Code kerana ini rumah kediaman untuk kediaman tetapi terpaksa mereka menggunakan premis mereka untuk menjalankan IKS. Ini satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan begitu lama tetapi masih belum dapat satu rancangan begitu rapi teratur untuk mengatur semula cottage industry di kampung-kampung baru. Misalnya di kawasan saya, kampung saya Serdang. Cottage industry memang berkembang di kawasan tersebut menjadikan kampung Serdang merupakan satu kampung baru yang termaju, makmur dalam sosio-ekonominya. Dengan adanya IKS wujud di kampung tersebut maka terdapat 13 bank dan institusi kewangan membuka cawangan di kawasan Serdang untuk menjalankan perniagaannya.

Saya bertanya kepada pengurusan bank-bank tersebut apa sebab banyak datang membuka cawangan-cawangan di kawasan Serdang? Dia kata, sebab aktiviti IKS begitu cergas di kawasan itu. Saya ucap terima kasih kepada pihak kerajaan negeri telah membuka lima kawasan industri kecil IKS di kawasan tersebut tetapi masih belum memadai kerana masih terdapat IKS wujud di kampung Serdang di dalam rumah kediaman.

Cadangan baru yang dikemukakan oleh kerajaan negeri baru-baru ini ialah supaya menubuhkan Taman Kasut di Serdang bagi menempatkan pengusaha kasut di Seri Kembangan supaya dijadikan pusat pameran, jualan, latihan dan maklumat bagi industri kasut di kawasan Serdang ini. Cadangan ini saya difahamkan telah disampaikan kepada kementerian. Mesyuarat Jawatankuasa Perindustrian dianjurkan telah membincangkan isu ini tetapi saya tidak tahu apa keputusannya. Saya mengambil berat serius terhadap wujudnya Taman Kasut di Serdang untuk memberi galakan lagi perkembangan industri kasut di Serdang maka, saya mintalah Yang

Berhormat Timbalan Menteri akan memberi maklumat lebih lanjut di Dewan ini supaya saya boleh sampaikan kepada para pengusaha kasut di Serdang yang kebanyakannya penyokong Barisan Nasional. Ramainya sokong Barisan Nasional. Jadi tolong sampaikan mesej ini kepada keputusan daripada kerajaan terutama sekali MITI, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana akan memberi bantuan kepada kerajaan negeri untuk wujudkan Taman Kasut di Serdang.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga minta SMIDEC ini, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang telah menjalankan pengurusan yang begitu cekap tetapi bolehkah sentiasa hantar pegawai berkenaan daripada perbadanan ini ke kampung-kampung baru untuk memberi maklumat-maklumat atau consultancy kepada pengusaha-pengusaha kecil IKS di kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia ini kerana mereka tidak tahu banyak berkaitan dengan maklumat-maklumat berhubungan dengan perbadanan yang diwujudkan.

Walaupun perbadanan diwujudkan bagi consultancy dan pemasaran IKS, skim pinjaman IKS, 'technology development for SMI' dan wujudnya tapak-tapak perkilangan IKS dengan tujuan begitu besar akan memberi galakan kepada IKS di kawasan tertentu seperti di kampung-kampung baru. Inilah satu cara supaya sosio-ekonomi kampung-kampung baru dapat ditingkatkan lagi. Bukan sahaja daripada kemudahan asas di kampung-kampung baru tetapi dengan adanya sosio-ekonomi penting untuk penduduk yang dekat 1.8 juta penduduknya yang tinggal di dalam kampung-kampung baru, mereka hendaklah juga dapat dinaikkan taraf kehidupan mereka yang sepanjang masa telah menderita dalam zaman darurat dahulu.

Tuan Pengerusi, suka saya kalau dapat adanya wakil ataupun pegawai berkenaan dari perbadanan untuk memberi sokongan, beri pandangan dan beri cara berkaitan dengan skim pinjaman IKS kepada mereka, mungkin saya rasa bahawa mereka akan dapat nafas baru dalam zaman pembangunan yang sedang dihadapi di negara kita ini.

Dengan demikian saya mintalah pandangan atau ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong.

**5.24 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, di halaman 203 Butiran 010000 Khidmat Sokongan, Program/Aktiviti 010100 - Bahagian Sumber Manusia, Kewangan dan Teknologi Maklumat.

Tuan Pengerusi, saya nampak tiap-tiap tahun Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri telah pun memberikan jawapan kepada Ahli Parlimen sebanyak 120 soalan setiap tahun dan daripada jawapan-jawapan, kerap kali saya baca jawapan daripada kementeriannya walaupun bukan membayangkan seratus peratus keadaan yang sebenar tetapi sedikit sebanyak mereka berikhtiar untuk memberi jawapan, tidak seperti kementerian-kementerian lain termasuk Pendidikan yang pagi tadi tidak jawab langsung mengenai soalan dan ada orang-orang yang menyokong daripada orang-orang dorongan yang menumpang daripada sekitarnya yang memberi nasihat kepada Menteri Pendidikan supaya tidak jawab. Itulah masalah Tuan Pengerusi, saya berharap Tuan Pengerusi mengambil perhatian, jangan ada dalang-dalang di belakang yang buat sesuatu yang tidak betul.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya ambil perhatian, masuk kepada tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, tajuk ini termasuklah jawapan kepada Parlimen kerana itu termasuk dalam program Khidmat Sokongan yang hendak diterangkan kepada Ahli-ahli Parlimen, kepada orang ramai bagaimana kejayaan kementeriannya.

Tuan Pengerusi, seterusnya, misalnya daripada jawapan pada 20 Mac, Timbalan Menteri sudah menjawab mengenai jumlah pelaburan asing pada tahun 1998 yang RM13.1 bilion dan juga 1999 RM12.2 bilion dan daripada itu yang menarik perhatian saya ialah misalnya pada tahun 1998 pelabur asing kebanyakannya melabur di dalam industri kimia dan barangan kimia iaitu RM4.1 bilion dan juga barangan petroleum dan petrokimia RM2.2 bilion, barangan elektronik, elektrik RM1.9 bilion dan barangan logam asas lebih RM900 juta. Ini merupakan industri-industri di mana pihak pelabur yang membuat pelaburannya sehingga 70% atau 80% daripada jumlah pelaburan asing. Begitu juga dengan tahun 1999 yang kebanyakannya melabur di dalam elektronik, elektrik dan barangan petroleum dan petrokimia.

Tuan Pengerusi, ini memang satu perkara yang sangat membimbangkan. Walaupun setakat ini kita dapati sektor pembuatan, kilang yang merupakan pengeksport yang paling besar di dalam negara ini, kalau kita ikut *Industrial*

*Production Index* yang kebanyakannya datang pertambahan daripada indeks itu, tahun lepas 8.9% pertambahan *Industrial Production Index* dan kebanyakannya datang daripada manufacturing sector, sektor pembuatan. Kebimbangan kami ialah kerana kita menumpukan kepada sektor yang sempit terutamanya elektronik dan elektrik sahaja, petrokimia dan ini bermakna usaha kementerian untuk menggalakkan prestasi eksport kita tidak begitu dipelbagaikan.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab mengapa kita tidak dapat mempelbagaikan aktiviti kita di dalam perdagangan kerana lama kelamaan kita tidak akan mengekalkan usaha kita di dalam sektor elektronik dan elektrik sahaja. Itu memang satu kebimbangan kami mengenai kekurangan usaha ataupun usaha yang tidak begitu berkesan untuk mempelbagaikan pelaburan di dalam negara.

Seterusnya, mengenai halaman 204, Tuan Pengerusi, Penggalakan Perdagangan. Walaupun saya tidak ada masa sekarang, saya akan sentuh mengenai usaha pihak kementerian untuk mencapai satu reformasi di dalam sistem kewangan di dunia ini kerana kita di sebelah pembangkang pun mengakui bahawa *architecture* atau kerangka kewangan dunia itu tidak sihat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh sambung minggu depan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh sambung, ini memang satu tajuk yang penting untuk negara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lima minit lagi minggu depan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lima minit sahaja, ini satu tajuk yang penting mengenai sistem kewangan dan *architecture* kewangan yang paling penting untuk negara kita dan bahkan untuk dunia keseluruhannya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sambung minggu depan, Yang Berhormat.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, minggu depan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

Februari 2000

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji A zmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)

- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)

- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)

- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

**Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)**

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P. G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

*Setiausaha Dewan Rakyat*

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

*Ketua Penolong Setiausaha*

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

*Penolong Setiausaha*

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

## PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

## PARLIMEN KESEPULUH

## PENGAL KEDUA

## MESYUARAT PERTAMA

---

<b>Jilid II</b>	<b>Bil. 22</b>	<b>Khamis</b>	<b>23 Mac 2000</b>
-----------------	----------------	---------------	--------------------

---

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

**Jawatankuasa:****Jadual –**

Maksud B.19

(Halaman 23)

Maksud B.20

(Halaman 111)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2000

**Jawatankuasa:**

Maksud P.19

(Halaman 23)



